



MALAYSIA

Pelaburan Dalam Sektor Perkilangan





> Hak Cipta

Tiada sebarang bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem yang boleh diterbitkan semula dalam apa-apa bentuk dengan apa jua cara, termasuk elektronik, penyalinan semula, rakaman atau apa jua seumpamanya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).


> Penafian

MIDA telah berusaha sedaya-upaya untuk memastikan bahawa semua maklumat adalah terkini dan betul pada masa penerbitan. Pihak kami tidak bertanggungjawab terhadap sebarang maklumat yang tidak betul atau tertinggal yang diterbitkan dalam buku panduan ini.



> LOKASI

Malaysia terletak berhampiran dengan khatulistiwa, di tengah-tengah Asia Tenggara. Semenanjung Malaysia, dengan 11 buah negeri, berada di hujung bahagian paling selatan Benua Asia, manakala negeri Sabah dan negeri Sarawak terletak di pantai utara dan pantai barat pulau Borneo.



The image shows a tall, modern glass skyscraper with a prominent MIDA logo on its upper section. The sky is a vibrant blue with scattered white clouds. A red rectangular box is overlaid on the lower half of the image, containing white text. The building's facade is composed of a grid of glass panels, and a crane is visible on the roof.

MIDA

MIDA adalah agensi promosi dan pembangunan pelaburan utama Kerajaan di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) untuk menyelaraskan dan menggalakkan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia. Beribu pejabat di Kuala Lumpur Sentral, MIDA mempunyai 12 pejabat dalam negeri dan 21 pejabat luar negara. MIDA terus menjadi rakan strategik perniagaan bagi merebut peluang yang muncul dari revolusi teknologi pada era masa kini. Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari www.mida.gov.my dan ikuti kami di saluran X, Instagram, Facebook, LinkedIn, TikTok dan YouTube.

MALAYSIA: PELUANG BERKEMBANG MAJU MENANTI ANDA

Lokasi Strategik

Malaysia terletak di tengah-tengah Asia Tenggara. Bertempat secara strategik di antara Lautan Hindi dan Laut China Selatan, Malaysia mendapat perkhidmatan semua sistem perkapalan dan udara utama. Ditambah pula dengan asas ekonomi negara yang mampan dan kukuh, persekitaran perniagaan yang tersedia dan komprehensif, tumpuan yang memandangkan ke depan dan tenaga kerja mahir yang dinamik, Malaysia merupakan lokasi pelaburan serantau yang berdaya saing dari segi kos, dan semakin berkembang pesat menjadi pusat pilihan bagi perkhidmatan bersama dan industri teknologi yang terkemuka.



Luas Kawasan



330 000 km²
(127 000 mi²)

Penduduk



32.4 juta
(2022)

Mata Wang



Ringgit Malaysia (RM)
yang dibahagikan
kepada 100 sen.

Bahasa Utama



Bahasa Inggeris Perniagaan digunakan dengan meluas. Penduduk berbilang bahasa fasih bertutur dalam Bahasa Inggeris, Mandarin, Hindi dan Tamil.

Iklim



Tropika-panas dan cerah sepanjang tahun.
Suhu harian antara 33°C (90°F) pada waktu petang hingga 22°C

Sistem Kerajaan



Demokrasi Berparlimen dengan Pemerintahan Raja Berperlembagaan

Negeri Utama



Sebuah negara dengan 13 buah negeri dan 3 wilayah persekutuan

Agama Utama



Kebebasan beragama dijamin oleh Perlembagaan. Agama Islam, Buddha, Kristian dan Hindu diamalkan dengan meluas.

Pengaruh Ekonomi

Malaysia mempunyai struktur ekonomi dan eksport yang sangat terpelbagai, pasaran pekerja yang memberikan sokongan, kadar inflasi yang rendah dan stabil, sektor kewangan yang kukuh dan dipermodalkan dengan baik, serta akaun semasa yang teguh berbanding dengan imbalan pembayaran.

Perniagaan di Malaysia memenuhi permintaan pasaran tempatan seramai 32.4 juta orang, dan pasaran ASEAN yang melebihi 600 juta orang.

Keluaran berorientasikan eksport yang utama di Malaysia pada tahun 2022 merupakan:

1. Keluaran Elektrik & Elektronik
2. Keluaran Petroleum
3. Bahan Kimia & Keluaran Kimia
4. Keluaran besi dan keluli
5. Pengilangan Logam
6. Minyak Kelapa Sawit
7. Jentera, Peralatan dan Bahagian
8. Peralatan Optik & Saintifik
9. LNG
10. Keluaran Buatan Berasaskan Minyak Kelapa Sawit

Tenaga Kerja yang Dinamik dan Mahir

Asas pertumbuhan ekonomi Malaysia merupakan kumpulan bakat kami yang terdiri daripada tenaga kerja yang boleh dilatih, terpelajar, berbilang Bahasa dan terpelbagai. Malaysia mempunyai **20 institusi pendidikan tinggi awam, 36 politeknik, 105 kolej komuniti dan lebih 404 institusi pendidikan swasta.**

Disamping itu, lebih daripada 1300 kolej pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) telah ditubuhkan di bawah kementerian yang berbeza untuk menyokong pengembangan kumpulan bakat di Malaysia.

Tenaga pekerja di Malaysia kebanyakannya terdiri daripada penduduk muda yang berumur **25-29 tahun**, membentuk **17.19%** daripada jumlah penduduk atau seramai **2.6 juta** orang. Ini diikuti oleh kumpulan umur **30-34** dan **35-39** tahun yang masing-masing membentuk **16.10%** dan **14.22%** daripada jumlah penduduk.

Malaysia mempunyai kumpulan bakat seramai **15.3 juta** orang pekerja; yang terdiri daripada **9.4 juta** tenaga kerja lelaki dan **5.9 juta** tenaga kerja wanita. Seramai **30.3%** daripada tenaga kerja ini, mempunyai pendidikan tinggi (Ijazah, Diploma & Sijil), dengan **25.7%** daripada tenaga kerja memegang jawatan mahir.

Disebabkan komposisi rakyat Malaysia yang berbilang kaum, tenaga kerjanya fasih bertutur dalam pelbagai bahasa. Antara Bahasa utama yang digunakan adalah Bahasa Malaysia (bahasa rasmi), Bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil.

Sistem Monetari dan Kewangan

Mata wang rasmi Malaysia ialah Ringgit Malaysia (RM), yang dibahagikan kepada 100 sen.

Kadar pertukaran ringgit dikendalikan mengikut aturan apungan terurus bersandarkan kumpulan mata wang wajar perdagangan.

Perkongsian Perdagangan

Rakan perdagangan utama Malaysia di seluruh dunia pada tahun 2021 merupakan:

1. ASEAN
2. Republik Rakyat China
3. Amerika Syarikat (AS)



4. Kesatuan Eropah

5. Jepun

Tambahan lagi, Malaysia telah menandatangani sejumlah 16 Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dan melaksanakan 14 daripadanya, termasuk:

FTA Dua Hala

- Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun (MJEPA)
- Perjanjian Perkongsian Ekonomi Erat Malaysia-Pakistan (MPCEPA)
- Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-New Zealand (MNZFTA)
- Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia-India (MICECA)
- Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Chile (MCFTA)
- Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia (MAFTA)
- Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turki (MTFTA)

FTA Serantau

- Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)
- Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA)
- Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN- Korea (AKFTA)
- Perkongsian Ekonomi Komprehensif ASEAN-Jepun (AJCEP)
- Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-India (AIFTA)
- Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand (AANZFTA)
- Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Hong Kong (AHKFTA)

Malaysia juga telah menandatangani:

Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP)

Kedudukan Global Malaysia

Malaysia adalah salah satu rantau yang paling berkembang pesat di dunia. Negara ini ditarafkan sebagai antara pasaran baru muncul yang paling menarik bagi pelaburan, dan diakui kerana perlindungan yang diberikan kepada pelabur serta gerak balas yang memudahkan keperluan perniagaan.

Pertama

Negara Terbaik di Asia Tenggara untuk Pelaburan Asing

Indeks Peluang Global Bloomberg 2022

Pertama

Negara dengan Potensi Tertinggi untuk Menarik Pelabur Asing di Asia Tenggara

Indeks Peluang Global Institut Milken 2022

Ke-2

Negara Paling Kompetitif di ASEAN

Buku Tahunan Daya Saing Dunia 2023, IMD

Ke-2

Negara Kedua Paling Terhubung di Asia Pasifik

Indeks Keterhubungan Global DHL 2020

Ke-3

Ekonomi Berpendapatan Pertengahan Atas Paling Inovatif di Dunia

Indeks Inovasi Global 2021, Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO)

Ke-9

Bandar Teratas di Rantau Asia-Pasifik (Kuala Lumpur)

Tinjauan Industri Teknologi Global 2021, KPMG

Ke-13

Negara Ke-13 dalam Pengurusan Jangkitan, Pengedaran Vaksin dan Mobiliti Sosial

Indeks Pemulihan Covid-19 Nikkei

Ke-16

Keterhubungan Perdagangan Global

Indeks Keterhubungan Global DHL 2020

Ke-27

Negara Paling Kompetitif di Dunia

Tahun Buku Daya Saing Dunia 2023, IMD

KANDUNGAN

BAB I	
MENUBUHKAN PERNIAGAAN ANDA DI MALAYSIA	12
1. KELULUSAN PROJEK PERKILANGAN	14
1.1 Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975	14
1.2 Garis Panduan bagi Kelulusan Projek Perindustrian	14
2. PENDAFTARAN ENTITI PERNIAGAAN DI MALAYSIA	14
2.1 Pendaftaran Pemilikan Tunggal & Perkongsian	15
2.2 Pendaftaran Syarikat	15
2.2.1 Jenis Syarikat	15
2.2.2 Syarikat Berhad menurut Saham	15
2.2.3 Prosedur Perbadanan	15
2.2.4 MyCoID	16
2.2.5 Piagam Pelanggan	16
2.2.6 Keperluan bagi Syarikat Tempatan yang Diperbadankan	16
2.3 Pendaftaran Syarikat Asing	17
2.3.1 Prosedur Pendaftaran	17
2.4 Perkongsian Liabiliti Terhadap (PLT)	18
2.4.1 Ciri-ciri PLT	18
2.4.2 Siapakah yang boleh membentuk PLT?	18
2.4.3 Prosedur Pendaftaran	18
2.4.4 Penukaran kepada PLT	18
2.4.5 Keperluan bagi PLT	19
2.5 E-Perkhidmatan	19
3. GARIS PANDUAN BERKENAAN DENGAN DASAR EKUITI DALAM SEKTOR PERKILANGAN	19
3.1 Dasar Ekuiti untuk Projek Baru, Pengembangan atau Diversifikasi	19
3.2 Dasar Ekuiti Terpakai kepada Syarikat Sedia Ada	20
3.3 Pemilikan Ekuiti	20
4. PENUBUHAN PEJABAT PERWAKILAN (RE)/PEJABAT SERANTAU (RO)	20
4.1 Pejabat Perwakilan (RE)	20
4.2 Pejabat Serantau (RO)	20
BAB II	
MEMPEROLEHI INSENTIF PELABURAN DAN PERKHIDMATAN YANG MEMUDAHKAN PERNIAGAAN ANDA DI MALAYSIA	21
1. INSENTIF BAGI SEKTOR PERKILANGAN AM	23
1.1 Insentif Utama bagi Syarikat Perkilangan	23
1.1.1 Taraf Perintis (TP)	23
1.1.2 Elaun Cukai Pelaburan (ECP)	23
1.1.3 Takrif 'Berhasrat' bagi tujuan Pemberian Insentif Cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986	23
1.2 Insentif bagi Syarikat Teknologi Tinggi	24
1.3 Insentif bagi Projek Strategik	24
1.4 Syarikat Berskala Kecil	25
1.5 Insentif Tambahan bagi Sektor Perkilangan	25
1.5.1 Insentif Cukai Khas (Penempatan Semula)	25
1.5.2 Elaun Pelaburan Semula (RA)	25
1.5.3 RA Tambahan	26
1.5.4 Elaun Modal Dipercepat (ACA)	26
1.5.5 Elaun Modal Automasi (CA Automasi)	26
2. INSENTIF PELABURAN BAGI INDUSTRI KHUSUS	27
2.1 Insentif bagi Industri Aeroangkasa	27
2.2 Insentif bagi Industri Automotif	27
2.3 Insentif bagi Industri Pembinaan Kapal dan Pembaikan Kapal (SBSR)/ Industri Perkapalan	27
2.3.1 Insentif Cukai bagi Industri Pembinaan Kapal dan Pembaikan Kapal	27
2.3.2 Insentif Cukai bagi Kapal-kapal Malaysia	28
2.4 Insentif bagi Industri Jentera dan Peralatan	28
2.5 Insentif bagi Sistem Bangunan Industri	28
2.6 Insentif bagi Industri Bioteknologi dan Industri Berasaskan Bio	28
2.6.1 Insentif bagi Syarikat Berstatus BioNexus	28
2.6.2 Program Pecutan Berasaskan Bio	29
2.6.3 Pembiayaan Bioteknologi dan Pembiayaan Berasaskan Bio	30
2.6.4 Latihan Khusus Kebolehpasaran dan Keusahawanan (BeST) 2.0 BioAgroteknologi dan BioFarmaseutikal	30
2.7 Insentif bagi Hasil Pertanian (Rantaian Pengeluaran Makanan – Hulan)	31
2.7.1 Insentif untuk Industri Makanan Diproses (Rantaian Pengeluaran Makanan – Hiliran)	31
2.7.2 Insentif untuk Produk Halal dan Aktiviti Berkaitan	32
2.7.3 Insentif Lain untuk Aktiviti Pertanian dan Pengeluaran Makanan Diproses	33
2.7.4 Insentif Tambahan untuk Projek Pelaburan Semula Ditentukan di bawah Seksyen 4F, PIA 1986	33
2.8 Insentif bagi Penggunaan Biojisim Kelapa Sawit untuk Menghasilkan Produk Nilai Ditambah	34
3. INSENTIF BAGI PENGURUSAN ALAM SEKITAR	34
3.1 Insentif bagi Aktiviti Kitar Semula Sisa	34
3.2 Insentif Teknologi Hijau	35
3.2.1 Insentif Di Bawah Bidang Tugas MIDA	35
3.2.2 Elaun Cukai Pelaburan Hijau (Projek - GITA)	35
3.2.3 Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (GITE)	35
3.2.4 Pajakan Solar	35
4. INSENTIF BAGI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN	36
4.1 Insentif Utama bagi Penyelidikan dan	

KANDUNGAN

Pembangunan	36	2. KELAS PENDAPATAN YANG DIKENAKAN CUKAI	47
4.2 Insentif Tambahan bagi Penyelidikan dan Pembangunan	37	3. CUKAI SYARIKAT	47
5. INSENTIF BAGI LATIHAN	38	3.1 Taraf Pemastautin	47
5.1 Potongan bagi Kos Pengambilan Pekerja	38	3.2 Kadar Cukai Pendapatan	47
5.2 Potongan bagi Latihan Pra-penggajian	38	3.3 Pengutipan Cukai	47
5.3 Potongan bagi Latihan Bukan Pekerja	38	3.4 Potongan Cukai	48
5.4 Elaun Bangunan Perindustrian Khas	38	4. CUKAI PENDAPATAN PERSEORANGAN	48
5.5 Pengecualian Cukai ke atas Peralatan Pendidikan	39	4.1 Taraf Pemastautin	48
5.6 Pengecualian Cukai ke atas Bayaran Royalti	39	4.2 Kadar cukai untuk Individu Pemastautin	48
5.7 Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (HRDF)	39	4.2.1 Pelepasan Diri	48
5.8 Potongan Dua Kali bagi Latihan yang Diluluskan	39	4.2.2 Rebat Cukai	50
6. INSENTIF-INSENTIF LAIN	39	4.3 Individu Bukan Pemastautin	50
6.1 Elaun Bangunan Perindustrian (IBA)	39	5. CUKAI PEGANGAN	50
6.2 Elaun Bangunan Perindustrian bagi Bangunan di Malaysia Digital	39	6. CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH	51
6.3 Insentif bagi Sistem Binaan Berindustri (IBS)	39	7. CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN	51
6.4 Bantuan Kumpulan	40	7.1 Cukai Jualan	51
6.5 Potongan Yuran Audit	40	7.1.1 Kadar Cukai Jualan	52
6.6 Insentif Cukai bagi Pelabur Pemangkin	40	7.2 Cukai Perkhidmatan	52
6.7 Elaun Modal bagi Kos Melerai dan Mengalihkkan Aset	41	7.2.1 Perkhidmatan Bercukai	52
6.8 Potongan bagi Perolehan Hak Milik	41	7.2.2 Pengenaan Cukai	52
6.9 Pengecualian Duti Import dan/atau Cukai Jualan	41	7.2.3 Kadar Cukai Perkhidmatan	52
6.10 Potongan bagi Perlindungan Alam Sekitar	43	7.2.4 Kadar Cukai Perkhidmatan untuk Kad Kredit dan Kad Caj	52
6.11 Elaun Bangunan Perindustrian bagi Penginapan Pekerja	43	8. DUTI IMPORT	52
7. FASILITASI DAN INSENTIF BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN	43	9. DUTI EKSAIS	53
7.1 Operasi Serantau	43	10. PERJANJIAN CUKAI DUA KALI	53
7.2 Penyelidikan dan Pembangunan	43	BAB IV	
7.3 Perkhidmatan Minyak dan Gas	43	MEMASUKI DAN BEKERJA DI MALAYSIA	55
7.4 Perkhidmatan Hospitaliti	43	1. SYARAT KEMASUKAN KE MALAYSIA	57
7.5 Perkhidmatan Pendidikan dan Latihan Perindustrian	43	1.1 Pasport atau Dokumen Perjalanan	57
7.6 Perkhidmatan Perubatan dan Penjagaan Kesihatan	44	1.2 Keperluan Visa	57
7.7 Perkhidmatan Logistik dan Rantaian Bekalan	44	1.3 Keperluan Pas	57
7.8 Pengurusan Alam Sekitar	44	1.3.1 Pas Lawatan (Sosial) Jangka Pendek	58
7.9 Perkhidmatan Digital	44	1.3.2 Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang	58
7.10 Perkhidmatan Industri Lain	44	1.3.3 Pas Lawatan (Kerja Sementara)	58
		1.3.4 Pas Penggajian	58
		1.3.5 Pas Lawatan Ikhtisas (PVP)	58
		1.3.6 Pas Tanggungan	59
		1.3.7 Pas Pelajar	59
BAB III		2. PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG	59
MENGOPTIMUMKAN OBLIGASI CUKAI PERNIAGAAN ANDA DI MALAYSIA	45	2.1 Jenis Jawatan Pegawai Dagang	59
1. PERCUKAIAN DI MALAYSIA	47		

KANDUNGAN

2.1.1	<i>Jawatan Penting</i>	59	2. PEMBIAYAAN SEMULA KREDIT EKSPORT-i	81		
2.1.2	<i>Jawatan Bertempoh</i>	59	2.1	Kaedah Pembiayaan	82	
2.2	Garis Panduan mengenai Penggajian Pegawai Dagang	59	2.2	Tempoh dan Margin Pembiayaan	82	
3.	PERMOHONAN JAWATAN PEGAWAI DAGANG	61	2.3	Pembayaran Balik	82	
3.1	MyFutureJobs	61	3. PASARAN MODAL DI MALAYSIA	82		
3.2	Seksyen 60(K), Akta Kerja 1955	62	3.1	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	82	
3.3	Nombor Pendaftaran ESD	62	3.2	Bursa Malaysia	83	
3.4	Prosedur Aplikasi	62	4. PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN	85		
4.	PENGAMBILAN PEKERJA ASING	62	4.1	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA)	85	
BAB V			4.2	Menjalankan Perniagaan di Labuan IBFC	86	
PENGAMBILAN KUMPULAN BAKAT TEMPATAN DI MALAYSIA			63	4.3	Aktiviti-Aktiviti Perniagaan Labuan IBFC	86
1.	PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA	65	5. DASAR PERTUKARAN ASING	86		
1.1	Kemudahan untuk Latihan Kemahiran Industri	65	5.1	Peraturan yang terpakai bagi Bukan Pemastautin	86	
1.2	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)	66	5.1.1	<i>Pelaburan di Malaysia</i>	86	
2.	KOS PEKERJA	67	5.1.2	<i>Kebolehcapaian kepada pembiayaan domestik</i>	86	
3.	KEMUDAHAN PENGAMBILAN PEKERJA	68	5.1.3	<i>Pembayaran dan penerimaan</i>	87	
4.	PIAWAIAN PERBURUHAN	69	5.1.4	<i>Lindung Nilai Pertukaran Asing (FX)</i>	87	
4.1	Akta Kerja 1955	69	5.1.5	<i>Akaun-akaun ringgit dan mata wang asing</i>	87	
4.2	Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak	69	5.2	Peraturan yang terpakai bagi Pemastautin	87	
4.3	Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991	70	5.2.1	<i>Pelaburan dalam aset-aset mata wang asing</i>	87	
4.4	Akta Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) 1969	70	5.2.2	<i>Peminjaman dalam pesisir dan luar pesisir</i>	87	
4.5	Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA) 1994	73	5.2.3	<i>Pembayaran dan penerimaan</i>	88	
4.5.1	<i>OSHA 1994</i>	73	5.2.4	<i>Eksport Barangan</i>	88	
4.5.2	<i>Akta Kilang dan Jentera (FMA) 1967</i>	74	5.2.5	<i>Lindung Nilai FX</i>	88	
4.5.3	<i>Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan)</i>	75	5.2.6	<i>Akaun Mata Wang Asing</i>	88	
5.	PERHUBUNGAN PERUSAHAAN	75	BAB VII			
5.1	Kesatuan Sekerja	75	MELINDUNGI HAK HARTA INTELEK ANDA DI MALAYSIA			89
5.2	Akta Perhubungan Perusahaan 1967	75	1. PATEN	91		
5.3	Perhubungan dalam Pertubuhan Tanpa Kesatuan Sekerja	75	2. CAP DAGANGAN	91		
BAB VI			3. REKA BENTUK PERINDUSTRIAN	91		
MEMAHAMI PERBANKAN, KEWANGAN DAN PERTUKARAN ASING DI MALAYSIA			77	4. HAK CIPTA	92	
1.	SISTEM KEWANGAN DI MALAYSIA	79	5. REKA BENTUK SUSUR ATUR LITAR BERSEPADU	92		
1.1	Bank Pusat	79	6. PETUNJUK GEOGRAFI	92		
1.2	Institusi Kewangan	79	7. PENILAIAN HARTA INTELEK	92		
1.2.1	<i>Industri Kewangan Islam</i>	80	8. PEMBIAYAAN HARTA INTELEK	92		
1.2.2	<i>Institusi Kewangan Pembangunan</i>	81	9. PASARAN HAK HARTA INTELEK	93		

KANDUNGAN

BAB VIII			
MEMASTIKAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR	94	4. INVESTKL	112
1. DASAR	96	5. PIHAK BERKUASA WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR (IRDA)	112
2. KEPERLUAN ALAM SEKITAR	96	6. PERBADANAN EKONOMI DIGITAL MALAYSIA (MDEC)	113
2.1 Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) untuk Aktiviti yang Ditetapkan	96	7. PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)	113
2.2 Penilaian Kesesuaian Tapak	101	8. LEMBAGA PEMBANGUNAN KORIDOR WILAYAH (RECODA)	113
		9. PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PELABURAN WILAYAH SABAH (SEDIA)	113
BAB IX		DIREKTORI ORGANISASI	114
MENYAMBUNGAN PERNIAGAAN ANDA DENGAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN DI MALAYSIA	102	KEMENTERIAN	116
1. TANAH PERINDUSTRIAN	104	ORGANISASI YANG BERKAITAN	118
1.1 Taman Perindustrian	104	PEJABAT-PEJABAT MITI LUAR NEGARA	120
1.2 Zon Bebas	104	PEJABAT-PEJABAT MIDA LUAR NEGARA	121
1.2.1 Zon Komersial Bebas (Free Commercial Zone atau FCZ)	104	PEJABAT-PEJABAT MIDA NEGERI	124
1.2.2 Zon Perindustrian Bebas (Free Industrial Zone atau FIZ)	104	PEJABAT-PEJABAT MATRADE LUAR NEGARA	126
1.3 Gudang Pengilangan Berlesen	104	PEJABAT-PEJABAT MATRADE NEGERI	132
2. BEKALAN ELEKTRIK	106		
3. BEKALAN AIR	106	LAMPIRAN	
4. PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI	106	LAMPIRAN I	134
5. KEMUDAHAN KARGO UDARA	107	Senarai aktiviti dan produk yang digalakkan yang layak untuk pertimbangan status perintis dan elaun cukai pelaburan di bawah akta penggalakan pelaburan 1986	
6. PELABUHAN LAUT	107	LAMPIRAN II	138
7. PENGANGKUTAN KARGO	107	List of promoted activities & products for High technologies companies which are eligible for consideration of pioneer status and Pelaburan tax allowance under the promotion of Pelaburan act 1986	
7.1 Pengangkutan Kontena	108	LAMPIRAN III	140
7.2 Penghantaran Muatan	108	Senarai aktiviti dan produk yang digalakkan untuk Syarikat berteknologi tinggi yang layak untuk pertimbangan status perintis dan cukai pelaburan elaun di bawah akta penggalakan pelaburan 1986	
8. LEBUH RAYA	108	LAMPIRAN IV	143
9. PERKHIDMATAN KERETA API	108	Senarai aktiviti dan produk yang digalakkan untuk Industri terpilih yang layak dipertimbangkan taraf perintis dan elaun cukai pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986	
10. INFRASTRUKTUR DIGITAL	108	LAMPIRAN V	145
		Senarai aktiviti dan produk yang digalakkan untuk pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986	
BAB X			
AGENSI PENGGALAKAN PELABURAN LAIN	110		
1. PERBADANAN PEMBANGUNAN BIOEKONOMI	112		
2. MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (ECERDC)	112		
3. PERBADANAN PEMBANGUNAN INDUSTRI HALAL (HDC)	112		

BAB

I

MENUBUHKAN PERNIAGAAN ANDA DI MALAYSIA





1. KELULUSAN PROJEK PERKILANGAN

- 1.1 Akta Penyelaras Perindustrian, 1975
- 1.2 Garis Panduan bagi Kelulusan Projek Perindustrian

2. PENDAFTARAN ENTITI PERNIAGAAN DI MALAYSIA

- 2.1 Pendaftaran Pemilikan Tunggal & Perkongsian
- 2.2 Pendaftaran Syarikat
 - 2.2.1 *Jenis Syarikat*
 - 2.2.2 *Syarikat Berhad menurut Saham*
 - 2.2.3 *Prosedur Pemerbadanan*
 - 2.2.4 *MyCoID*
 - 2.2.5 *Piagam Pelanggan*
 - 2.2.6 *Keperluan bagi Syarikat Tempatan yang Diperbadankan*
- 2.3 Pendaftaran Syarikat Asing
 - 2.3.1 *Prosedur Pendaftaran*
- 2.4 Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)
 - 2.4.1 *Ciri-ciri PLT*
 - 2.4.2 *Siapakah yang boleh membentuk PLT?*
 - 2.4.3 *Prosedur Pendaftaran*
 - 2.4.4 *Penukaran kepada PLT*
 - 2.4.5 *Keperluan bagi PLT*
- 2.5 E-Perkhidmatan

3. GARIS PANDUAN BERKENAAN DENGAN DASAR EKUITI DALAM SEKTOR PERKILANGAN

- 3.1 Dasar Ekuiti untuk Projek Baru, Pengembangan atau Pelbagaian
- 3.2 Dasar Ekuiti Terpakai kepada Syarikat Sedia Ada
- 3.3 Pemilikan Ekuiti

4. PENUBUHAN PEJABAT PERWAKILAN (RE)/PEJABAT SERANTAU (RO)

- 4.1 Pejabat Perwakilan (RE)
- 4.2 Pejabat Serantau (RO)



MENUBUHKAN PERNIAGAAN ANDA DI MALAYSIA

Malaysia merupakan tempat yang ideal untuk menubuhkan perniagaan, dengan pelbagai jenis entiti perniagaan yang boleh didaftarkan mengikut kesesuaian semua orang. Sama ada anda hanya meninjau keadaan, atau komited sepenuhnya untuk mewujudkan kemudahan perkilangan, terdapat entiti perniagaan yang sesuai untuk membolehkan anda memulakan perniagaan anda di Malaysia.

1. KELULUSAN PROJEK PERKILANGAN

1.1 Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975

Di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (ICA), syarikat perkilangan dikehendaki memohon lesen pengilangan yang diluluskan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). Ini merujuk kepada syarikat perkilangan dengan dana pemegang saham sebanyak RM2.5 juta dan ke atas, atau yang mempunyai seramai 75 atau lebih pekerja bergaji sepenuh masa.

Permohonan bagi lesen pengilangan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

ICA, yang telah diperkenalkan untuk mengekalkan pembangunan dan pertumbuhan secara teratur dalam sektor perkilangan negara, mentakrifkan:

- ❖ “Aktiviti pengilangan” sebagai membuat, mengubah, mengadun, menghiasi, memperkemas atau dengan cara lain merawat atau menyesuaikan apa sahaja barang atau benda bertujuan untuk penggunaan, penjualan, pengangkutan, penyerahan atau pelupusannya; dan termasuk pemasangan bahagian-bahagian dan pembaikan kapal tetapi tidak termasuk mana-mana aktiviti yang biasanya berkaitan dengan perdagangan runcit atau borong.
- ❖ “Dana pemegang saham” sebagai jumlah agregat modal berbayar, rizab, baki akaun premium saham dan baki akaun pengasingan untung rugi sebuah syarikat:
 - i. Modal berbayar merujuk kepada saham keutamaan dan saham biasa dan tidak termasuk sebarang jumlah dalam bentuk saham bonus setakat mana ia diterbitkan daripada rizab modal yang diwujudkan melalui penilaian semula aset tetap.

- ii. Rizab merujuk kepada rizab selain daripada apa-apa rizab modal yang diwujudkan melalui penilaian semula aset tetap dan peruntukan bagi susut nilai, pembaharuan atau penggantian dan penurunan nilai aset.

- ❖ “Pekerja bergaji sepenuh masa” bermaksud pekerja yang biasanya bekerja dalam sebuah syarikat selama sekurang-kurangnya 6 jam sehari dan sekurang-kurangnya 20 hari sebulan selama 12 bulan sepanjang tahun dan menerima gaji terus di bawah syarikat pemohon. Ini termasuk kakitangan jualan pengembaraan, kejuruteraan, penyelenggaraan dan pembaikan yang dibayar gaji dan di bawah kawalan syarikat berkenaan. Ia juga termasuk pengarah-pengarah perusahaan yang diperbadankan, kecuali mereka yang hanya dibayar untuk menghadiri mesyuarat lembaga pengarah.

1.2 Garis Panduan bagi Kelulusan Projek Perindustrian

Garis panduan Kerajaan bagi kelulusan projek-projek perkilangan di Malaysia adalah berdasarkan kriteria berikut:

- ❖ Projek mestilah mempunyai Pelaburan Modal bagi Setiap Pekerja (Capital Investment Per Employee atau CIPE) sekurang-kurangnya RM140,000; dan
- ❖ Jumlah tenaga kerja sepenuh masa syarikat perlu terdiri daripada sekurang-kurangnya 80% warganegara Malaysia. Pengambilan pekerja asing termasuk pekerja sumber luar adalah tertakluk pada dasar semasa; dan
- ❖ Jumlah bilangan pekerja peringkat Pengurusan, Teknikal dan Penyeliaan (Management, Technical and Supervisory atau MTS) adalah sekurang-kurangnya 25% daripada jumlah pengambilan kerja atau mempunyai nilai ditambah (value added atau VA) sekurang-kurangnya 40%.

Pembesaran Kapasiti Pengeluaran dan Pelbagaian Keluaran

Sebuah syarikat berlesen yang berhasrat untuk mengembangkan kapasiti pengeluaran ataupun mempelbagaikan jenis produk dengan mengilangkan produk keluaran tambahan perlu memohon lesen pengilang bagi pembesaran atau mempelbagaian produk daripada MIDA.

2. PENDAFTARAN ENTITI PERNIAGAAN DI MALAYSIA

Kaedah Menjalankan Perniagaan di Malaysia

Di Malaysia, sesuatu perniagaan boleh dijalankan oleh:

- ❖ Seorang individu selaku pemilikan tunggal, atau

- ❖ Dua orang atau lebih (tetapi tidak melebihi 20 orang) dalam perkongsian, atau
- ❖ Sebuah syarikat tempatan yang diperbadankan, atau
- ❖ Sebuah syarikat asing, atau
- ❖ Perkongsian liabiliti terhad (PLT).

2.1 Pendaftaran Pemilikan Tunggal & Perkongsian

Dua entiti perniagaan yang pertama iaitu pemilikan tunggal dan perkongsian, mestilah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Bagi perkongsian, rakan kongsi bertanggungjawab terhadap hutang dan obligasi perkongsian itu secara bersama dan berasingan sekiranya aset perkongsian tidak mencukupi. Surat ikatan perkongsian rasmi boleh disediakan untuk menetapkan hak dan tanggungjawab setiap rakan kongsi, tetapi perkara ini tidak wajibkan. Entiti pemilikan tunggal atau perkongsian hanya boleh dimiliki oleh warganegara atau pemastautin tetap.

Perniagaan merangkumi setiap bentuk perdagangan, komersial, pertukangan, panggilan, profesion atau aktiviti lain yang dijalankan untuk tujuan keuntungan, tetapi tidak termasuk sebarang jawatan atau pekerjaan, sebarang usaha amal, atau sebarang pekerjaan yang dinyatakan dalam Jadual Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (ROBA 1956) & Peraturan ROBA 1957.

Dua (2) jenis perniagaan:

1. **Milikan Tunggal:** Perniagaan yang dimiliki sepenuhnya oleh seorang individu menggunakan nama peribadi mengikut kad pengenalan atau nama dagangannya.
2. **Perkongsian:** Perniagaan yang dimiliki oleh dua orang atau lebih tetapi tidak melebihi 20 orang. Nama kad pengenalan tidak boleh digunakan sebagai nama perniagaan.

2.2 Pendaftaran Syarikat

Akta Syarikat 2016 (Companies Act atau CA 2016) mentadbir urus semua syarikat di Malaysia. Akta itu menetapkan bahawa sebuah syarikat mesti berdaftar dengan SSM untuk menjalankan sebarang aktiviti perniagaan.

2.2.1 Jenis Syarikat

Terdapatnya tiga jenis syarikat yang boleh diperbadankan di bawah CA 2016:

- a. Sebuah syarikat berhad menurut saham adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan berdasarkan prinsip bahawa liabiliti ahli-ahlinya adalah terhad setakat jumlah, jika ada, yang belum dijelaskan bagi saham-

saham yang dibeli oleh mereka;

- b. Sebuah syarikat berhad menurut jaminan ialah sebuah syarikat yang liabiliti ahli-ahli adalah terhad setakat jumlah yang ahli-ahlinya telah memberikan jaminan untuk menyumbang kepada aset-aset syarikat sekiranya syarikat gulung tikar; atau
- c. Sebuah syarikat tidak terhad ialah sebuah syarikat yang ditubuhkan berdasarkan prinsip bahawa tiada had yang ditetapkan ke atas liabiliti ahli-ahlinya.

2.2.2 Syarikat Berhad menurut Saham

Struktur syarikat yang lazim di Malaysia ialah syarikat berhad menurut saham, yang boleh diperbadankan sama ada sebagai sebuah syarikat persendirian atau syarikat awam. Dua entiti ini boleh dibezakan melalui perkataan pada hujung nama syarikat, iaitu "Sendirian Berhad" atau "Sdn. Bhd." bagi syarikat persendirian dan "Berhad" atau "Bhd." bagi syarikat awam.

Sebuah syarikat yang mempunyai modal saham boleh diperbadankan dan tetap wujud sebagai sebuah syarikat persendirian jika ia:

- ❖ Membatasi hak untuk memindah milik sahamnya;
- ❖ Mengehadkan bilangan ahlinya kepada 50, tidak termasuk pekerja syarikat berkenaan atau anak syarikatnya dan sesetengah bekas pekerja syarikat itu atau anak syarikatnya;
- ❖ Melarang sebarang pelawaan kepada orang awam untuk melanggan saham dan debenturnya;
- ❖ Melarang sebarang pelawaan kepada orang awam untuk menandatangani wang dengan syarikat itu selama tempoh tetap kena bayar apabila diminta, sama ada dengan faedah atau tanpa faedah.

Sebuah syarikat awam boleh ditubuhkan atau, sebagai alternatif, sebuah syarikat persendirian boleh ditukar kepada sebuah syarikat awam, tertakluk pada Seksyen 41 CA 2016. Syarikat tersebut boleh menawarkan sahamnya kepada orang awam, dengan syarat:

- ❖ Ia telah mendaftarkan satu prospektus dengan Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan
- ❖ Ia telah menyerah simpan satu salinan prospektus dengan SSM pada atau sebelum tarikh terbitannya.

2.2.3 Prosedur Pemerbadanan

Bagi memperbadankan sebuah syarikat, permohonan mestilah dikemukakan kepada SSM melalui Portal MyCOID 2016 dengan memberikan maklumat berikut:

- ❖ Nama syarikat yang dicadangkan;
- ❖ Sama ada syarikat akan merupakan syarikat persendirian atau awam;

- ❖ Jenis perniagaan syarikat yang dicadangkan;
- ❖ Alamat berdaftar yang dicadangkan;
- ❖ Nama, pengenalan diri, kewarganegaraan dan alamat tetap setiap ahli syarikat;
- ❖ Nama, pengenalan diri, kewarganegaraan dan alamat tetap bagi setiap orang yang akan menjadi pengarah;
- ❖ Bagi syarikat berhad berdasarkan saham, butiran kelas dan bilangan saham perlu diambil oleh setiap ahli;

Permohonan hendaklah disertakan dengan bayaran sebanyak RM1,000 untuk syarikat berhad berdasarkan saham. Manakala, untuk mendaftar syarikat berhad melalui jaminan, permohonan boleh dikemukakan secara manual di mana-mana cawangan SSM di seluruh negara dengan bayaran RM3,000.

Setelah Pendaftar berpuas hati dengan maklumat yang diberikan, notis pendaftaran akan dihantar melalui emel kepada pemohon. Notis ini adalah sebagai pemberitahuan bahawa syarat-syarat pendaftaran, serta perkara-perkara yang berkaitan dengan pendaftaran, telah dipatuhi.

2.2.4 MyCoID

MyCoID membolehkan populasi data secara automatik dan pendaftaran dapat dilakukukan secara serentak dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp), dan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (HRDF), sebaik sahaja syarikat telah berjaya diperbadankan di SSM melalui satu penyerahan tunggal.

2.2.5 Piagam Pelanggan

SSM akan menjalankan urusan memproses, meluluskan dan mendaftarkan permohonan yang lengkap secara cepat dan cekap dalam tempoh yang dinyatakan seperti berikut:

Aktiviti	Tempoh
PENDAFTARAN SYARIKAT	
*Pemerbadanan syarikat	1 hari kerja
Pertukaran taraf	1 hari kerja
Pertukaran nama syarikat	1 hari kerja

Permulaan perniagaan syarikat awam	1 hari kerja
Pendaftaran gadaian	2 hari kerja
Kelulusan surat ikatan amanah	5 hari kerja
Pendaftaran prospektus	3 hari kerja
Salinan dokumen syarikat yang tidak diperakui	30 minit
Salinan dokumen syarikat yang diperakui	1 jam

Nota: Tempoh yang diambil bermula dari masa bayaran diterima sehingga perakuan dikeluarkan.

**Permohonan untuk ketersediaan dan perizaban nama syarikat boleh dibuat secara berasingan sebelum memperbadankan syarikat.*

2.2.6 Keperluan bagi Syarikat Tempatan yang Diperbadankan

Sebuah syarikat mestilah mengekalkan sebuah pejabat berdaftar di Malaysia, iaitu tempat semua buku dan dokumen yang diperlukan di bawah peruntukan Akta disimpan. Nama syarikat hendaklah dinyatakan dalam huruf abjad Roman yang mudah dibaca, bersama-sama nombor syarikat, pada cap mohor syarikat, dokumen rasmi, penerbitan dan laman sesawang syarikat, jika ada.

Sebuah syarikat tidak dibenarkan mengurus niaga dalam sahamnya sendiri atau memegang saham dalam syarikat pemegangannya. Seorang pemegang saham berhak mengundi dengan mengangkat tangan atas mana-mana ketetapan syarikat dalam mesyuarat agung. Dalam hal suatu pengundian, setiap saham ekuiti syarikat membawa hak bagi satu undi.

Setiausaha sebuah syarikat mestilah seorang yang benar, cukup umur dan mempunyai tempat kediaman utama, atau satu-satunya tempat kediaman, di Malaysia. Beliau mestilah merupakan ahli sebuah badan yang ditetapkan atau dilesenkan oleh Pendaftar Syarikat. Syarikat juga mestilah melantik suatu juruaudit syarikat yang diluluskan sebagai juruaudit syarikat di Malaysia.

Selain itu, sebuah syarikat persendirian hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang pengarah, manakala sebuah syarikat awam mesti mempunyai sekurang-kurangnya dua orang pengarah. Setiap orang pengarah minimum itu mesti mempunyai tempat kediaman utama, atau satu-satunya tempat kediaman, di Malaysia. Umur minimum seorang pengarah ialah 18 tahun dan CA 2016 tidak menetapkan apa-apa umur maksimum. Seorang pengarah syarikat tidak semestinya merupakan seorang pemegang saham syarikat.

2.3 Pendaftaran Syarikat Asing

Sebuah syarikat asing boleh menjalankan perniagaan di Malaysia melalui sama ada:

- ❖ Pemerbadanan sebuah syarikat tempatan; atau
- ❖ Pendaftaran sebuah cawangan di Malaysia.

Sebuah syarikat asing ditakrifkan di bawah CA2016 sebagai:

- ❖ Sebuah syarikat, perbadanan, pertubuhan, persatuan atau badan lain yang diperbadankan di luar Malaysia; atau
- ❖ Sebuah pertubuhan, persatuan atau badan lain yang tidak diperbadankan yang, di bawah undang-undang tempat asalnya boleh membawa guaman atau tempat asal yang membawa guaman atau memegang harta atas nama setiausaha atau pegawai lain badan atau persatuan itu yang dilantik dengan sewajarnya bagi maksud itu dan yang tidak mempunyai ibu pejabat atau tempat utama perniagaannya di Malaysia.

2.3.1 Prosedur Pendaftaran

- i. Pemohon mestilah terlebih dahulu menjalankan carian nama untuk menentukan sama ada nama yang dicadangkan untuk syarikat berkenaan adalah tersedia. Nama yang bakal digunakan untuk mendaftarkan syarikat asing itu hendaklah sama dengan nama yang didaftarkan di negara asalnya.

Permohonan untuk perizaban nama hendaklah dikemukakan kepada SSM melalui Portal MyCOID 2016, dengan bayaran sebanyak RM50 bagi setiap nama yang dimohon. Apabila nama syarikat yang dicadangkan itu diluluskan oleh SSM, ia akan dirizabkan selama tempoh 30 hari dari tarikh kelulusan.

- ii. Setelah menerima kelulusan nama syarikat, pemohon mestilah menyerahkan dokumen pendaftaran berikut kepada SSM dalam tempoh 30 hari dari tarikh kelulusan:
 - ❖ Permohonan untuk pendaftaran syarikat asing di bawah seksyen 562(1) CA 2016;
 - ❖ Satu salinan diperakui sijil pemerbadanan atau pendaftaran syarikat asing yang berkenaan;
 - ❖ Satu salinan diperakui piagam, statut atau Memorandum dan Perkara Persatuan syarikat asing berkenaan atau mana-mana instrumen lain yang menentukan Perlembagaannya;
 - ❖ Untuk pengarah-pengarah yang bermastautin di Malaysia, dan yang menjadi ahli-ahli lembaga pengarah tempatan syarikat asing itu, satu memorandum yang menyatakan bahawa kuasa-kuasa mereka boleh dilaksanakan oleh atau bagi pihak syarikat asing itu, mestilah dikemukakan kepada SSM.

- ❖ Satu memorandum pelantikan atau surat kuasa wakil yang membenarkan individu (ejen) yang bermastautin di Malaysia untuk menerima sebarang notis bagi pihak syarikat asing tersebut;
- ❖ Dokumen tambahan yang merangkumi salinan permohonan perizaban nama syarikat dan salinan e-mel daripada SSM yang meluluskan nama syarikat asing.

Nota: Sekiranya mana-mana dokumen pendaftaran yang dihuraikan di atas menggunakan bahasa selain daripada Bahasa Malaysia atau Inggeris, satu salinan diperakui terjemahan dokumen-dokumen tersebut dalam Bahasa Malaysia atau Inggeris adalah diperlukan.

- iii. Bayaran pendaftaran hendaklah dibayar kepada SSM mengikut jadual berikut:

Modal Saham (RM)	Bayaran Dikenakan (RM)
Sehingga 1,000,000	5,000
1,000,001 – 10,000,000	20,000
10,000,001 – 50,000,000	40,000
50,000,001 - 100,000,000	60,000
100,000,001 dan ke atas	70,000

Bagi menentukan jumlah bayaran pendaftaran, modal saham syarikat asing hendaklah terlebih dahulu ditukarkan kepada mata wang Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran semasa.

Sekiranya sebuah syarikat asing tidak mempunyai sebarang modal saham, kadar rata sebanyak RM70,000 hendaklah dibayar kepada SSM.

- iv. Satu Notis Pendaftaran akan dikeluarkan oleh SSM setelah syarikat mematuhi prosedur pendaftaran dan menyerahkan dokumen-dokumen pendaftaran yang dilengkapi dengan sewajarnya.
- v. Setelah mendapat kelulusan, syarikat atau ejennya bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan CA 2016. Sebarang perubahan dalam butiran syarikat atau nama syarikat mestilah difailkan dengan SSM dalam tempoh 14 hari dari tarikh perubahan, bersama dengan fi yang berkenaan. Sebarang perubahan dalam modal saham syarikat mestilah dimaklumkan kepada SSM dalam tempoh 14 hari dari perubahan itu. Setiap syarikat dikehendaki supaya menyimpan rekod perakaunan yang betul. Penyata tahunan hendaklah diserahkan dengan SSM setiap tahun kalendar sekali, tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh ulang tahun pendaftarannya.

Nota: Rakyat asing dinasihatkan supaya mendapatkan perkhidmatan seorang peguam bela dan peguam cara, seorang

akauntan atau seorang setiausaha syarikat yang sedang berkhidmat untuk bantuan selanjutnya.

2.4 Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)

2.4.1 Ciri-ciri PLT

Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) merupakan sebuah bentuk bentuk perniagaan alternatif yang dikawal selia di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, yang menggabungkan ciri-ciri syarikat dan perkongsian konvensional.

PLT merupakan suatu pertubuhan perbadanan dan mempunyai keperibadian undang-undang yang berasingan daripada para pekongsinya. Seperti pertubuhan perbadanan lain, PLT adalah kekal turun-temurun. Sebarang perubahan dalam perkongsian tidak akan menjejaskan kewujudan, hak atau liabiliti PLT. PLT mempunyai keupayaan yang tidak terhad dan berupaya untuk membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya, serta memperoleh, memiliki, memegang dan membangunkan atau melupuskan harta. PLT boleh melakukan dan menanggung apa-apa perbuatan dan benda lain yang boleh dilakukan dan ditanggung dengan sah oleh pertubuhan perbadanan. PLT merupakan suatu bentuk perniagaan alternatif yang menawarkan prosedur yang mudah dan fleksibel dari segi penubuhan, penyelenggaraan dan penamatannya.

Fi pendaftaran bagi sebuah PLT baru dan penukaran kepada PLT ialah RM500. Manakala Fi untuk permohonan perizaban nama ialah RM30.

2.4.2 Siapakah yang boleh membentuk PLT?

PLT boleh ditubuhkan oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang (keseluruhannya atau sebahagiannya, individu perseorangan atau pertubuhan perbadanan) untuk menjalankan apa-apa perniagaan yang sah dengan tujuan mendapatkan keuntungan, dan mengikut terma-terma perjanjian PLT. Mana-mana orang perseorangan atau pertubuhan perbadanan boleh menjadi rakan kongsi.

Walau bagaimanapun, PLT yang ditubuhkan untuk golongan profesional hendaklah terdiri daripada individu perseorangan yang mempunyai profesion yang sama, dan mempunyai perlindungan insurans indemniti profesional seperti yang diluluskan oleh Pendaftar.

PLT boleh ditubuhkan oleh:

- ❖ Syarikat Pemula; atau
- ❖ Perniagaan Kecil & Sederhana; atau
- ❖ Golongan Profesional; atau
- ❖ Usaha Sama; atau
- ❖ Pemodal Teroka.

2.4.3 Prosedur Pendaftaran

Untuk mendaftarkan sebuah PLT, semua permohonan hendaklah dikemukakan melalui portal MyLLP. Pemohon mesti memberikan maklumat berikut, disertakan dengan bayaran sebanyak RM500.

- ❖ Nama PLT yang dicadangkan;
- ❖ Jenis perniagaan;
- ❖ Alamat pejabat berdaftar;
- ❖ Nama dan butiran rakan kongsi;
- ❖ Nama dan butiran pegawai pematuhan;
- ❖ Surat kelulusan (bagi amalan profesional).

Setelah Pendaftar berpuas hati bahawa permohonan telah mematuhi kehendak pendaftaran, notis pendaftaran akan dikeluarkan bersama dengan nombor pendaftaran. Notis pendaftaran merupakan keterangan muktamad bahawa PLT telah didaftarkan. Pendaftaran tidak bermakna bahawa kehendak undang-undang bertulis lain yang berkaitan dengan perniagaan PLT telah dipatuhi. Nama PLT hendaklah berakhir dengan perkataan "Perkongsian Liabiliti Terhad" atau singkatan "PLT".

2.4.4 Penukaran kepada PLT

Selain pendaftaran baru, entiti sedia ada juga boleh bertukar menjadi PLT. Entiti yang dibenarkan untuk pertukaran adalah seperti berikut:

- ❖ Perkongsian konvensional yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau mana-mana perkongsian yang ditubuhkan oleh dua atau lebih orang untuk menjalankan mana-mana amalan profesional; atau
- ❖ Syarikat persendirian yang diperbadankan di bawah CA 2016 atau mana-mana undang-undang yang serupa sebelumnya.

Kriteria kelayakan untuk penukaran perkongsian konvensional kepada PLT adalah seperti berikut:

- ❖ Perkongsian yang sama dan tiada orang lain;
- ❖ Pada tarikh permohonan, perkongsian konvensional didapati boleh membayar hutangnya;
- ❖ Surat kelulusan daripada badan kawal selia bagi amalan profesional.

Kriteria kelayakan untuk penukaran syarikat persendirian adalah seperti berikut:

- ❖ Pemegang saham yang sama dan tiada orang lain;
- ❖ Tiada kepentingan sekuriti yang wujud dalam asetnya;

- ❖ Pada tarikh permohonan, syarikat persendirian adalah solven;
- ❖ Semua fi statutori yang terhutang kepada agensi kerajaan telah dijelaskan;
- ❖ Iklan telah disiarkan dalam akhbar yang diedarkan secara meluas dan dalam Warta;
- ❖ Semua pemiutang telah bersetuju dengan penukaran itu.

Kesan penukaran adalah seperti berikut:

- ❖ Aset, hak, keistimewaan, obligasi dan liabiliti perkongsian konvensional atau syarikat persendirian terletak hak pada PLT itu;
- ❖ Prosiding yang masih belum selesai boleh diteruskan, diselesaikan dan dikuatkuasakan terhadap atau oleh PLT itu;
- ❖ Perjanjian dan kontrak sedia ada hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah PLT merupakan satu pihak;
- ❖ Dalam hal penukaran perkongsian konvensional, pekongsi hendaklah terus bertanggung sendiri (bersesama atau berasingan dengan PLT itu) terhadap liabiliti dan obligasi yang ditanggung sebelum penukaran itu;
- ❖ Bagi penukaran syarikat persendirian, PLT akan terus bertanggungjawab terhadap liabiliti dan obligasi yang ditanggung sebelum penukaran itu.

2.4.5 Keperluan bagi PLT

Sebuah PLT mestilah melantik sekurang-kurangnya seorang pegawai pematuhan, yang merupakan sama ada salah seorang daripada pekongsinya atau individu yang berkelayakan untuk bertindak sebagai setiausaha di bawah CA 2016. Pegawai pematuhan tersebut mestilah merupakan sama ada seorang warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia yang biasanya tinggal di Malaysia. Seseorang tidak layak bertindak sebagai pegawai pematuhan jika beliau telah diisytiharkan sebagai seorang bankrap yang belum dilepaskan, atau dihilangkan kelayakan untuk bertindak sebagai pengarah atau setiausaha di bawah CA 1965.

PLT hendaklah mengekalkan pejabat berdaftar di Malaysia di mana komunikasi dan notis boleh dialamatkan kepadanya. PLT mempunyai obligasi untuk menyimpan di pejabat berdaftar, notis pendaftaran yang dikeluarkan di bawah Akta ini, satu salinan perjanjian PLT, daftar bagi nama dan alamat setiap pekongsi dan pegawai pematuhan, satu salinan perakuan tahunan terkini, dan jika ada, satu salinan apa-apa instrumen yang mewujudkan gadaian.

Sebuah PLT hendaklah menyimpan rekod perakaunan yang menunjukkan gambaran sebenar dan adil tentang

hal ehwal PLT itu. Tiada keperluan untuk melantik juruaudit melainkan jika diperuntukkan secara khusus dalam perjanjian PLT.

2.5 E-Perkhidmatan

Selain perkhidmatan di kaunter, SSM memperkenalkan E-Perkhidmatan sebagai satu alternatif untuk penyerahan dokumen dan pembelian produk secara dalam talian. Portal E-Perkhidmatan termasuk:

- ❖ Ezbiz Online untuk pendaftaran perniagaan, pembaharuan, perubahan butiran dan penamatan;
- ❖ MyCoID untuk pendaftaran syarikat, perubahan butiran dan gadaian;
- ❖ MyLLP untuk pendaftaran PLT, perubahan butiran, Perakuan Tahunan dan penggulangan;
- ❖ SSM e-info, MyData dan Portal XCESS bagi pembelian produk seperti imej dokumen maklumat korporat dan perniagaan dan Salinan Diperakui Sah Digital (Digital Certified True Copy atau DCTC); dan
- ❖ MBRS untuk penyerahan Penyata Tahunan (AR), Penyata Kewangan dan Laporan syarikat (FS) dan Permohonan Pengecualian (EA) syarikat yang berkaitan dengan FS dan AR.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lawati laman sesawang SSM pada pautan www.ssm.com.my.

3. GARIS PANDUAN BERKENAAN DENGAN DASAR EKUITI DALAM SEKTOR PERKILANGAN

Malaysia sentiasa mengalu-alukan pelaburan dalam sektor perkilangannya. Didorong oleh hasrat untuk meningkatkan penyertaan tempatan dalam sektor ini, pihak Kerajaan menggalakkan usaha sama antara pelabur asing dan rakyat Malaysia.

3.1 Dasar Ekuiti bagi Projek Baharu, Pembesaran atau Pelbagaian

Sejak bulan Jun 2003, pelabur asing boleh memegang 100% daripada ekuiti dalam semua pelaburan dalam projek baharu, serta pelaburan dalam projek pembesaran/pelbagaian oleh syarikat yang sedia ada, tanpa mengira paras eksport.

Dasar ekuiti juga terpakai untuk:

- ❖ Syarikat yang dahulunya dikecualikan daripada mendapat lesen pengilang tetapi dana pemegang sahamnya kini telah mencecah sebanyak RM2.5 juta, atau kini ia menggaji seramai 75 atau lebih pekerja sepenuh masa yang memerlukan ia dilesenkan;
- ❖ Syarikat berlesen sedia ada yang dahulunya dikecualikan daripada mematuhi syarat-syarat ekuiti,

tetapi kini perlu mematuhi kerana dana pemegang sahamnya mencecah sebanyak RM2.5 juta.

3.2 Dasar Ekuiti yang Terpakai untuk Syarikat Sedia Ada

Syarat-syarat ekuiti dan eksport yang dikenakan ke atas syarikat sebelum 17 Jun 2023 akan dikekalkan.

Walau bagaimanapun, syarikat boleh memohon supaya syarat-syarat ini dimansuhkan dan kelulusan akan diberikan berdasarkan merit setiap kes.

3.3 Pemilikan Ekuiti

Sebuah syarikat yang penyertaan ekuitinya telah diluluskan tidak perlu menstrukturkan semula ekuitinya pada bila-bila masa selagi syarikat itu terus mematuhi syarat-syarat asal kelulusan dan mengekalkan ciri-ciri asal projek.

4. PENUBUHAN PEJABAT PERWAKILAN (RE)/PEJABAT SERANTAU (RO)

Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau merupakan pejabat sementara yang ditubuhkan di Malaysia oleh syarikat/organisasi asing untuk menjalankan aktiviti yang dibenarkan bagi ibu pejabat/prinsipalnya. Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau digunakan untuk menilai daya maju perniagaan sebelum memperbadankan entiti perniagaan yang tetap di Malaysia. Penubuhan Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau memerlukan kelulusan oleh Kerajaan Malaysia.

Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau layak memohon jawatan pegawai dagang. Pegawai dagang hanya akan dipertimbangkan untuk jawatan pengurusan dan teknikal, dan bilangan jawatan yang dibenarkan akan bergantung pada fungsi dan aktiviti Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau.

4.1 Pejabat Perwakilan (RE)

Pejabat Perwakilan merupakan pejabat syarikat/organisasi asing yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat yang relevan mengenai peluang pelaburan di negara ini, terutamanya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, mempertingkatkan hubungan perdagangan dua hala, menggalakkan eksport barangan dan perkhidmatan Malaysia dan menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

4.2 Pejabat Serantau (RO)

Pejabat Serantau merupakan pejabat syarikat/organisasi asing yang digunakan sebagai pusat penyelarasan untuk anggota gabungan, anak syarikat dan ejennya di Asia Tenggara dan Asia Pasifik. Pejabat Serantau yang ditubuhkan adalah bertanggungjawab untuk aktiviti yang ditetapkan bagi syarikat/organisasi itu dalam rantau tempat ia beroperasi.

Permohonan untuk penubuhan RE/RO bagi subsektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan perbankan dan kewangan) mesti dikemukakan kepada MIDA di <https://investmalaysia.mida.gov.my>.

BAB



MEMPEROLEHI INSENTIF PELABURAN DAN PERKHIDMATAN FASILITASI PEMUDAH CARA PERNIAGAAN ANDA DI MALAYSIA

A hand in a dark suit jacket points directly at the word 'INSENTIF', which is highlighted by a white rectangular border. The background is a dark blue field with a grid of hexagonal icons representing various business concepts.

INSENTIF





1. INSENTIF BAGI SEKTOR PERKILANGAN AM

- 1.1 Insentif Utama bagi Syarikat Perkilangan
 - 1.1.1 Taraf Perintis (TP)
 - 1.1.2 Elaun Cukai Pelaburan (ECP)
 - 1.1.3 Takrif 'Berhasrat' bagi tujuan Pemberian Insentif Cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986
- 1.2 Insentif bagi Syarikat Teknologi Tinggi
- 1.3 Insentif bagi Projek Strategik
- 1.4 Syarikat Berskala Kecil
- 1.5 Insentif Tambahan bagi Sektor Perkilangan
 - 1.5.1 Insentif Cukai Khas (Penempatan Semula)
 - 1.5.2 Elaun Pelaburan Semula (RA)
 - 1.5.3 RA Tambahan
 - 1.5.4 Elaun Modal Dipercepat (ACA)
 - 1.5.5 Elaun Modal Automasi (CA Automasi)

2. INSENTIF PELABURAN BAGI INDUSTRI KHUSUS

- 2.1 Insentif bagi Industri Aeroangkasa
- 2.2 Insentif bagi Industri Automotif
- 2.3 Insentif bagi Industri Pembinaan Kapal dan Pembaikan Kapal (SBSR)/ Industri Perkapalan
 - 2.3.1 Insentif Cukai bagi Industri Pembinaan Kapal dan Pembaikan Kapal
 - 2.3.2 Insentif Cukai bagi Kapal-kapal Malaysia
- 2.4 Insentif bagi Industri Jentera dan Peralatan
- 2.5 Insentif bagi Sistem Bangunan Industri
- 2.6 Insentif bagi Industri Bioteknologi dan Industri Berasaskan Bio
 - 2.6.1 Insentif bagi Syarikat Berstatus BioNexus
 - 2.6.2 Program Pecutan Berasaskan Bio
 - 2.6.3 Pembiayaan Bioteknologi dan Pembiayaan Berasaskan Bio
 - 2.6.4 Latihan Khusus Kebolehpasaran dan Keusahawanan (BeST) 2.0 BioAgroteknologi dan BioFarmaseutikal
- 2.7 Insentif bagi Hasil Pertanian (Rantaian Pengeluaran Makanan – Upstream)
 - 2.7.1 Insentif bagi Industri Makanan Diproses (Rantaian Pengeluaran Makanan – Downstream)
 - 2.7.2 Insentif bagi Produk Halal dan Aktiviti yang Berkaitan
 - 2.7.3 Insentif Lain bagi Aktiviti Pertanian dan Pengeluaran Makanan Diproses
 - 2.7.4 Insentif Tambahan bagi Projek Pelaburan Semula yang dinyatakan di bawah Seksyen 4F, PIA 1986
- 2.8 Insentif bagi Penggunaan Biojisim Kelapa Sawit untuk Menghasilkan Produk Nilai Ditambah

3. INSENTIF BAGI PENGURUSAN ALAM SEKITAR

- 3.1 Insentif bagi Aktiviti Kitar Semula Sisa
- 3.2 Insentif Teknologi Hijau
 - 3.2.1 Insentif Di Bawah Bidang Tugas MIDA
 - 3.2.2 Elaun Cukai Pelaburan Hijau (Projek - GITA)

- 3.2.3 Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (GITE)
- 3.2.4 Pajakan Solar

4. INSENTIF BAGI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

- 4.1 Insentif Utama bagi Penyelidikan dan Pembangunan
- 4.2 Insentif Tambahan bagi Penyelidikan dan Pembangunan

5. INSENTIF BAGI LATIHAN

- 5.1 Potongan bagi Kos Pengambilan Pekerja
- 5.2 Potongan bagi Latihan Pra-penggajian
- 5.3 Potongan bagi Latihan Bukan Pekerja
- 5.4 Elaun Bangunan Perindustrian Khas
- 5.5 Pengecualian Cukai ke atas Peralatan Pendidikan
- 5.6 Pengecualian Cukai ke atas Bayaran Royalti
- 5.7 Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (HRDF)
- 5.8 Potongan Dua Kali bagi Latihan yang Diluluskan

6. INSENTIF-INSENTIF LAIN

- 6.1 Elaun Bangunan Perindustrian (IBA)
- 6.2 Elaun Bangunan Perindustrian bagi Bangunan di Malaysia Digital
- 6.3 Insentif bagi Sistem Binaan Berindustri (IBS)
- 6.4 Bantuan Kumpulan
- 6.5 Potongan Yuran Audit
- 6.6 Insentif Cukai bagi Pelabur Pemangkin
- 6.7 Elaun Modal bagi Kos Melerai dan Mengalihkan Aset
- 6.8 Potongan bagi Perolehan Hak Milik
- 6.9 Pengecualian Duti Import dan/atau Cukai Jualan
- 6.10 Potongan bagi Perlindungan Alam Sekitar
- 6.11 Elaun Bangunan Perindustrian bagi Peningapan Pekerja

7. FASILITASI DAN INSENTIF BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN

- 7.1 Operasi Serantau
- 7.2 Penyelidikan dan Pembangunan
- 7.3 Perkhidmatan Minyak dan Gas
- 7.4 Perkhidmatan Hospitaliti
- 7.5 Perkhidmatan Pendidikan dan Latihan Perindustrian
- 7.6 Perkhidmatan Perubatan dan Penjagaan Kesihatan
- 7.7 Perkhidmatan Logistik dan Rantaian Bekalan
- 7.8 Pengurusan Alam Sekitar
- 7.9 Perkhidmatan Digital
- 7.10 Perkhidmatan Industri Lain



MEMPEROLEHI INSENTIF PELABURAN DAN PERKHIDMATAN FASILITASI PEMUDAH CARA PERNIAGAAN ANDA DI MALAYSIA

Di Malaysia, insentif cukai, sama ada langsung atau tidak langsung, diperuntukkan di bawah **Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976 dan Akta Zon Bebas 1990**. Akta-akta ini merangkumi pelaburan dalam sektor-sektor perkilangan, pertanian, pelancongan (termasuk perniagaan hotel) dan perkhidmatan diluluskan serta aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan, latihan dan perlindungan alam sekitar.

Insentif cukai langsung memberikan pelepasan sebahagian atau penuh daripada pembayaran cukai pendapatan selama tempoh tertentu, manakala insentif cukai tidak langsung adalah dalam bentuk pengecualian daripada duti import dan duti eksais.

1. INSENTIF UMUM BAGI SEKTOR PERKILANGAN AM

1.1 Insentif Utama bagi Syarikat Perkilangan

Insentif cukai utama bagi syarikat yang melabur dalam sektor perkilangan ialah **Taraf Perintis (TP)** dan **Elaun Cukai Pelaburan (ECP)**. Insentif-insentif ini bersifat **saling eksklusif** – syarikat boleh memohon salah satu daripada insentif tersebut, tetapi bukan kedua-duanya pada masa yang sama.

Kelayakan untuk TP dan ECP adalah berdasarkan kriteria

tertentu, termasuk tahap nilai ditambah, teknologi yang digunakan penggajian pekerja rakyat Malaysia, tahap pekerja berkemahiran tinggi dan rantaian. Aktiviti dan keluaran yang layak diistilahkan sebagai 'aktiviti digalakkan' atau 'keluaran digalakkan' (sila lihat Lampiran I: Senarai Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan – Am).

Syarikat perlu mengemukakan permohonannya untuk mana-mana satu daripada insentif ini kepada MIDA **sebelum memulakan operasi/pengeluaran**.

1.1.1 Taraf Perintis (TP)

Sebuah syarikat yang diberikan TP menikmati pengecualian cukai pendapatan 70% daripada pendapatan berkanunnya selama 5 tahun. Ia membayar cukai ke atas 30% daripada pendapatan berkanunnya,¹ dan tempoh pengecualian bermula dari Hari Pengeluaran (ditakrifkan sebagai hari paras pengeluaran 30% daripada kapasitinya).

Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan. Kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan selama tempoh 7 tahun berturut-turut.

Permohonan untuk TP hendaklah dikemukakan kepada MIDA secara dalam talian melalui [portal InvestMalaysia](#). Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila layari bahagian [Borang dan Garis Panduan](#) pada laman sesawang MIDA.

1.1.2 Elaun Cukai Pelaburan (ECP)

Sebagai alternatif kepada TP, sebuah syarikat boleh memohon ECP. Syarikat yang diberikan ECP layak menikmati elaun sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh perbelanjaan modal layak pertama.

Syarikat boleh menggunakan elaun ini untuk ditolak dengan 70% daripada pendapatan berkanunnya bagi setiap tahun taksiran Sebarang elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke hadapan kepada tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya. Baki 30% daripada pendapatan berkanunnya akan dikenakan cukai pada kadar cukai syarikat semasa.

Permohonan untuk ECP hendaklah dikemukakan kepada MIDA secara dalam talian melalui [portal InvestMalaysia](#). Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila layari bahagian [Borang dan Garis Panduan](#) pada laman sesawang MIDA.

1.1.3 Takrif 'Berhasrat' bagi Tujuan Pemberian Insentif Cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986

Di bawah Akta Penggalakan Pelaburan (Promotion of Pelaburans Act atau PIA) 1986, kriteria utama bagi

¹ Pendapatan berkanun diperoleh setelah ditolak perbelanjaan dan elaun modal daripada pendapatan kasar.

sebuah syarikat untuk menikmati insentif cukai ialah syarikat masih belum memulakan pengeluarannya. Syarikat mestilah 'berhasrat' dalam mewujudkan atau mengambil bahagian dalam aktiviti yang digalakkan atau menghasilkan suatu keluaran digalakkan.

1.1.3.1 Takrif mewujudkan/mengambil bahagian/ menghasilkan merujuk kepada:

a. Syarikat Perkilangan – Syarikat mesti mengemukakan permohonannya kepada MIDA sebelum memulakan operasi/pengeluaran, termasuk pengeluaran percubaan.

b. Syarikat Perkhidmatan – Syarikat mesti mengemukakan permohonannya kepada MIDA sebelum memulakan operasi*

*Memulakan operasi merujuk kepada pengeluaran invoice pertama untuk projek yang dicadangkan.

1.1.3.2 Takrif 'Berhasrat' bagi tujuan Pemberian Insentif Cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 bagi Syarikat Milik Rakyat Malaysia.

Di bawah inisiatif Pelaburan Langsung Domestik (DDI), syarikat perkilangan dan perkhidmatan milik rakyat Malaysia yang telah memulakan pengeluaran dan tidak mematuhi klausa 'berhasrat' di bawah PIA 1986 kini layak dipertimbangkan untuk insentif cukai berkuat kuasa mulai 3 Julai 2012.

Kriteria kelayakan adalah seperti berikut:

- i. Pemilikan ekuiti rakyat Malaysia sekurang-kurangnya 60%;
- ii. Syarikat milik rakyat Malaysia yang telah pun memulakan pengeluaran tidak melebihi satu tahun dari tarikh permohonan diterima;
- iii. Menjalankan aktiviti yang digalakkan atau menghasilkan keluaran yang digalakkan;
- iv. Jenis insentif dan kriteria cukai, seperti Nilai Ditambah (VA), Pengurusan, Teknikal dan Penyeliaan (MTS), Perbelanjaan R&D dan indeks Sains dan Teknologi (S&T) akan kekal pada kadar semasa.

1.2 Sebuah syarikat 'berteknologi tinggi' layak mendapat insentif berikut:

Sesebuah syarikat 'berteknologi tinggi' layak mendapat insentif berikut:

TP dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun selama tempoh 5 tahun. Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh TP boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan.

- i. Kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan selama tempoh 7 tahun berturut-turut.

ATAU

- ii. ECP sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh perbelanjaan modal layak pertama. Elaun ini boleh ditolak 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke hadapan ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

laitu,

'Teknologi tinggi' merujuk kepada penglibatan dalam aktiviti digalakkan atau dalam penghasilan keluaran digalakkan dalam bidang teknologi baharu dan teknologi baru muncul di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

(Sila lihat Lampiran II: Senarai Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan – Syarikat Teknologi Tinggi di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986)

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada MIDA secara dalam talian melalui [portal InvestMalaysia](#). Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila layari bahagian [Borang dan Garis Panduan](#) pada laman sesawang MIDA.

1.3 Insentif bagi Projek Strategik

Projek strategik melibatkan keluaran atau aktiviti berkepentingan negara. Lazimnya, ia melibatkan pelaburan yang besar dengan tempoh yang lama, mempunyai tahap teknologi yang tinggi, bersepadu, menjana yang luas, dan memberikan impak yang besar terhadap ekonomi.

Projek strategik layak mendapat insentif berikut:

TP dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun selama tempoh 10 tahun. Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan.

- i. Kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan selama tempoh 7 tahun berturut-turut.

ATAU

- ii. ECP sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh perbelanjaan modal layak pertama. Elaun ini boleh ditolak 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke hadapan ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada MIDA secara dalam talian melalui [portal InvestMalaysia](#). Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila layari bahagian [Borang dan Garis Panduan](#) pada laman sesawang MIDA.

1.4 Insentif bagi Syarikat Berskala Kecil

Syarikat kecil-kecilan layak mendapat insentif berikut:

- i. TP dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun selama tempoh 5 tahun. Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh TP boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan. Kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan selama tempoh 7 tahun berturut-turut.

ATAU

- ii. ECP sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal layak yang ditanggung dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke hadapan ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

Syarikat kecil-kecilan yang diperbadankan di Malaysia dengan dana pemegang saham tidak melebihi RM500,000 dan mempunyai sekurang-kurangnya 60% ekuiti rakyat Malaysia layak memohon insentif cukai untuk syarikat kecil-kecilan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan (PIA) 1986. Berkuat kuasa dari 3 Julai 2012, syarikat kecil-kecilan telah ditakrifkan semula sebagai syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan dana pemegang saham tidak melebihi RM2.5 juta.

Kriteria utama bagi Insentif Cukai untuk Syarikat Kecil adalah seperti berikut:

- i. Diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 2016;
- ii. Dana pemegang saham tidak melebihi RM2.5 juta dengan pemilikan ekuiti rakyat Malaysia seperti berikut;
 - a. Syarikat dengan dana pemegang saham sehingga RM500,000 dengan sekurang-kurangnya 60% ekuiti rakyat Malaysia; atau
 - b. Syarikat dengan dana pemegang saham melebihi RM500,000 dan tidak melebihi RM2.5 juta dengan 100% ekuiti rakyat Malaysia.

Sebuah pemilikan tunggal atau perkongsian layak memohon insentif ini, dengan syarat sebuah syarikat sendiri berhad/syarikat berhad baharu ditubuhkan untuk mengambil alih pengeluaran/aktiviti yang sedia ada.

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada MIDA secara dalam talian melalui [portal InvestMalaysia](#). Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila layari bahagian [Borang dan Garis Panduan](#) pada laman sesawang MIDA.

1.5 Insentif Tambahan bagi Sektor Perkilangan

1.5.1 Insentif Cukai Khas (Penempatan Semula)

Objektif utama insentif ini adalah untuk menarik syarikat yang berhasrat untuk memindahkan operasi mereka ke Malaysia.

Jenis-jenis insentif yang ditawarkan di bawah Insentif Cukai Khas adalah seperti berikut:

- a) Bagi syarikat perkilangan baharu
 - i. 0% kadar cukai khas selama 10 tahun untuk pelaburan baharu dalam sektor perkilangan, dengan pelaburan modal antara RM300 juta hingga RM500 juta;
 - ii. 0% kadar cukai khas selama 15 tahun untuk pelaburan baharu dalam sektor perkilangan, dengan pelaburan modal melebihi RM500 juta.
- b) Bagi syarikat perkilangan sedia ada
 - i. ECP sebanyak 100% bagi tempoh 5 tahun untuk syarikat sedia ada di Malaysia yang memindahkan kemudahan luar negara ke Malaysia dengan pelaburan modal melebihi RM300 juta. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

Insentif ini berkuat kuasa dari 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2024.

1.5.2 Elaun Pelaburan Semula (RA)

Elaun Pelaburan Semula (RePelaburan Allowance atau RA) diberikan kepada syarikat-syarikat sedia ada yang terlibat dalam aktiviti perkilangan dan pertanian terpilih, yang menjalankan pelaburan semula bagi tujuan pembesaran, automasi, pemodenan atau pelbagaian sebarang keluaran yang berkaitan dalam industri yang sama; tertakluk syarikat telah **beroperasi selama sekurang-kurangnya 36 bulan**.

EPS akan diberikan untuk tempoh 15 tahun berturut-turut bermula dari tahun pelaburan semula pertama dilakukan. Syarikat hanya boleh membuat tuntutan RA setelah projek yang layak telah siap, iaitu setelah bangunan siap atau apabila loji/jentera telah beroperasi. Berkuat kuasa dari Tahun Taksiran (TT) 2009, syarikat yang membeli sesuatu aset daripada syarikat berkaitan dalam kumpulan syarikat yang sama, dan RA telah dituntut ke atas aset itu, tidak dibenarkan menuntut RA sekali lagi ke atas aset yang sama.

Aset-aset yang diperoleh bagi pelaburan semula tidak boleh dilupuskan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh pelaburan semula.

EPS diberikan pada kadar 60% ke atas perbelanjaan modal layak yang dilakukan oleh syarikat, dan ianya boleh ditolak

sehingga 70% daripada pendapatan berkanun syarikat bagi tahun taksiran. Sebarang elaun yang tidak digunakan pada akhir TT ke-15 boleh dibawa ke hadapan sehingga tempoh maksimum selama tujuh (7) TT berturut-turut dan tempoh tersebut bermula sebaik selepas akhir TT ke-15. RA boleh ditolak sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun syarikat bagi tahun taksiran yang berkenaan jika syarikat mencapai tahap produktiviti melebihi tahap yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Untuk mendapatkan butiran lanjut mengenai tahap produktiviti yang ditetapkan bagi setiap subsektor, sila hubungi [Lembaga Hasil Dalam Negeri \(LHDN\)](#) (sila lihat Alamat Penting – Organisasi Berkaitan).

Syarikat-syarikat yang bercadang untuk melabur semula sebelum tamatnya tempoh pelepasan cukai, boleh menyerahkan TP atau Sijil Perintis untuk tujuan pembatalan dan layak mendapat RA.

Syarikat hanya boleh memohon RA, **ATAU** Elaun Modal Dipercepat (sila lihat Bahagian 1.5.4), **ATAU** Elaun Modal Automasi (sila lihat Bahagian 1.5.5) pada mana-mana TT tertentu.

Di bawah sistem cukai taksiran sendiri Malaysia, mana-mana syarikat yang layak boleh menuntut elaun pelaburan semula dalam borang nyata cukai pendapatan. Dokumen yang berkaitan hendaklah disimpan untuk tujuan audit LHDNM. Permohonan untuk penyerahan PS atau Sijil Perintis untuk RA hendaklah dikemukakan kepada MIDA secara dalam talian melalui [portal InvestMalaysia](#). Untuk maklumat lanjut, sila layari bahagian [Borang dan Garis Panduan](#) di laman sesawang MIDA.

1.5.3 RA Tambahan

RA Tambahan diberikan kepada syarikat yang menjalankan projek pelaburan semula untuk aktiviti perkilangan dan pertanian terpilih yang sedia ada dan telah menghabiskan Elaun Pelaburan Semula awal mereka.

RA Tambahan diberikan pada kadar 60% ke atas perbelanjaan modal layak yang dilakukan untuk aktiviti pelaburan semula yang dijalankan dalam tempoh 5 tahun taksiran (TT 2020 – TT 2024), dengan syarat bahawa tempoh insentif RA bagi projek perkilangan atau aktiviti pertanian terpilih (seperti yang dinyatakan dalam 1.5.2) telah tamat tempoh sebelum tahun-tahun taksiran ini.

Permohonan bagi RA Tambahan hendaklah dikemukakan kepada secara dalam talian pada pautan <https://www.hasil.gov.my/> berkenaan dengan perbelanjaan modal layak yang untuk aktiviti pelaburan semula yang dijalankan dari TT 2020 hingga TT 2022.

1.5.4 Elaun Modal Dipercepat (ACA)

a) Pelaburan semula untuk aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan

Selepas tempoh kelayakan untuk mendapat RA selama 15 tahun, syarikat yang melabur semula dalam pengilangan keluaran digalakkan boleh memohon Elaun Modal Dipercepat (Accelerated Capital Allowance atau ACA). ACA menyediakan elaun khas, dengan perbelanjaan

modal dihapus kira dalam tempoh 3 tahun, iaitu elaun permulaan sebanyak 40% dan elaun tahunan sebanyak 20% untuk tahun pertama dan elaun tahunan 20% untuk dua tahun berikutnya.

Permohonan bagi ACA hendaklah dikemukakan kepada dan disertakan bersama surat daripada MIDA yang mengesahkan bahawa syarikat menjalankan aktiviti pengilangan untuk keluaran digalakkan.

b) Kitar Semula Sisa

Berkuat kuasa dari TT 2001, sebuah syarikat perkilangan yang telah melakukan perbelanjaan layak untuk tujuan perniagaannya boleh menuntut ACA ke atas loji dan jentera yang:

- Digunakan khas atau sebaliknya untuk kitar semula sisa, atau
- Digunakan untuk pemprosesan sisa selanjutnya untuk menghasilkan keluaran siap.

Syarikat hanya boleh memohon RA (sila lihat Bahagian 1.5.2) **ATAU** Elaun Modal Dipercepat, **ATAU** Elaun Modal Automasi (sila lihat Bahagian 1.5.85 pada mana-mana TT tertentu).

Syarikat dikehendaki mengemukakan borang nyata cukai pendapatan mereka untuk setiap tahun taksiran. Butiran lanjut mengenai prosedur boleh dirujuk kepada LHDNM.

1.5.5 Elaun Modal Automasi (Automation CA)

Syarikat perkilangan yang beroperasi selama sekurang-kurangnya 36 bulan di Malaysia, dan mempunyai perbelanjaan modal yang layak dilakukan ke atas peralatan automasi bagi tujuan mengautomasikan/memodenkan perniagaannya yang sedia ada, layak untuk mendapat Elaun Modal Automasi seperti berikut:

Industri intensif buruh yang tinggi (keluaran getah, plastik, kayu, perabot dan tekstil) boleh menuntut Elaun Modal Automasi sebanyak 200% ke atas perbelanjaan modal layak sebanyak RM4 juta pertama yang ditanggung dari TT 2015 hingga TT 2023.

Semua industri perkilangan lain dan sektor perkhidmatan boleh menuntut Elaun Modal Automasi sebanyak 200% ke atas perbelanjaan modal layak sebanyak RM2 juta pertama yang dari TT 2015 hingga TT 2023.

Syarikat hanya boleh memohon RA (sila lihat Bahagian 1.5.2) **ATAU** Elaun Modal Dipercepat (sila lihat Bahagian 1.5.4), **ATAU** Elaun Modal Automasi pada mana-mana TT tertentu.

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada MIDA secara dalam talian melalui [portal InvestMalaysia](#). Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila layari bahagian [Borang dan Garis Panduan](#) pada laman sesawang MIDA.

2. INSENTIF PELABURAN BAGI INDUSTRI KHUSUS

2.1 Insentif bagi Industri Aeroangkasa

Pembangunan industri aeroangkasa merupakan salah satu bidang strategik dan teknologi tinggi yang dikenal pasti oleh Kerajaan. Ini termasuk aktiviti seperti perkilangan atau pemasangan sistem, peranti, bahagian atau komponen dan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) untuk pesawat; sistem, peranti, bahagian atau komponennya dan perkhidmatan kejuruteraan dan reka bentuk yang berkaitan dengan aeroangkasa.

Syarikat aeroangkasa baharu dan sedia ada di Malaysia yang merancang untuk menjalankan aktiviti bernilai tinggi yang dinyatakan di atas boleh dipertimbangkan untuk mendapatkan insentif cukai berikut:

i. Syarikat

- a. Pengecualian cukai pendapatan 70% hingga 100% untuk tempoh 5 hingga 10 tahun; atau
- b. ECP sebanyak 60% hingga 100% untuk tempoh 5 tahun dan boleh ditolak 70% hingga 100% ke atas pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

ii. Syarikat Sedia Ada

- a. ECP sebanyak 60% untuk tempoh 5 tahun dan boleh ditolak sehingga 70% ke atas pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada MIDA secara dalam talian melalui [portal InvestMalaysia](#). Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila layari bahagian [Borang dan Garis Panduan](#) pada laman sesawang MIDA.

Insentif ini tamat tempohnya pada 31 Disember 2025, dan permohonan hendaklah dikemukakan kepada (dan diterima oleh) MIDA pada atau sebelum tarikh ini.

2.2 Insentif bagi Industri Automotif

Penggalakan pemasangan dan pengilangan Kenderaan Cepak Tenaga (EEV), Kenderaan Generasi Seterusnya (NxGV) dan komponen/sistem kritikalnya adalah penting untuk meningkatkan pembangunan industri automotif Malaysia.

Syarikat yang merancang untuk menjalankan aktiviti dalam pemasangan dan pengilangan EEV atau NxGV, atau komponen/sistem kritikal layak dipertimbangkan salah satu daripada insentif berikut untuk tempoh 5 atau 10 tahun:

- i. Pengecualian cukai pendapatan;

ATAU

- ii. Pengecualian cukai pendapatan yang bersamaan dengan ECP.

laitu,

Pemasangan dan pengilangan EEV atau NxGV, atau komponen/sistem kritikalnya' merujuk kepada perkara berikut:

- i. Pemasangan Kenderaan Cepak Tenaga EEV;
- ii. Pemasangan Kenderaan Generasi Seterusnya (NxGV);
- iii. Komponen/Sistem kritikal bagi EEV atau Bukan EEV, tidak terhad kepada yang berikut: penghantaran dan/atau sebahagian daripadanya (kecuali injak cekam), enjin dan/atau sebahagian daripadanya (kecuali palam pencucuh, pengulang-alik, tali sawat pemaasaan dan rantai pemaasaan, unit kawalan elektronik), beg udara dan/atau sebahagian daripadanya, mekanisme pengendalian dan kawalan (gantungan, brek, sistem stereng, modul penjuru), mekanisme brek dan/atau sebahagian daripadanya (kecuali pad brek, brek gelendong, kasut brek dan brek tangan), "body in white" dan/atau komponen dan bahagian dengan bahan ringan baru yang menyumbang kepada pengilangan EEV (keluli kekuatan tinggi maju, keluli kekuatan tinggi ultra, boron, martensit, aluminium kekuatan tinggi, magnesium, plastik bertetulang gentian karbon, komposit dsb.), pengeras turbo dan/atau sebahagian daripadanya;
- iv. Komponen untuk kenderaan hibrid dan elektrik, tidak terhad kepada yang berikut: motor elektrik, bateri elektrik, sistem pengurusan bateri, casis EV, modul pengeras dalam kenderaan, sistem pengurusan terma, pek bateri;
- v. Komponen untuk NxGV, tidak terhad kepada yang berikut: sistem bantuan pemandu termaju (advanced driver assistance system atau ADAS), pengesanan cahaya dan tentu jarak (light detection and ranging atau LIDAR) dan/atau sebahagian daripadanya, rangkaian kompleks pengesanan radio dan tentu jarak (radio detection and ranging atau RADAR), peranti telematik dan/atau sebahagian daripadanya, pengawal induk dan komponen kritikal AACV (cth. penerima, modul V2X, dsb.).

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada MIDA secara dalam talian melalui [portal InvestMalaysia](#). Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila layari bahagian [Borang dan Garis Panduan](#) pada laman sesawang MIDA.

Insentif ini tamat tempohnya pada 31 Disember 2025, dan permohonan hendaklah dikemukakan kepada (dan diterima oleh) MIDA pada atau sebelum tarikh ini.

2.3 Insentif bagi Industri Pembinaan Kapal dan Pembaikan Kapal (SBSR)/ Industri Perkapalan

2.3.1 Insentif Cukai bagi Industri Pembinaan Kapal dan Pembaikan Kapal

Projek Pembinaan Kapal dan Pembaikan layak mendapat mana-mana satu daripada insentif berikut:

- i. Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% selama tempoh 5 atau 10 tahun. Elaun modal tidak diserap dan kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh berkenaan boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat

ATAU

- ii. Pengecualian cukai pendapatan yang bersamaan dengan ECP sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun tahun taksiran.

Projek pembesaran oleh syarikat sedia ada layak mendapat pengecualian cukai pendapatan bersamaan dengan ECP sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun tersebut boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi tahun taksiran. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada MIDA secara dalam talian melalui [portal InvestMalaysia](#). Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila layari bahagian [Borang dan Garis Panduan](#) pada laman sesawang MIDA.

Insentif ini tamat tempohnya pada 31 Disember 2027, dan permohonan hendaklah dikemukakan kepada (dan diterima oleh) MIDA pada atau sebelum tarikh ini.

2.3.2 Insentif Cukai bagi Kapal-kapal Malaysia

Pendapatan syarikat perkapalan yang diperoleh daripada operasi kapal Malaysia ialah 70% dikecualikan daripada cukai dari TT 2012. Insentif ini hanya terpakai untuk pemastautin. "Kapal Malaysia" ditakrifkan sebagai kapal laut yang didaftarkan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (Dipinda), selain daripada feri, baj, bot tunda, kapal pembekalan, bot anak kapal, tongkang, kapal korek, bot nelayan atau kapal lain yang serupa.

Pendapatan mana-mana orang yang diperoleh daripada menjalankan pekerjaan di atas sebuah "Kapal Malaysia" adalah dikecualikan daripada cukai.

Pendapatan yang diterima oleh bukan pemastautin daripada penyewaan kontena ISO kepada syarikat perkapalan Malaysia juga dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Syarikat dikehendaki mengemukakan borang nyata cukai pendapatan mereka bagi setiap tahun taksiran. Butiran lanjut mengenai prosedur boleh dirujuk kepada LHDNM.

2.4 Insentif bagi Industri Jentera dan Peralatan

Syarikat yang menjalankan aktiviti dalam pengeluaran Jentera dan Peralatan, atau Jentera dan Peralatan Khusus, layak mendapat mana-mana salah satu daripada insentif berikut:

- i. TP dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun selama tempoh 10 tahun;

ATAU

- ii. ECP sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

'Jentera dan Peralatan' merujuk kepada perkakas mesin, peralatan pengendalian bahan, peralatan dan modul robotik dan automasi kilang, serta komponen bagi perkakas mesin dan peralatan robotik dan automasi kilang.

'Jentera dan Peralatan Khusus' merujuk kepada jentera atau peralatan proses khusus untuk industri tertentu, jentera dan modul pembungkusan, serta komponen bagi jentera atau peralatan proses khusus untuk industri tertentu dan jentera pembungkusan.

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada MIDA secara dalam talian melalui [portal InvestMalaysia](#). Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila layari bahagian [Borang dan Garis Panduan](#) pada laman sesawang MIDA (sila lihat Lampiran IV: Senarai Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Industri Terpilih).

2.5 Insentif bagi Sistem Bangunan Industri (IBS)

Komponen dan modular sistem bangunan industri (IBS) layak mendapat insentif cukai seperti berikut:

- i. Syarikat mengeluarkan sekurang-kurangnya tiga (3) dan ke atas komponen/produk/sistem modular IBS asas.
- ii. Lima (5) komponen asas IBS ialah tiang, rasuk, papak, dinding dan kekuda bumbung.

Elau Cukai Pelaburan (ECP)

- i. 60% daripada perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 5 tahun dan boleh ditolak sehingga 70% pendapatan berkanun bagi tahun taksiran. Elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke hadapan sehingga diserap sepenuhnya.
- ii. Kelulusan untuk dipertimbangkan berdasarkan kriteria nilai tambah (VA), indeks pengurusan, teknikal dan penyeliaan (MTS), nilai pelaburan, hubungan dengan pengeluar tempatan dan kriteria tambahan.
- iii. Insentif ini terpakai untuk permohonan yang diterima oleh MIDA dari 1 Januari 2021 - 31 Disember 2025.

2.6 Insentif bagi Industri Bioteknologi dan Industri Berasaskan Bio

2.6.1 Insentif bagi Syarikat Berstatus BioNexus

Sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti bioteknologi

dan telah diluluskan dengan Status BioNexus* oleh Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd. (Bioeconomy Corporation) layak mendapat insentif berikut:

- i. Pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan bukan IP (100% pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan berkanun):
 - a) Selama tempoh 10 tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun taksiran pertama syarikat memperoleh pendapatan berkanun daripada harta bukan intelek perniagaan baru; atau
 - b) Selama tempoh 5 tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun taksiran pertama syarikat memperoleh pendapatan berkanun selepas projek pembesarnya siap. Pengecualian cukai adalah ke atas pendapatan berkanun daripada harta bukan intelek perniagaan sedia ada dan projek pembesaran;

ATAU

- ii. Elaun Cukai Pelaburan (ECP) sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak (QCE) yang dilakukan dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh QCE pertama dilakukan. Elaun ini boleh diimbangi dengan maksimum 70% daripada pendapatan berkanun daripada perniagaan baharu atau projek pembesaran.

Syarikat Status BioNexus layak mendapat kadar cukai konsesi sebanyak 20% ke atas pendapatan berkanun daripada harta bukan intelek aktiviti layak (QA) yang diluluskan, yang diluluskan, selama tempoh 10 tahun berturut-turut apabila tamatnya pengecualian cukai pendapatan.

Syarikat Status BioNexus mungkin layak mendapat insentif lain seperti berikut:

- i. Potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat pada permulaan peringkat pengkomersialan oleh syarikat atau individu (yang menjalankan perniagaan), untuk membiayai aktiviti dalam syarikat BioNexus Status.
- ii. Elaun Bangunan Industri (Industrial Building Allowance - IBA) ke atas perbelanjaan yang layak digunakan semata-mata untuk tujuan perniagaan baharu atau projek pembesaran untuk tempoh sepuluh (10) tahun taksiran.
- iii. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan mentah/komponen dan mesin serta peralatan yang diimport.
- iv. Potongan dua kali ke atas perbelanjaan yang dilakukan untuk R&D.
- v. Potongan dua kali ke atas perbelanjaan yang dilakukan untuk menggalakkan eksport.

Pemohon mesti memenuhi semua kriteria kelayakan berikut pada waktu permohonan Status BioNexus:

- i. QA yang dicadangkan (keluaran/perkhidmatan) mesti mempunyai unsur bioteknologi serta teknologi yang sedia dikomersialkan;
- ii. QA yang dicadangkan mesti dijalankan di Malaysia;
- iii. Menjalankan aktiviti penyelidikan & pembangunan (R&D);
- iv. Syarikat diperbadankan di Malaysia dengan modal berbayar minimum sebanyak RM250,000 (bagi perniagaan baharu dan sedia ada).

Sila rujuk kepada [laman sesawang Bioeconomy Corporation \(Rangka Kerja BNx\)](#) untuk mendapatkan butiran lanjut.

2.6.2 Program Pemecut Berasaskan Bio

Program Pemecut Berasaskan Bio (BBA) ialah program yang baru diperkenalkan oleh Bioeconomy Corporation, bertujuan untuk menyediakan syarikat berasaskan bio dalam sektor pertanian, perindustrian dan penjagaan kesihatan untuk meningkatkan rantai nilai secara progresif untuk menjadi lebih cekap dan berdaya saing. Program ini mengenal pasti jurang dalam kemahiran, penggunaan teknologi, kewangan, kawal selia dan kebolehpasaran produk, sekali gus membolehkan syarikat berasaskan bio meningkatkan keupayaan dan prestasi perniagaan sedia ada mereka. Program ini akan terdiri daripada program pemudahan dan asuhan, yang akan ditawarkan kepada syarikat.

Berikut adalah senarai faedah yang akan disediakan kepada syarikat Pemecut Berasaskan Bio:

1. Memupuk dan membimbing melalui Program Pemecut Berasaskan Bio;
2. Memudahkan penggunaan teknologi untuk meningkatkan kecekapan;
3. Kemudahan akreditasi dan piawaian antarabangsa;
4. Kemudahan mendapatkan pembiayaan;
5. Kemudahan dalam pengambilan, pematangan perniagaan, perkhidmatan kawal selia, dsb.;
6. Bantuan dalam membangunkan aktiviti penjenamaan, pemasaran dan promosi; dan
7. Akses kepada Program Rakan Kongsi BioNexus untuk makmal berkongsi dan kemudahan lain yang berkaitan.

Pemohon perlu memenuhi kriteria kelayakan berikut semasa membuat permohonan:

- i. **Keperluan Umum**
 - a. Entiti undang-undang yang ditubuhkan;
 - b. Menjalankan aktiviti berasaskan bio atau bioteknologi;

- c. Syarikat mempunyai atau merancang untuk mengguna pakai teknologi dalam proses perniagaannya;
- d. Syarikat menggaji bilangan pekerja sepenuh masa yang mencukupi untuk menjalankan perniagaan pada bila-bila masa; dan
- e. Bayaran yuran permohonan RM250 (hanya untuk syarikat yang diluluskan). Yuran adalah bersyarat dan tidak boleh dikembalikan.

Selanjutnya, setiap jenis organisasi (Sendirian Berhad/ Sdn. Bhd.; Perusahaan atau seumpamanya; universiti atau spin-off penyelidikan) perlu memenuhi set kriterianya sendiri:

i. Sendirian Berhad / Sdn. Bhd.

- a. Modal berbayar minimum RM50,000, atau
- b. Jualan tahunan RM80,000 daripada aktiviti berasaskan bio atau bioteknologi.

ii. Perusahaan atau Serupa / Milikan Tunggal / Perkongsian / Persatuan

- a. Modal berbayar minimum RM10,000, atau
- b. Jualan tahunan RM30,000, dan
- c. Ruang operasi fizikal.

iii. Universiti atau Penyelidikan Keluaran Sampingan / Entiti atau universiti penyelidikan keluar

- a. Menjalankan aktiviti R&D sekurang-kurangnya dua (2) tahun;
- b. Penyelidik yang mengambil bahagian dalam R&D mestilah menjadi pekerja sepenuh masa organisasi/universiti;
- c. Diketuai oleh individu yang diberi kuasa/dilantik sewajarnya oleh organisasi/universiti;
- d. Ruang operasi fizikal untuk menjalankan R&D;
- e. Ditubuhkan/didaftarkan dalam organisasi/universiti (contoh: pejabat pemindahan teknologi); dan
- f. Sekurang-kurangnya RM20,000 dibelanjakan untuk perbelanjaan modal, bahan gunahabis dan/ atau sewa premis untuk aktiviti R&D.

Untuk maklumat lanjut dan mendapatkan borang permohonan dalam talian, sila rujuk laman sesawang Bioeconomy Corporation pada [program BBA](#).

2.6.3 Pendanaan Bioteknologi dan Pendanaan Berasaskan Bio

PEMBIAYAAN BERASASKAN EKUITI

Sejak tahun 2021, Perbadanan Bioekonomi telah melancarkan program pembiayaan ekuiti yang dikenali sebagai Program Dana Teroka Asas Tani (AGVF) di bawah RMK-12. Untuk program ini, Bioeconomy Corporation bukan sahaja menyediakan bantuan dalam bentuk pembiayaan tetapi juga teknikal, rangkaian, pemasaran, dan promosi, serta pembangunan modal insan dan bantuan pengambilan di mana berkenaan dan tersedia.

Walaupun Bioeconomy Corporation menyediakan kedua-dua dana dan bantuan pengurusan pada tahap tertentu, ini tidak termasuk mengambil bahagian dalam sebarang jaminan yang diwajibkan oleh penerima program pembiayaan ekuiti kepada pihak ketiga.

PEMBIAYAAN BERASASKAN HUTANG

Pada separuh kedua tahun 2023, Bioeconomy Corporation telah melancarkan semula versi Dana Pengkomersilan Bioteknologi (BCF) dengan pakej pinjaman yang lebih menarik dari segi harga, tempoh tangguh prinsipal dan tempoh pembayaran balik.

Selain itu, penggunaan hasil pembiayaan telah dilonggarkan untuk menampung keperluan pembiayaan hutang yang lebih luas. Ini termasuk inisiatif pengkomersilan awal yang berdaya maju, pembiayaan modal kerja untuk operasi sedia ada, serta keperluan pengembangan modal, mulai daripada pembelian mesin terpakai untuk pemerolehan hartanah perniagaan.

Kedua-dua program pembiayaan adalah tidak eksklusif dan akan tersedia untuk kedua-dua syarikat tempatan dan juga syarikat kawalan asing.

Sila rujuk [laman sesawang Perbadanan Bioekonomi \(Pendanaan\)](#) untuk butiran lanjut.

2.6.4 Latihan Khusus Kebolehpasaran dan Keusahawanan (BeST) 2.0 BioAgroteknologi dan BioFarmaseutikal

BeST 2.0 adalah program "Place, Train & Hire" selama enam bulan yang direka untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan melengkapkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan tentang pengalaman kerja industri kehidupan sebenar dalam bioteknologi dan syarikat berasaskan bio (dirujuk sebagai 'hos. syarikat), dengan objektif untuk mendapatkan pekerjaan tetap untuk mereka selepas enam bulan di syarikat tuan rumah dan mengembangkan minat mereka untuk menjadi Bio-Agropreneur muda.

la merupakan program bersepadu yang memberi pendedahan kepada graduan tentang kemahiran dan pengetahuan teknikal yang diterajui industri melalui pengalaman kerja industri kehidupan sebenar bersama pemain industri, sambil membangunkan kemahiran kepimpinan dan kecemerlangan peribadi mereka untuk mengubah mereka menjadi sedia industri dan prospek berprestasi untuk majikan. BeST 2.0 adalah selaras dengan salah satu strategi utama Dasar Bioteknologi Negara 2.0 iaitu untuk membangunkan dan mengubah bakat khusus menjadi tenaga kerja yang cekap, adaptif dan dipacu industri untuk menyokong industri bioteknologi dan berasaskan bio.

Kerjasama Bioeconomy Corporation dengan universiti/ Institusi Pengajian Tinggi dan rangkaian luas bioteknologi dan syarikat berasaskan bio termasuk syarikat BBA dan syarikat berstatus BioNexus, boleh memudahkan penyatuan bakat dengan permintaan untuk bakat dalam

industri bioteknologi dan berasaskan bio.

Melalui bantuan daripada Bioeconomy Corporation, syarikat hos terpilih akan menerima faedah berikut:

- ❖ Iklan kekosongan jawatan untuk mencari bakat yang sesuai melalui portal Biokerjaya (www.biokerjaya.my) dan aktiviti promosi lain;
- ❖ Peruntukan elaun bulanan;
- ❖ Pra saringan calon (semakan resume, ujian psikometrik, dan padanan kriteria); dan
- ❖ Latihan persediaan kerja untuk graduan (iaitu latihan kemahiran insaniah dan teknikal), dibuat dan disesuaikan mengikut keperluan industri sebelum penempatan kerja mereka dengan syarikat tuan rumah.

BeST 2.0, platform untuk bioteknologi tempatan dan graduan berasaskan bio untuk meneruskan kerjaya mereka dalam sektor ini, memberikan graduan ini peluang untuk penempatan pekerjaan di syarikat tuan rumah, yang akhirnya membantu mereka mendapatkan jawatan tetap sebagai Pekerja Berpengetahuan selepas tamat program.

Sila rujuk laman sesawang [Bioeconomy Corporation \(BeST 2.0\)](http://Bioeconomy Corporation (BeST 2.0)) untuk butiran lanjut.

2.7 Insentif bagi Sektor Hasil Pertanian (Rantaian Pengeluaran Makanan- Hulu)

Akta Penggalakan Pelaburan 1986 menyatakan bahawa istilah "syarikat" berhubung dengan pertanian termasuk:

- i. Pertubuhan koperasi dan persatuan berasaskan pertanian; dan
- ii. Pemilikan tunggal dan perkongsian yang terlibat dalam pertanian.

Insentif khusus diperkenalkan untuk menarik pelaburan ke dalam projek makanan di peringkat ladang. Ini akan meningkatkan bekalan bahan mentah untuk sektor pemrosesan makanan, sekali gus mengurangkan pergantungan kepada import bahan mentah tersebut.

Insentif cukai boleh dipertimbangkan untuk kedua-duanya, syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang terlibat dalam projek pengeluaran makanan yang diluluskan, dan syarikat subsidiarinya yang menjalankan aktiviti pengeluaran makanan. Insentif cukai adalah seperti berikut:

- i. Syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran makanan boleh dipertimbangkan untuk potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam syarikat subsidiari itu untuk tahun taksiran itu; dan
- ii. Syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti pengeluaran makanan boleh dipertimbangkan untuk pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya ke atas pendapatan berkanunnya selama 10 tahun taksiran

untuk projek baharu atau 5 tahun taksiran untuk projek pembesaran.

Belanjawan 2023 yang telah disemak mencerminkan perluasan skop bagi insentif cukai untuk memasukkan projek pertanian moden- berdasarkan Pertanian Alam Sekitar Terkawal (CEA). Dalam memacu produktiviti dan meningkatkan kecekapan melalui automasi, Elaun Modal Dipercepatkan (ACA) juga telah diperluaskan untuk memasukkan sektor pertanian untuk automasi yang menyesuaikan elemen Industri 4.0 dengan jumlah perbelanjaan modal sehingga RM10 juta.

Pemohonan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan.

Tamat tempoh bagi insentif ini adalah pada 31 Disember 2025, dan permohonan hendaklah dikemukakan kepada (dan diterima oleh) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada atau sebelum tarikh ini.

Bagi permohonan ACA dalam sektor pertanian, insentif akan tamat tempoh pada 31 Disember 2027, dan permohonan hendaklah dikemukakan kepada (dan diterima oleh) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada atau sebelum tarikh ini.

2.7.1 Insentif untuk Industri Makanan Diproses (Rantaian Pengeluaran Makanan - Hiliran)

Syarikat yang mengeluarkan produk yang digalakkan atau terlibat dalam aktiviti yang digalakkan layak mendapat insentif berikut:

- i. TP dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun selama tempoh 5 tahun, bermula dari Hari Pengeluarannya (ditakrifkan sebagai hari jualan pertama hasil pertanian). Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh TP boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pasca perintis syarikat berkenaan. Kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pasca perintis syarikat berkenaan selama tempoh 7 tahun berturut-turut.

ATAU

- ii. ECP sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh perbelanjaan modal layak pertama. Elaun ini boleh ditolak 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke hadapan ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya. Baki sebanyak 30% daripada pendapatan berkanun dikenakan cukai pada kadar cukai syarikat semasa.

Pemohonan hendaklah dikemukakan kepada MIDA dalam talian melalui portal InvestMalaysia.

(Sila rujuk Lampiran I - V: Senarai Aktiviti dan Produk Digalakkan untuk penyenaiaan produk agrifood yang berkaitan.)

2.7.2 Insentif untuk Produk Halal dan Aktiviti Berkaitan

a. Insentif bagi Pengeluaran Makanan Diproses Halal

Untuk menggalakkan pelaburan baharu dalam pengeluaran makanan halal, dan untuk meningkatkan penggunaan mesin dan peralatan moden dan tercanggih untuk menghasilkan makanan diproses halal berkualiti tinggi yang mematuhi piawaian antarabangsa, syarikat yang melabur dalam pengeluaran makanan halal dengan teknologi terkini, dan perlu mendapatkan pensijilan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan mematuhi MS 1500:2004, layak mendapat ITA sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 5 tahun.

Elaun boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun dalam tahun taksiran. Sebarang elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga jumlah keseluruhan telah digunakan sepenuhnya.

Untuk maklumat lanjut mengenai mendapatkan sijil halal daripada JAKIM, sila layari www.halal.gov.my/.

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada MIDA secara dalam talian melalui [portal InvestMalaysia](http://portal.InvestMalaysia).

b. Insentif di bawah Perbadanan Pembangunan Halal (HDC)

1) Insentif bagi Pengendali Taman Halal

Sebagai usaha untuk menggalakkan daya tarikan di Taman-taman Halal, pengendali taman halal layak mendapat insentif berikut:

- i. TP dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun selama tempoh 10 tahun. Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh TP boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan. Kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan selama tempoh 7 tahun berturut-turut.

ATAU

dilakukan semasa mengiklankan barangan nama jenama Malaysia, tertakluk pada syarat-syarat berikut:

- i. syarikat itu mestilah dimiliki lebih daripada 50% oleh tuan punya berdaftar nama jenama Malaysia yang berkenaan;
- ii. potongan hanya boleh dituntut oleh satu syarikat pada satu tahun taksiran; dan
- iii. keluaran mestilah memenuhi piawaian kualiti eksport.

Di bawah sistem cukai taksiran sendiri Malaysia, mana-mana syarikat yang layak boleh menuntut IBS melalui borang nyata cukai pendapatan. Dokumen yang berkaitan hendaklah disimpan untuk tujuan audit LHDNM.

6.10 Derma bagi Perlindungan Alam Sekitar

Derma kepada sebuah organisasi yang diluluskan semata-mata untuk perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar, layak mendapat potongan sekali.

Di bawah sistem cukai taksiran sendiri Malaysia, mana-mana syarikat yang layak boleh menuntut IBS melalui borang nyata cukai pendapatan. Dokumen yang berkaitan hendaklah disimpan untuk tujuan audit LHDNM.

Syarikat boleh merujuk kepada Seksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 mengenai butiran lanjut tentang potongan yang diperuntukkan di bawah peruntukan tersebut.

6.11 Insentif bagi Tempat Tinggal Pekerja

Bangunan yang digunakan untuk pekerja bagi maksud tempat tinggal dalam sesuatu operasi perkilangan, Projek Perkhidmatan Diluluskan, hotel atau perniagaan pelancongan, layak mendapat Elaun Bangunan Perindustrian khas sebanyak 10% daripada perbelanjaan yang dilakukan untuk pembinaan/pembelian bangunan itu selama tempoh 10 tahun.

Di bawah sistem cukai taksiran sendiri Malaysia, mana-mana syarikat yang layak boleh menuntut IBA melalui borang nyata cukai pendapatan. Dokumen yang berkaitan hendaklah disimpan untuk tujuan audit LHDNM.

7. PEMUDAHAN DAN INSENTIF BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN

Di samping sektor perkilangan, Malaysia juga mempunyai dasar-dasar yang menyokong syarikat yang membuat persiapan untuk menjalankan aktiviti dalam industri terpilih dalam sektor perkhidmatan. Beberapa dasar ini (dalam bentuk pemudahan dan insentif) tergolong dalam skop MIDA.

7.1 Operasi Serantau

Syarikat yang mengadakan operasi serantau di Malaysia, sama ada dalam bentuk Pejabat Perwakilan, Pejabat

Serantau, Hab Utama atau Perkhidmatan Bersama Global, mungkin layak mendapat perkhidmatan pemudahan daripada MIDA, pelbagai insentif cukai dan/atau pengecualian duti kastam.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai dasar-dasar Operasi Serantau, sila baca [MALAYSIA: PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN Buku Kecil 2: Operasi Serantau](#).

7.2 Penyelidikan dan Pembangunan

Syarikat yang melaksanakan perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan di Malaysia mungkin layak mendapat perkhidmatan pemudahan daripada MIDA, bantuan kewangan daripada pihak Kerajaan, pelbagai insentif cukai dan/atau pengecualian duti kastam.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai dasar-dasar penyelidikan dan pembangunan, sila baca [MALAYSIA: PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN Buku Kecil 3 Perkhidmatan Penyelidikan dan Pembangunan](#).

7.3 Perkhidmatan Minyak dan Gas

Syarikat yang melaksanakan perkhidmatan minyak dan gas di Malaysia mungkin layak mendapat perkhidmatan pemudahan daripada MIDA dan/atau pelbagai insentif cukai.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai dasar-dasar minyak dan gas, sila baca [Insentif Cukai Malaysia: Kompilasi dan Panduan bagi Sektor Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas](#) dan [Minyak dan Gas Malaysia](#).

7.4 Perkhidmatan Hospitaliti

Syarikat dalam industri hospitaliti di Malaysia mungkin layak mendapat perkhidmatan pemudahan daripada MIDA, bantuan kewangan daripada pihak Kerajaan dan/atau pelbagai insentif cukai.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai dasar-dasar hospitaliti, sila baca [MALAYSIA: PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN Buku Kecil 9: Pelancongan dan Perkhidmatan yang Berkaitan dengan Perjalanan](#).

7.5 Perkhidmatan Pendidikan dan Latihan Perindustrian

Syarikat yang menyediakan perkhidmatan pendidikan dan latihan perindustrian di Malaysia mungkin layak mendapat perkhidmatan pemudahan daripada MIDA, pelbagai insentif cukai dan/atau pengecualian duti kastam.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai dasar-dasar Pendidikan dan Latihan Perindustrian, sila baca [MALAYSIA: PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN Buku Kecil 10: Perkhidmatan Pendidikan dan Latihan Perindustrian](#).

7.6 Perkhidmatan Perubatan dan Penjagaan Kesihatan

Syarikat yang dalam industri perubatan dan penjagaan kesihatan di Malaysia mungkin layak mendapat perkhidmatan pemudahan daripada MIDA dan/atau pelbagai insentif cukai.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai dasar-dasar Perkhidmatan Perubatan dan Penjagaan Kesihatan, sila baca [MALAYSIA: PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN Buku Kecil 15: Perkhidmatan Perubatan dan Penjagaan Kesihatan](#).

7.7 Perkhidmatan Logistik dan Rantaian Bekalan

Syarikat dalam industri logistik dan rantaian bekalan di Malaysia mungkin layak mendapat perkhidmatan pemudahan daripada MIDA, pelbagai insentif cukai dan/atau pengecualian duti kastam.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai dasar-dasar Logistik dan Rantaian Bekalan, sila baca [MALAYSIA: PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN Buku Kecil 4: Perkhidmatan Logistik](#).

7.8 Pengurusan Alam Sekitar

Syarikat yang menyediakan perkhidmatan pengurusan alam sekitar di Malaysia mungkin layak mendapat perkhidmatan pemudahan daripada MIDA, pelbagai insentif cukai dan/atau pengecualian duti kastam.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai dasar-dasar Pengurusan Alam Sekitar, sila baca [MALAYSIA: PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN Buku Kecil 7: Perkhidmatan Pengurusan Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Malaysia](#).

7.9 Perkhidmatan Digital

Syarikat dalam industri perkhidmatan digital di Malaysia mungkin layak mendapat perkhidmatan pemudahan daripada MIDA dan MDEC melalui portal Malaysia, Heart of Digital ASEAN (MHODA). Portal ini telah diwujudkan di bawah naungan Pejabat Pelaburan Digital untuk menyelaraskan, menaksir dan menilai projek pelaburan digital, dengan itu memastikan proses yang lebih cepat dan lebih diperkemas bagi permohonan pelaburan digital. Melalui platform ini, para pelabur boleh mengemukakan minat pelaburan mereka melalui satu titik masuk, memudahkan pemasukan dan pemudahan serta membolehkan peluang pelaburan digital yang berkualiti sejajar dengan matlamat MyDIGITAL.

MHODA boleh didapati pada pautan <https://www.heartofdigitalasean.my>.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai dasar Perkhidmatan Digital, sila lawati <https://mdec.my/dio/>.

7.10 Perkhidmatan Industri Lain

Di samping perkara di atas, MIDA juga telah menyediakan buku kecil mengenai industri lain dalam sektor perkhidmatan bagi membantu syarikat yang berniat untuk menjalankan aktiviti dalam industri-industri berikut:

Perkhidmatan Sokongan Teknikal Khusus
[Buku Kecil 5](#)

Perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
[Buku Kecil 6](#)

Perkhidmatan Perdagangan Beragihan
[Buku Kecil 8](#)

Perkhidmatan Guaman
[Buku Kecil 11](#)

Perkhidmatan Perakaunan, Pengauditan dan Percukaian
[Buku Kecil 12](#)

Perkhidmatan Perundingan Seni Bina
[Buku Kecil 13](#)

Perkhidmatan Perundingan Ukur
[Buku Kecil 14](#)

Perkhidmatan Perundingan Pengurusan
[Buku Kecil 17](#)

Perkhidmatan Penyelidikan Pasaran
[Buku Kecil 18](#)

Perkhidmatan Pengiklanan
[Buku Kecil 19](#)

Semua buku-buku kecil ini boleh didapati pada laman sesawang MIDA:

<https://www.mida.gov.my/publications/malaysia-Pelaburan-in-the-services-sector/>

Penerbitan lain juga boleh didapati pada laman sesawang MIDA:

www.mida.gov.my/publications/

BAB



MENGOPTIMUMKAN OBLIGASI CUKAI PERNIAGAAN ANDA DI MALAYSIA





- 1. PERCUKAIAN DI MALAYSIA**
- 2. KELAS PENDAPATAN YANG DIKENAKAN CUKAI**
- 3. CUKAI SYARIKAT**
 - 3.1 Taraf Pemastautin
 - 3.2 Kadar Cukai Pendapatan
 - 3.3 Pengutipan Cukai
 - 3.4 Potongan Cukai
- 4. CUKAI PENDAPATAN PERSEORANGAN**
 - 4.1 Taraf Pemastautin
 - 4.2 Kadar cukai untuk Individu Pemastautin
 - 4.2.1 *Pelepasan Diri*
 - 4.2.2 *Rebat Cukai*
 - 4.3 Individu Bukan Pemastautin
- 5. CUKAI PEGANGAN**
- 6. CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH**
- 7. CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN**
 - 7.1 Cukai Jualan
 - 7.1.1 *Kadar Cukai Jualan*
 - 7.2 Cukai Perkhidmatan
 - 7.2.1 *Perkhidmatan Bercukai*
 - 7.2.2 *Pengenaan Cukai*
 - 7.2.3 *Kadar Cukai Perkhidmatan*
 - 7.2.4 *Kadar Cukai Perkhidmatan untuk Kad Kredit dan Kad Caj*
- 8. DUTI IMPORT**
- 9. DUTI EKSAIS**
- 10. PERJANJIAN CUKAI DUA KALI**



MENGOPTIMUMKAN OBLIGASI CUKAI PERNIAGAAN ANDA DI MALAYSIA

Seperti semua negara lain di dunia ini, Malaysia harus mencari keseimbangan antara usaha menarik pelaburan ke dalam negara dan memperoleh hasil cukai yang mencukupi untuk membiayai perbelanjaan Kerajaan yang perlu. Dengan memahami bagaimana pendapatan dicukai di Malaysia, serta pelbagai potongan dan elaun yang diperuntukkan di bawah undang-undang, anda boleh memastikan bahawa anda membayar jumlah cukai yang sesuai di sisi undang-undang.

1. PERCUKAIAN DI MALAYSIA

Pendapatan seseorang termasuk sebuah syarikat, yang terakru di Malaysia, diperoleh dari Malaysia atau diterima di Malaysia dari luar negara, adalah tertakluk pada cukai pendapatan.

Walau bagaimanapun, pendapatan yang diterima di Malaysia oleh mana-mana orang (selain daripada syarikat pemastautin yang menjalankan perniagaan perbankan, insurans atau pengangkutan udara atau laut) bagi suatu tahun taksiran, yang diperoleh daripada sumber di luar Malaysia, adalah dikecualikan daripada cukai.

Bagi memodenkan dan menyelaraskan sistem pentadbiran cukai, sistem taksiran sendiri telah dilaksanakan bagi syarikat, pemilikan tunggal, perkongsian, koperasi serta kumpulan bergaji, dan taksiran cukai pendapatan adalah berdasarkan tahun semasa.

2. KELAS PENDAPATAN YANG DIKENAKAN CUKAI

Cukai pendapatan ialah cukai yang dikenakan pada setiap tahun terhadap seseorang yang menerima pendapatan bersifat hasil seperti:

- ❖ laba atau keuntungan daripada suatu perniagaan, selama mana-mana tempoh ia dijalankan;
- ❖ laba atau keuntungan daripada pekerjaan (gaji, saraan, dll.);
- ❖ dividen, faedah atau diskaun;
- ❖ sewa, royalti atau premium;
- ❖ pencen, anuiti atau bayaran berkala lain;
- ❖ laba atau keuntungan lain yang bersifat pendapatan.

3. CUKAI SYARIKAT

3.1 Taraf pemastautin

Sebuah syarikat dianggap sebagai pemastautin di Malaysia jika kawalan dan pengurusan perniagaannya dilaksanakan di Malaysia.

3.2 Kadar Cukai Pendapatan

Mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2016, kadar cukai syarikat adalah sebanyak 24%. Kadar ini juga terpakai untuk entiti berikut:

- ❖ sebuah badan amanah;
- ❖ seorang pelaksana wasiat harta seorang individu yang telah bermastautin di luar Malaysia pada masa kematiannya;
- ❖ seorang penerima yang dilantik oleh mahkamah; dan
- ❖ sebuah perkongsian liabiliti terhad.

Syarikat pemastautin dan perkongsian liabiliti terhad dengan modal berbayar/sumbangan modal sebanyak RM2.5 juta atau kurang pada permulaan tempoh asas untuk tahun taksiran, dan dengan jualan tahunan tidak lebih daripada RM50 juta, akan dikenakan cukai pada kadar berikut:

Ke atas pendapatan bercukai RM600,000 pertama - 17%

Ke atas pendapatan bercukai berikutnya - 24%

Seseorang yang menjalankan operasi huluan petroleum adalah tertakluk pada Cukai Pendapatan Petroleum sebanyak 38%.

3.3 Pengutipan cukai

Anggaran cukai syarikat yang perlu dibayar (CP204) bagi suatu tahun taksiran mestilah diberikan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri selewat-lewatnya 30 hari sebelum permulaan tempoh asas, kecuali bagi yang berikut:

- ❖ Sebuah syarikat yang baru ditubuhkan dengan modal berbayar sebanyak RM2.5 juta dan kurang (SME) adalah dikecualikan daripada kehendak ini selama 2 tahun, bermula dari tahun taksiran syarikat memulakan operasinya, tertakluk pada syarat-syarat tertentu.
- ❖ Sebuah syarikat yang memulakan operasinya pada tahun taksiran tidak dikehendaki supaya memberikan anggaran cukai yang perlu dibayar atau membuat bayaran ansuran, jika tempoh asas bagi tahun taksiran syarikat memulakan operasinya adalah kurang daripada 6 bulan.

Pada umumnya, anggaran cukai yang perlu dibayar akan harus dibayar dalam 12 ansuran bulanan yang sama jumlahnya, bermula dari bulan ke-2 tempoh asas syarikat.

Baki cukai yang perlu dibayar akan dibayar pada atau sebelum tarikh akhir bagi penyerahan Borang Penyata syarikat.

3.4 Potongan Cukai

Pada umumnya, pendapatan terlaras ditentukan dengan memotong, daripada pendapatan kasar, semua aliran keluar dan perbelanjaan yang ditanggung sepenuhnya dan semata-mata dalam penghasilan pendapatan kasar.

Pembayaran *zakat* perniagaan dibenarkan sebagai potongan dalam menentukan jumlah pendapatan sesebuah syarikat. Walau bagaimanapun, jumlah yang dipotong tidak boleh melebihi 2.5% daripada pendapatan agregat pada tahun taksiran yang berkenaan.

Potongan lain yang dibenarkan termasuk sumbangan kepada:

- ❖ Kerajaan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan; atau
- ❖ Institusi atau organisasi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia; atau
- ❖ Aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan atau Pesuruhjaya Sukan; atau
- ❖ Projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

4. CUKAI PENDAPATAN PERSEORANGAN

4.1 Taraf pemastautin

Taraf pemastautin seseorang individu ditentukan oleh tempoh beliau berada di Malaysia seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 7 Akta Cukai Pendapatan 1967. Pada umumnya, seorang individu yang berada di Malaysia selama sekurang-kurangnya 182 hari dalam satu tahun kalendar dianggap sebagai pemastautin yang dikenakan cukai.

4.2 Kadar cukai untuk Individu Pemastautin

Seorang individu pemastautin dikenakan cukai ke atas pendapatan bercukainya setelah ditolak pelepasan diri pada kadar bersenget daripada 0% hingga 30%, berkuat - kuasa dari tahun taksiran 2020.

4.2.1 Pelepasan Diri

Pendapatan bercukai individu pemastautin dihitung setelah jumlah pelepasan diri ditolak daripada jumlah pendapatan. Jenis pelepasan diri yang diberikan adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Pelepasan Individu	Tahun Taksiran 2022 (RM)
1.	Individu dan Saudara Tanggungan	9,000
2.	Perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjaga untuk ibu bapa	8,000 (Terhad)
3.	Perbelanjaan pembelian peralatan sokongan asas untuk kegunaan individu kurang upaya, suami/isteri, anak atau ibu bapa yang kurang upaya	6,000 (Terhad)
4.	Individu Kurang Upaya – Pelepasan tambahan individu	6,000
5.	Yuran Pendidikan	7,000 (Terhad)
6.	Perbelanjaan perubatan diri sendiri, suami/isteri dan anak-anak bagi rawatan penyakit serius dan rawatan kesuburan diri sendiri atau suami/isteri (termasuk sehingga RM1,000 bagi pemeriksaan perubatan penuh dan sehingga RM1,000 bagi suntikan vaksin)	8,000 (Terhad)
7.	Gaya Hidup: <ul style="list-style-type: none"> ❖ Pembelian atau langganan buku, jurnal, majalah, penerbitan dan surat khabar elektronik; ❖ Pembelian komputer peribadi, telefon pintar atau tablet; ❖ Pembelian peralatan sukan untuk aktiviti sukan; dan ❖ Bayaran langganan untuk Internet jalur lebar yang didaftarkan atas nama individu itu sendiri 	2,500 (Terhad)
8.	Simpanan bersih dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (sehingga tahun taksiran 2022)	8,000 (Terhad)

Bil.	Jenis Pelepasan Individu	Tahun Taksiran 2022 (RM)	Bil.	Jenis Pelepasan Individu	Tahun Taksiran 2022 (RM)
9.	Suami/Isteri/Bayaran Alimoni	4,000 (Terhad)	14.	Anak Kurang Upaya	6,000 (Terhad)
10.	Suami/Isteri Kurang Upaya – Pelepasan tambahan bagi pasangan	5,000		Pelepasan tambahan sebanyak RM8,000 bagi setiap orang anak kurang upaya yang berumur 18 tahun dan ke atas, belum berkahwin dan mengikuti diploma atau kelayakan yang lebih tinggi di Malaysia, atau peringkat ijazah Sarjana Muda atau lebih tinggi di luar Malaysia di Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan	
11.	Pelepasan Anak Biasa	2,000 (Terhad)			
12.	Setiap orang anak yang belum berkahwin, berumur 18 tahun dan ke atas dan menerima pendidikan sepenuh masa (peringkat A-Aras, sijil, matrikulasi atau kursus persediaan).	2,000 (Terhad)			
13.	Setiap orang anak yang belum berkahwin dan berumur 18 tahun dan ke atas yang: <ul style="list-style-type: none"> ❖ mengikuti pengajian tinggi di Malaysia berkenaan dengan anugerah diploma atau lebih tinggi (tidak termasuk matrikulasi/ kursus persediaan). ❖ mengikuti pengajian tinggi di luar Malaysia berkenaan dengan anugerah diploma atau seumpamanya (termasuk Sarjana atau Ijazah Kedoktoran). <p>Kursus dan institusi pengajian tinggi hendaklah diluluskan oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan.</p>	8,000 (Terhad)	15.	Insurans nyawa dan KWSP	Insurans Nyawa: 3,000 (Terhad) KWSP: 4,000 (Terhad) Penjawat Awam yang telah memilih skim persaraan pencen: 7,000 (Terhad)
			16.	Caruman untuk Skim Persaraan Swasta yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan anuiti tertunda	3,000 (Terhad)
			17.	Premium insurans bagi faedah pendidikan atau perubatan	3,000 (Terhad)
			18.	Caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) & EIS	350 (Terhad)
			19.	Pembelian peralatan penyusunan	1,000 (Terhad)
			20.	Yuran yang dibayar kepada pusat asuhan kanak-kanak dan tadika	3,000 (Terhad)
			21.	Pembelian peralatan sukan, sewa atau yuran kemasukan ke kemudahan sukan dan yuran pendaftaran untuk menyertai pertandingan sukan	500 (Terhad)

Bil.	Jenis Pelepasan Individu	Tahun Taksiran 2022 (RM)
22.	Perbelanjaan pelancongan domestik (sehingga tahun taksiran 2022) (jumlah yang dibelanjakan antara 1.3.2020 dan 31.12.2022)	1,000 (Terhad)
23.	Kemudahan pengecasan EV termasuk pemasangan, penyewaan, sewa beli peralatan atau yuran langganan	RM2,500 (Terhad)

4.2.2 Rebat Cukai

Jumlah cukai yang dikenakan ke atas seorang individu pemastautin dikurangkan secara rebat berikut:

- ❖ Rebat Cukai Pendapatan bagi Individu Pemastautin dengan Pendapatan Bercukai Kurang Daripada RM35,000

Seorang individu dengan pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000 menikmati rebat sebanyak RM400. Jika suami/isteri tidak bekerja atau pendapatan suami/isteri ditaksir secara bersama, individu itu juga menikmati rebat tambahan sebanyak RM400. .

Bil.	Rebat Cukai	RM
a.	Taksiran Berasingan	
	Isteri	400
	Suami	400
b.	Taksiran Bersama	
	Isteri	400
	Suami	400
	Jumlah	800
c.	Taksiran Jika Suami Atau Isteri Tidak Mempunyai Sebarang Jumlah Pendapatan	
	Isteri	400
	Suami	400
	Jumlah	800

- ❖ Rebat Cukai Lain

Bil.	Rebat Cukai	(RM)
a.	Zakat/Fitrah	Tertakluk pada jumlah maksimum cukai yang dikenakan
b.	Levi keberangkatan bagi mereka yang mengerjakan umrah dan menunaikan haji ke tempat suci (dua kali seumur hidup)	Jumlah sebenar yang dibelanjakan

4.3 Individu Bukan Pemastautin

Mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2020, seorang individu bukan pemastautin boleh dikenakan cukai pada kadar 30% tanpa sebarang pelepasan diri.

5. CUKAI PEGANGAN

Individu bukan pemastautin boleh dikenakan cukai pegangan sebanyak:

10% ke atas kelas pendapatan khas seperti berikut:

- sebagai balasan kepada perkhidmatan yang diberikan oleh seseorang atau pekerjaanya berhubung dengan penggunaan harta atau hak, pemasangan atau operasi mana-mana loji, jentera atau peralatan lain;
- sebagai balasan kepada sebarang nasihat, bantuan atau perkhidmatan yang diberikan berhubung dengan pengurusan atau pentadbiran mana-mana perusahaan, usaha, projek atau skim saintifik, perindustrian atau komersial;
- sewa atau bayaran lain yang dibuat di bawah sebarang perjanjian atau pengaturan bagi penggunaan mana-mana harta alih.

Cukai pegangan tidak terpakai bagi pendapatan yang diterima untuk perkhidmatan (a) dan (b) yang diberikan atau dilaksanakan di luar Malaysia.

Mula berkuat kuasa dari 1 Januari 2009, bagi mengurangkan kos perkhidmatan teknikal yang diberikan oleh bukan pemastautin, pembayaran balik atau pembayaran yang berkaitan penginapan hotel di Malaysia tidak akan dimasukkan dalam pengiraan fi teknikal kasar bagi tujuan cukai pegangan.

Berkenaan cukai pegangan yang tidak dijelaskan, penalti sebanyak 10% hanya dikenakan ke atas amaun yang tidak dijelaskan dan bukan ke atas keseluruhan jumlah bayaran yang dibayar kepada bukan pemastautin.

6. CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH

Keuntungan modal tidak dikenakan cukai pendapatan di Malaysia. Walau bagaimanapun, cukai keuntungan hartanah (RGPT) dikenakan ke atas keuntungan bercukai yang diperoleh daripada pelupusan aset bercukai yang terletak di Malaysia seperti rumah, bangunan komersial, ladang dan tanah kosong. Aset bercukai termasuk mana-mana 'tanah' yang terletak di Malaysia atau sebarang kepentingan, opsyen atau hak lain dalam atau ke atas tanah tersebut, serta pelupusan saham dalam syarikat hartanah.

Pada masa ini, keuntungan daripada pelupusan aset bercukai dikenakan cukai pada kadar cukai maksimum 30% bergantung kepada tempoh pegangan hartanah seperti berikut:

	Kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah		
	Bahagian I	Bahagian II	Bahagian III
Pelupusan	Selain daripada Bahagian II dan Bahagian III. (Contoh: Individu)	Syarikat yang diperbadankan di Malaysia atau pemegang amanah sesuatu amanah atau pertubuhan yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia	Bukan Warganegara dan bukan Pemastautin Tetap atau seorang wasi harta pusaka orang yang sudah meninggal dunia yang bukan merupakan warganegara dan bukan pemastautin tetap atau sebuah syarikat yang tidak diperbadankan di Malaysia
Dalam Tempoh 3 Tahun	30%	30%	30%
Pada Tahun ke-4	20%	20%	30%
Pada Tahun ke-5	15%	15%	30%
Pada Tahun ke-6 & Tahun-tahun Berikutnya	Nil	10%	10%

Pada umumnya, RGPT dikenakan ke atas keuntungan bercukai setelah ditolak perbelanjaan yang dibenarkan. Di samping itu, terdapat beberapa keistimewaan cukai yang diberikan seperti berikut:

- ❖ Pengecualian cukai sekali seumur hidup bagi satu tempat kediaman sendirian yang dilupuskan oleh seorang individu yang merupakan warganegara atau pemastautin tetap.
- ❖ Pengecualian sebanyak RM10,000 atau 10% daripada keuntungan bercukai (mengikut mana-mana yang lebih tinggi) ke atas pelupusan aset bercukai oleh seorang individu.
- ❖ Tiada keuntungan dan/atau kerugian bagi pelupusan aset bercukai yang diberikan sebagai hadiah antara suami dengan isteri, ibu/bapa dengan anak, atau datuk/nenek dan cucu, dengan syarat bahawa pemberi merupakan seorang warganegara.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai cukai syarikat dan cukai individu, sila lawati pautan www.hasil.gov.my.

7. CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN

Berkuat kuasa dari 1 September 2018, Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018, bersama dengan perundangan subsidiari masing-masing, diperkenalkan untuk menggantikan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

7.1 Cukai Jualan

Di bawah Akta Cukai Jualan 2018, cukai jualan dikenakan ke atas barang yang diimport dan barang buatan tempatan, sama ada pada masa pengimportan atau pada masa barang itu dijual atau selainnya dilupuskan oleh pengilang berdaftar.

Cukai jualan yang ditadbir di Malaysia merupakan cukai peringkat tunggal yang dikenakan ke atas barang siap yang dikeluarkan di Malaysia dan barang yang diimport masuk ke Malaysia.

Cukai jualan dikenakan ke atas barang bercukai yang dikeluarkan di Malaysia oleh mana-mana pengilang berdaftar pada masa barang itu dijual, dilupuskan selain daripada melalui jualan, atau digunakan selain daripada sebagai bahan dalam pembuatan barang.

Cukai jualan ke atas barang import dikenakan apabila barang itu diisytiharkan, apa-apa duti dibayar dan dilepaskan daripada kawalan pihak Kastam.

Pengilang yang mengeluarkan barang bercukai dengan nilai jualan yang melebihi RM500,000 dalam tempoh 12 bulan, perlu didaftarkan menurut Seksyen 12 Akta Cukai Jualan 2018.

Pengilang yang mengilang barang bercukai dengan nilai jualan sebanyak RM500,000 dan ke bawah, mempunyai pilihan untuk didaftarkan secara sukarela di bawah Seksyen 14 Akta Cukai Jualan 2018 untuk membolehkan mereka menikmati kemudahan yang diberikan di bawah Akta itu.

Pengilang yang menjalankan perniagaannya sebagai subkontraktor, dengan jumlah caj pekerja bagi kerja subkontrak yang melebihi RM500,000 dalam tempoh 12 bulan, perlu didaftarkan menurut Seksyen 12 Akta Cukai Jualan 2018.

7.1.1 Kadar Cukai Jualan

Cukai jualan merupakan cukai ad valorem dan kadar yang berbeza terpakai (5% dan 10%) berdasarkan kumpulan barang bercukai seperti yang dinyatakan dalam peruntukan yang berkenaan.

Cukai jualan untuk petroleum dikenakan pada kadar tertentu yang berbeza daripada barang bercukai lain

7.2 Cukai Perkhidmatan

Cukai perkhidmatan di Malaysia merupakan satu bentuk cukai tidak langsung seperingkat yang dikenakan ke atas perkhidmatan tertentu yang diistilahkan sebagai "perkhidmatan bercukai". Cukai perkhidmatan tidak boleh dikenakan levi ke atas mana-mana perkhidmatan yang tidak termasuk dalam senarai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

Akta Cukai Perkhidmatan 2018 terpakai di seluruh Malaysia, tidak termasuk kawasan ditetapkan, zon bebas, gudang berlesen, gudang pengilangan berlesen dan Kawasan Pembangunan Bersama.

7.2.1 Perkhidmatan Bercukai

Cukai perkhidmatan yang dikenakan cukai adalah sebarang perkhidmatan yang disenaraikan dalam pelbagai kategori dalam Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Mana-mana orang kena cukai yang memberikan perkhidmatan bercukai dan melebihi ambang yang berkenaan perlu didaftarkan. Kategori perkhidmatan bercukai termasuk penginapan, pengendali makanan dan minuman, kelab malam, dewan tari-menari, pusat kesihatan dan kesejahteraan, kelab persendirian, kelab golf dan lapangan sasaran golf, perkhidmatan pertaruhan dan perjudian, perkhidmatan profesional dan pemberi perkhidmatan lain seperti insurans, telekomunikasi, pengendali ruang letak kenderaan, pengiklanan dan lain-lain.

7.2.2 Pengenaan Cukai

Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas apa-apa pemberian perkhidmatan bercukai yang disediakan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya.

Cukai perkhidmatan adalah genap masa dan kena dibayar apabila bayaran diterima untuk mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan kepada pelanggan oleh orang berdaftar.

7.2.3 Kadar Cukai Perkhidmatan

Kadar cukai perkhidmatan ditetapkan di bawah Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2018 dan mula berkuat kuasa pada 1 September 2018. Kadar cukai perkhidmatan ialah 6% daripada harga atau premium untuk polisi insurans, nilai pertaruhan dan perjudian, dan lain-lain bagi perkhidmatan bercukai seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 9 Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

7.2.4 Kadar Cukai Perkhidmatan untuk Kad Kredit dan Kad Caj

Kadar cukai perkhidmatan untuk pemberian perkhidmatan kad kredit atau kad caj ialah RM25 setahun ke atas kad prinsipal dan tambahan. Cukai perkhidmatan dikenakan pada tarikh pengeluaran kad dan setiap 12 bulan selepas itu atau sebahagian daripadanya selepas pengeluaran kad, atau pada tarikh pembaharuan kad dan setiap 12 bulan selepas itu atau sebahagian daripadanya selepas pembaharuan kad.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lawati pautan <https://mysst.customs.gov.my>.

8. DUTI IMPORT

Di Malaysia, sebahagian besar daripada duti import dikenakan ad valorem walaupun duti tertentu juga dikenakan ke atas beberapa item. Walau bagaimanapun, selaras dengan liberalisasi perdagangan, duti import ke atas pelbagai jenis barang telah dikurangkan atau dimansuhkan.

Tambahan pula, Malaysia komited terhadap Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA), yang di bawahnya duti import ke atas lebih daripada 99% daripada barangan yang didagangkan di ASEAN telah berjaya dimansuhkan pada 1 Januari 2010.

Malaysia terus menyertai rundingan bagi aturan perdagangan bebas dalam bidang perdagangan barangan, peraturan-peraturan asal, dan pelaburan. Sehingga kini, Malaysia telah menyempurnakan perjanjian perdagangan bebas dua hala dengan Jepun, Pakistan, New Zealand dan India, Chile dan Australia, dan juga perjanjian serantau di bawah ASEAN dengan Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea, Australia/New Zealand, Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong dan India. Di bawah perjanjian ini, duti import akan dikurangkan atau dimansuhkan mengikut jadual yang dipersetujui.

Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP), yang dilancarkan pada bulan November 2012, telah ditandatangani pada 15 November 2020 oleh 10 Negara Anggota ASEAN (AMS) dan lima Rakan FTA ASEAN (Australia, Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea dan New Zealand) (AFP).

Perjanjian RCEP telah diratifikasi dan dikuat kuasakan pada 18 Mac 2022. Selain RCEP, satu lagi perjanjian yang telah dikuat kuasakan pada tahun yang sama ialah Perjanjian Komprehensif dan Progresif untuk Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) yang berkuat kuasa pada 29 Disember 2022.

9. DUTI EKSAIS

Duti eksais dikenakan ke atas produk terpilih yang dikilang di Malaysia atau diimport masuk ke Malaysia, iaitu rokok, produk tembakau, minuman beralkohol, daun terup, buah mahjung dan kenderaan bermotor. Walaupun duti eksais dikenakan pada kadar ad valorem bagi kenderaan bermotor, daun terup dan buah mahjung, duti eksais dikenakan pada kombinasi kadar ad valorem dan kadar tertentu untuk rokok, produk tembakau dan minuman beralkohol.

Pihak kerajaan telah melaksanakan duti eksais ke atas minuman bergula, mula berkuat kuasa dari 1 Julai 2019 mengikut jadual berikut:

No. Tarif	Kategori	Jumlah Gula	Duti Eksais	Contoh
2009	Jus Buah-buahan, Jus Sayur-sayuran	>12 gram/100ml	RM0.40/liter	Jus Oren, Jus Limau
2202	a) Minuman bergas, minuman tidak beralkohol selain daripada produk minuman berasaskan susu haiwan	>5 gram/100ml	RM0.40/liter	Minuman cola, Minuman bertena, Minuman bergas
2202	b) Beverages based on milk	>7 gram/100m	RM0.40/liter	Minuman susu berperisa coklat

Mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021, pihak Kerajaan telah melaksanakan duti eksais ke atas rokok elektronik, vap dan peranti merokok mengikut jadual berikut:

No. Tarif	Kategori	Duti Eksais	Contoh
3824.99.9910	Sediaan yang digunakan untuk merokok melalui peranti elektronik dan pengewap, dalam bentuk cecair atau gel, yang tidak mengandungi nikotina	RM 0.40 per milliliter	Cecair vap
8543.40.0000	Rokok elektronik dan peranti pengewap elektrik peribadi yang serupa	10%	peranti rokok elektronik, peranti pengewap

9614.00.9010	Paip (termasuk cupak paip)	10%	Paip
--------------	----------------------------	-----	------

Untuk mendapatkan butiran lanjut mengenai barangan yang boleh dikenakan duti eksais dan kadar duti, sila rujuk kepada Perintah Duti Eksais 2017.

10. PERJANJIAN CUKAI DUA KALI

Perjanjian Cukai Dua Kali (Double Taxation Agreement atau DTA) merupakan suatu perjanjian antara dua buah negara yang ingin mengelakkan percukaian dua kali, dengan menentukan hak-hak mencukai setiap negara berkenaan dengan aliran pendapatan yang merentasi sempadan dan memperuntukkan kredit cukai atau pengecualian untuk menghapuskan percukaian dua kali.

Objektif DTA Malaysia adalah seperti berikut:

- ❖ untuk mewujudkan persekitaran yang menggalakkan pelaburan masuk ke dalam negara dan juga ke luar negara;
- ❖ untuk menjadikan insentif cukai khas Malaysia berkesan dengan sepenuhnya bagi pembayar cukai dari negara-negara pengeksporth modal;
- ❖ untuk mendapatkan pelepasan yang lebih berkesan daripada percukaian dua kali berbanding dengan pelepasan yang diperoleh di bawah langkah-langkah unilateral; dan
- ❖ untuk mencegah pelarian dan pengelakan daripada membayar cukai.

Seperti juga banyak negara lain, sama ada negara-negara maju mahupun negara membangun, Malaysia juga perlu memudahkan perdagangan dan pelaburannya dengan negara luar menerusi rangkaian triti cukai antarabangsa dengan negara-negara lain. Kadar pertumbuhan pengindustrian yang semakin pesat, ditambah pula dengan peningkatan dalam pelaburan langsung asing ke dalam negara, telah menyebabkan perlunya pengaturan triti cukai dengan negara-negara lain untuk memberikan kepastian dan jaminan dalam bidang percukaian kepada para pelabur. Sehingga 31 Januari 2019, DTA yang berkuat kuasa adalah dengan negara berikut:

Negara

Albania	Fiji	Mauritius	Syria
Argentina*	Finland	Mesir	Sepanyol
Australia	Filipina	Mongolia	Sri Lanka
Austria	Hong Kong	Morocco	Sudan
Arab Saudi	Hungary	Myanmar	Sweden
Afrika Selatan	India	Namibia	Switzerland
Amerika Syarikat*	Indonesia	New Zealand	Thailand
Bahrain	Iran	Pakistan	Turki
Bangladesh	Jerman	Papua New Guinea	Turkmenistan
Belgium	Jepun	Perancis	Uzbekistan
Bosnia Herzegovina	Jordan	Poland	United Kingdom
Brunei	Kanada	Republik Slovak	Vietnam
Belanda	Kazakhstan	Republik Kyrgyz	Venezuela
Kemboja	Korea	Republik Czech	Zimbabwe
China	Kuwait	Romania	
Chile	Laos	Rusia	
Croatia	Lebanon	San Marino	
Denmark	Luxembourg	Seychelles	
Emiriah Arab Bersatu	Malta	Singapura	

** Perjanjian Terhad*

Dalam hal Taiwan yang diwakili oleh Pejabat Ekonomi dan Kebudayaan Taipei (TECO) di Malaysia, pelepasan cukai dua kali diberikan melalui Perintah Pengecualian Cukai Pendapatan berikut:


- P.U.(A) 201 (1998)
- P.U.(A) 202 (1998)

Untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai percukaian di Malaysia, sila lawati pautan www.hasil.gov.my atau hantar e-mel kepada lhdn_int@hasil.gov.my

BAB

IV

MEMASUKI DAN BEKERJA DI MALAYSIA





1. SYARAT KEMASUKAN KE MALAYSIA

- 1.1 Pasport atau Dokumen Perjalanan
- 1.2 Keperluan Visa
- 1.3 Keperluan Pas
 - 1.3.1 *Pas Lawatan (Sosial) Jangka Pendek*
 - 1.3.2 *Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang*
 - 1.3.3 *Pas Lawatan (Kerja Sementara)*
 - 1.3.4 *Pas Penggajian*
 - 1.3.5 *Pas Lawatan Ikhtisas (PVP)*
 - 1.3.6 *Pas Tanggungan*
 - 1.3.7 *Pas Pelajar*

2. PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG

- 2.1 Jenis Jawatan Pegawai Dagang
 - 2.1.1 *Jawatan Penting*
 - 2.1.2 *Jawatan Bertempoh*
- 2.2 Garis Panduan mengenai Penggajian Pegawai Dagang

3. PERMOHONAN JAWATAN PEGAWAI DAGANG

- 3.1 MyFutureJobs
- 3.2 Seksyen 60(K), Akta Kerja 1955
- 3.3 Nombor Pendaftaran ESD
- 3.4 Prosedur Aplikasi

4. PENGAMBILAN PEKERJA ASING



MEMASUKI DAN BEKERJA DI MALAYSIA

Malaysia mengalu-alukan kedatangan pelawat perniagaan dan pegawai dagang kerana mereka menyumbang besar kepada ekonomi negara dan memperkaya kepelbagaian budaya. Pelbagai jenis visa dan pas perjalanan untuk penginapan jangka pendek dan penggajian jangka panjang boleh dipohon, bergantung kepada keperluan dan keadaan tertentu. Komuniti pegawai dagang di Malaysia adalah dinamik dan menyumbang kepada masyarakat yang pelbagai dan inklusif.

1. SYARAT KEMASUKAN KE MALAYSIA

1.1 Pasport atau Dokumen Perjalanan

Setiap orang yang memasuki Malaysia mestilah mempunyai pasport yang sah dan dokumen perjalanan antarabangsa, yang diiktiraf untuk memasuki Malaysia. Dokumen ini mestilah sah sekurang-kurangnya 3 bulan dari tarikh kemasukan Malaysia.

Mereka yang mempunyai pasport yang tidak diiktiraf oleh Malaysia mestilah memohon satu dokumen sebagai ganti kepada pasport serta visa yang dikeluarkan oleh Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara. Permohonan untuk visa boleh dibuat di Pejabat Perwakilan Malaysia terdekat di negara yang berkenaan.

1.2 Keperluan Visa

Visa ialah sejenis pengesahan dalam pasport atau mana-mana dokumen perjalanan yang diiktiraf dan dimiliki oleh warga asing yang menunjukkan bahawa pemegang tersebut telah diberikan kebenaran untuk memasuki Malaysia.

Warganegara asing yang memerlukan visa untuk memasuki Malaysia mestilah memohon dan memperoleh visa terlebih dahulu di mana-mana Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara sebelum memasuki negara ini.

Warganegara berikut dikehendaki untuk memohon visa bagi kemasukan ke Malaysia:

• Afghanistan *	• India
• Angola	• Ivory Coast
• Bangladesh	• India
• Bhutan	• Ivory Coast

• Burkina Faso	• Kosovo
• Burundi	• Liberia
• Cameroon	• Mali
• Republik Afrika Tengah	• Mozambique
• Republik Rakyat China	• Myanmar
• Colombia	• Nepal
• Republik Demokratik Congo	• Nigeria
• Republik Congo	• Niger
• Cote D'Ivoire	• Pakistan
• Djibouti	• Rwanda
• Equatorial Guinea	• Serbia
• Eritrea	• Montenegro
• Ethiopia	• Sri Lanka
• Ghana	• Bangsa-Bangsa Bersatu (Laissez Passer)
• Guinea-Bissau	• Sahara Barat
• Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong (Sijil Pengenalan atau Dokumen Pengenalan)	

Bagi warganegara Israel dan Korea Utara, kebenaran terdahulu mesti diperoleh daripada Kementerian Dalam Negeri, Malaysia.

Warga dari negara selain yang dinyatakan di atas (kecuali Israel dan Korea Utara), dibenarkan memasuki Malaysia tanpa visa, untuk lawatan sosial dan perniagaan sahaja.

Nota:

* *Visa Dengan Rujukan, iaitu dengan kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia, adalah diperlukan.*

1.3 Keperluan Pas

Selain daripada permohonan untuk memasuki Malaysia bagi tujuan lawatan sosial atau perniagaan, permohonan untuk jenis pas yang lain juga perlu dipohon sebelum memasuki negara ini.

Pas ialah sejenis pengesahan dalam pasport yang memberikan kebenaran untuk tinggal di Malaysia bagi suatu tempoh yang diluluskan. Warganegara asing yang ingin melawat Malaysia perlu mendapatkan pas di pintu masuk sebagai tambahan kepada visa (jika perlu) yang membenarkan mereka tinggal sementara di Malaysia.

Setiap permohonan mestilah mempunyai penaja yang bersetuju untuk bertanggungjawab bagi menanggung dan menghantar balik pelawat dari Malaysia jika perlu.

Pas yang diberikan kepada warga asing semasa ketibaan adalah seperti berikut:

1.3.1 Pas Lawatan (Sosial) Jangka Pendek

Pas lawatan dikeluarkan kepada warga asing untuk tujuan lawatan sosial atau/dan perniagaan, seperti:

- ❖ Pemilik dan wakil syarikat yang memasuki Malaysia untuk menghadiri mesyuarat syarikat, persidangan atau seminar, memeriksa akaun syarikat atau untuk memastikan perjalanan lancar syarikat.
- ❖ Pelabur atau ahli perniagaan yang masuk untuk meneroka peluang pelaburan atau untuk mendirikan loji perkilangan.
- ❖ Wakil asing syarikat yang masuk untuk memperkenalkan barangan bagi pengilangannya di Malaysia, tetapi tidak terlibat dalam jualan langsung atau pendedaran.
- ❖ Pemilik harta yang masuk untuk berunding, menjual atau memajakkan hartanah.
- ❖ Wartawan atau pemberita asing daripada agensi media massa yang masuk untuk membuat liputan tentang mana-mana acara di Malaysia (kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri adalah diperlukan terlebih dahulu).
- ❖ Peserta acara sukan.
- ❖ Pelajar yang menduduki peperiksaan di universiti tempatan atau yang menganggotai misi muhibah.
- ❖ Pelawat yang masuk untuk aktiviti-aktiviti selain daripada yang tersebut di atas seperti yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Imigresen.

Pas-pas ini tidak boleh digunakan untuk pekerjaan atau untuk menyelia pemasangan jentera baru atau pembinaan kilang.

1.3.2 Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang

Pas lawatan sosial jangka panjang boleh dikeluarkan kepada warga asing untuk tinggal sementara di Malaysia di bawah kategori khusus; contohnya pasangan atau anak rakyat Malaysia. Lanjutan masa akan diberikan berdasarkan kelayakan pelawat dan setelah memenuhi syarat-syarat tertentu.

Pasangan warga asing rakyat Malaysia, yang memegang pas lawatan sosial jangka panjang, dibenarkan melibatkan diri dalam mana-mana pekerjaan bergaji atau dalam apa-apa perniagaan atau pekerjaan profesional, tanpa perlu menukar status Pas Lawatan Sosial beliau kepada Pas Penggajian atau Pas Lawatan (Kerja Sementara),

tetapi adalah tertakluk pada kebenaran daripada Jabatan Imigresen Malaysia. Kebenaran untuk bekerja akan disahkan selepas kelulusan.

1.3.3 Pas Lawatan (Kerja Sementara)

Pas ini dikeluarkan secara tahunan kepada warga asing yang memasuki negara ini untuk bekerja selama lebih daripada 12 bulan.

1.3.4 Pas Penggajian

Pas ini dikeluarkan kepada warga asing untuk bekerja di Malaysia bagi tempoh minimum 2 tahun. Pas penggajian dikeluarkan selepas pemohon mendapat kelulusan untuk jawatan pegawai dagang daripada agensi yang diberi kuasa berkaitan.

1.3.5 Pas Lawatan Ikhtisas (PLIK)

Pas ini dikeluarkan kepada warga asing bagi tujuan penglibatan secara kontrak jangka pendek dengan mana-mana agensi.

Pas Lawatan Ikhtisas (PLIK) diberikan kepada pegawai dagang yang ingin bekerja dan menjalankan kerja (Profesional) khas selama jangka masa yang pendek di Malaysia, dengan gajinya dibayar oleh majikan luar negara. Pas ini juga diberikan kepada pelajar atau pekerja luar negara yang ingin menjalani latihan amali di Malaysia.

Tempoh kelulusan pas ini tidak boleh melebihi 12 bulan.

Kategori warga asing yang layak memohon PLIK adalah:

Ahli profesional	<ul style="list-style-type: none"> • Pemandangan kepakaran; • Penyelidikan; • Latihan; dll. <p>https://esd.imi.gov.my</p>
Artis	<ul style="list-style-type: none"> • Mereka yang masuk untuk penggambaran filem atau persembahan; mereka yang masuk untuk promosi album atau produk baru; dll. <p>https://epuspal.kkmm.gov.my</p>
Mubaligh (Islam atau agama-agama lain)	<ul style="list-style-type: none"> • Mereka yang masuk bagi tujuan keagamaan. <p>Bahagian Visa, Pas dan Permit, Jabatan Imigresen Putrajaya</p>

Tempoh sah pas berbeza-beza tetapi tidak melebihi 12 bulan pada satu-satu masa.

Permohonan hendaklah dibuat oleh agensi yang berkenaan.

1.3.6 Pas Tanggungan

Kemudahan ini diberikan kepada ahli keluarga pegawai-pegawai dagang. Pas Tanggungan dikeluarkan kepada pasangan sah dan anak (anak kandung, anak tiri, anak angkat sah) di bawah umur 18 tahun pemegang Pas Penggajian.

Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang dikeluarkan kepada anak (anak kandung, anak tiri, anak angkat sah) melebihi umur 18 tahun, ibu bapa, mentua dan pasangan common law pemegang Pas Penggajian.

Pas ini boleh dimohon bersama dengan permohonan untuk Pas Penggajian atau selepas Pas Penggajian dikeluarkan.

Pas Lawatan (Kerja Sementara) disediakan untuk pemegang Pas Penggajian pembantu rumah asing.

1.3.7 Pas Pelajar

Pas ini dikeluarkan kepada warga asing yang ingin menuntut di mana-mana institusi pendidikan di Malaysia yang kursus-kursusnya telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi/Kementerian Pendidikan, dan pengambilan pelajar asing ini mestilah mempunyai kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri, Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila lawati pautan <https://educationmalaysia.gov.my/>

2. PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG

Kerajaan Malaysia berhasrat agar rakyat Malaysia terus dilatih dan diambil bekerja dalam semua peringkat pekerjaan. Oleh itu, syarikat digalakkan untuk melatih lebih ramai rakyat Malaysia agar corak pekerjaan dalam semua peringkat organisasi mencerminkan komposisi negara ini yang berbilang bangsa.

Walaupun demikian, sekiranya terdapat kekurangan rakyat Malaysia yang terlatih, syarikat dibenarkan membawa masuk pegawai dagang iaitu "jawatan penting" atau "jawatan bertempoh". Jawatan penting adalah jawatan yang diisi secara tetap oleh warga asing manakala jawatan bertempoh adalah jawatan yang diisi dalam jangka masa yang ditentukan.

2.1 Jenis Jawatan Pegawai Dagang

Pegawai Dagang ialah warga asing yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

2.1.1 Jawatan Penting

Jawatan-jawatan ini merupakan jawatan pengurusan peringkat tertinggi dalam syarikat atau firma swasta yang beroperasi di Malaysia. Jawatan penting ini ialah jawatan yang diperlukan oleh syarikat untuk melindungi

kepentingan dan pelaburan mereka. Pegawai-pegawai dagang bertanggungjawab untuk menetapkan dasar-dasar syarikat dalam mencapai matlamat dan objektifnya.

2.1.2 Jawatan Bertempoh

a. Jawatan Eksekutif

Jawatan ini merupakan jawatan-jawatan pengurusan dan profesional peringkat pertengahan. Jawatan ini memerlukan kelayakan profesional, pengalaman amali, kemahiran dan kepakaran yang berkaitan dengan kerja masing-masing. Pegawai dagang bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar-dasar syarikat dan menyelia kakitangan.

b. Jawatan Bukan Eksekutif

Jawatan ini ialah jawatan untuk menjalankan kerja-kerja teknikal yang memerlukan kemahiran dan pengalaman teknikal atau amali tertentu.

2.2 Garis Panduan mengenai Penggajian Pegawai Dagang

Terdapat dua peringkat dalam penggajian Pegawai Dagang melalui *Single Window Platform* berkuat kuasa 15 Jun 2023 (rujuk 3.4 Prosedur Permohonan):

- ❖ Permohonan untuk jawatan Pegawai Dagang MIDA dan Surat Sokongan Pas Pekerjaan berdasarkan keperluan pelan perniagaan pemohon tertakluk kepada pemenuhan kriteria.
- ❖ Setelah menerima Surat Sokongan MIDA, syarikat hendaklah memulakan permohonan Pas Pekerjaan kepada Jabatan Imigresen untuk kelulusan Pas Pekerjaan dan pengesahan pas pekerjaan dengan log masuk ke Sistem Dalam Talian ESD di esd.imi.gov.my.
- a. **Syarikat yang menjalankan Aktiviti Perkilangan, Aktiviti R&D dan Makmal Pengujian Peranti Perubatan; dan memohon Insentif Cukai di bawah Bidang Kuasa MIDA.**

Syarikat yang menjalankan aktiviti perkilangan atau aktiviti R&D, dan Makmal Pengujian Peranti Perubatan, dan memohon insentif cukai di bawah bidang kuasa MIDA, adalah layak untuk dipertimbangkan bagi jawatan pegawai dagang dengan modal berbayar minimum seperti berikut:

- ❖ Syarikat 100% milik rakyat Malaysia: RM250,000
- ❖ Syarikat yang dimiliki bersama oleh rakyat Malaysia dan rakyat asing RM350,000
- ❖ Syarikat 100% milik rakyat asing: RM500,000

Kelulusan jawatan penting akan tertakluk pada syarat bahawa syarikat mestilah diperbadankan di

Malaysia dan mesti menandatangani modal berbayar asingnya sekurang-kurangnya RM1,000,000. Walaubagaimanapun, bilangan jawatan penting tidak boleh dikaitkan secara langsung dengan modal berbayar asing.

Kelulusan untuk jawatan bertempoh adalah tertakluk pada syarat-syarat berikut:

- ❖ Gaji pokok minimum sekurang-kurangnya RM5,000;
- ❖ Kelayakan akademik minimum dan pengalaman minimum;

Keperluan Kelayakan Akademik:

Syarikat perkilangan:

- ❖ Ijazah dengan pengalaman selama sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang yang berkaitan; dan/atau
- ❖ Diploma dengan pengalaman selama sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang yang berkaitan; dan/atau
- ❖ Teknikal dengan pengalaman selama sekurang-kurangnya 10 tahun dalam bidang yang berkaitan; atau kelayakan akademik/pengalaman yang dicadangkan oleh syarikat, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Syarikat R&D Kontrak, Syarikat R&D dan R&D dalam syarikat:

- ❖ Ijazah dengan pengalaman selama sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang yang berkaitan; dan/atau
- ❖ Diploma dengan pengalaman selama sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang yang berkaitan; atau kelayakan akademik/pengalaman yang dicadangkan oleh syarikat, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Bilangan pegawai dagang akan dipertimbangkan berdasarkan merit setiap kes. Walaubagaimanapun, Syarikat R&D kontrak, Syarikat R&D dan R&D dalam syarikat yang dimiliki sepenuhnya atau sebahagian besarnya oleh rakyat asing akan tertakluk kepada maksimum 50% daripada jumlah kakitangan R&D, iaitu dalam nisbah 1 pegawai dagang terhadap 1 kakitangan R&D Malaysia. Tempoh masa jawatan bertempoh boleh dipertimbangkan dalam tempoh tidak melebihi 5 tahun.

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada MIDA.

b. Ibu Pejabat Operasi (OHQ), Perbadanan Pembangunan Serantau (RDC), Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC) dan Hab Utama

Permohonan untuk pegawai dagang bagi OHQ, RDC, IPC dan Hab Utama boleh dipertimbangkan berdasarkan kriteria seperti berikut:

- ❖ OHQ, RDC, dan IPC boleh dipertimbangkan dengan modal berbayar minimum sebanyak RM500,000;
- ❖ Hab Utama boleh dipertimbangkan dengan modal berbayar minimum sebanyak RM2.5 juta.

Bilangan pegawai dagang akan dipertimbangkan berdasarkan keperluan syarikat, dan jangka masa jawatan bertempoh adalah selama maksimum 5 tahun.

Kelulusan jawatan pegawai dagang untuk OHQ, RDC, IPC dan Hab Utama adalah tertakluk pada syarat-syarat berikut:

- ❖ Gaji pokok minimum sekurang-kurangnya RM5,000 bagi jawatan pegawai dagang.
- ❖ Ijazah dengan pengalaman selama sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang yang berkaitan; atau kelayakan akademik/pengalaman yang dicadangkan oleh syarikat, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
- ❖ Bagi Syarikat OHQ, RDC dan IPC milik rakyat Malaysia, jawatan penting boleh dipertimbangkan, tertakluk pada modal berbayar minimum sekurang-kurangnya RM500,000.

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada MIDA.

c. Pertubuhan Serantau (RE)/Pejabat Serantau (RO)

Permohonan untuk jawatan pegawai dagang (jawatan bertempoh) bagi RE/RO boleh dipertimbangkan berdasarkan kriteria berikut:

- ❖ Perbelanjaan operasi minimum sekurang-kurangnya RM300,000 setahun.
- ❖ Gaji pokok minimum sekurang-kurangnya RM5,000 bagi jawatan pegawai dagang.

Namun demikian, selepas kelulusan, perbelanjaan operasi dan gaji pokok akan dikenakan seperti yang dicadangkan oleh RE/RO.

Bilangan jawatan bertempoh akan dipertimbangkan berdasarkan merit setiap kes. Tempoh untuk kelulusan jawatan bertempoh akan selaras dengan tempoh kelulusan status RE/RO yang diberikan oleh MIDA.

Permohonan untuk jawatan pegawai dagang RE/RO hendaklah dikemukakan kepada MIDA.

d. Pertanian - termasuk hortikultur dan florikultur

Permohonan bagi jawatan pegawai dagang untuk syarikat baru (tanpa insentif) dan syarikat sedia ada dalam industri perikanan, penternakan dan pertanian hendaklah dikemukakan kepada MIDA.

Kelulusan jawatan pegawai dagang akan dipertimbangkan tertakluk pada garis panduan dan syarat serupa yang ditetapkan untuk sektor perkilangan.

3. PERMOHONAN JAWATAN PEGAWAI DAGANG

Semua permohonan untuk jawatan pegawai dagang daripada syarikat baharu dan sedia ada (termasuk permohonan yang tidak melibatkan pembesaran atau pelbagaian) dalam sektor perkilangan, sektor perkhidmatan terpilih dan RE/RO dengan Status yang diluluskan, bertempat di Semenanjung Malaysia boleh memohon untuk jawatan ekspatriat MIDA dan Pas Pekerjaan (EP). Surat Sokongan melalui Single Window Platform di Sistem Xpats Gateway boleh diakses melalui Sistem Dalam Talian ESD di esd.imi.gov.my berkuat kuasa 15 Jun 2023. Ini termasuk syarikat yang mempunyai Lesen Pengilang / Insentif / Status / Geran/ serta syarikat yang dikecualikan daripada Lesen Pengilang.

3.1 MyFutureJobs

Berkuat kuasa 1 Januari 2021, majikan yang berhasrat untuk menggaji pegawai dagang dikehendaki mengiklankan jawatan kosong selama sekurang-kurangnya selama 30 hari di portal MYFutureJobs di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia sebelum memohon kepada Single Window Platform untuk pengeluaran Jawatan Ekspatriat MIDA dan Surat Sokongan EP.

Untuk memastikan bahawa rakyat Malaysia diutamakan dalam penggajian oleh sektor swasta dan juga sektor awam, Kementerian Sumber Manusia telah mengumumkan inisiatif baru berdasarkan keputusan Kabinet pada 4 Jun 2020, iaitu sektor-sektor tersebut perlu mengiklankan setiap jawatan kosong pada portal MyFutureJobs selama minimum 30 hari.

Memandangkan kepentingan pelaburan asing ke dalam negara, pengecualian daripada pengiklanan jawatan kosong dibenarkan bagi kategori berikut:

a. Jawatan Penting

Bagi Jawatan Ketua Pegawai (C-Suite) dan Jawatan Penting atau pegawai dagang dengan pendapatan bulanan sebanyak RM15,000 dan ke atas.

b. RE/RO

RE/RO organisasi/syarikat luar negara dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan yang ditubuhkan di Malaysia untuk menjalankan aktiviti bagi ibu pejabat syarikat/organisasi berkenaan. RE/RO tidak terlibat dalam sebarang aktiviti komersial. Bagi RE/RO yang beroperasi, syarikat tidak perlu didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965. Surat kelulusan/pengesahan daripada MIDA dikehendaki untuk permohonan penggajian pegawai dagang di bawah kategori ini.

c. Pelabur/Pemegang Saham/Pemilik

Pelabur yang merupakan individu yang melabur dana di Malaysia untuk menghasilkan pulangan ke atas pelaburan dan terlibat secara langsung dalam operasi syarikat.

Sementara itu, pemegang saham mesti memegang sekurang-kurangnya 30% saham ekuiti dan dilantik sebagai Pengarah syarikat dan/atau memegang jawatan berkepentingan dalam syarikat.

d. Pemindahan Korporat / Penempatan / Perjanjian Perdagangan

Pegawai dagang yang ditugaskan oleh syarikat induk untuk bekerja di syarikat cawangan di Malaysia atau kumpulan syarikat bagi tujuan latihan atau perkongsian pengetahuan/pengalaman antara syarikat, dan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja syarikat berkenaan.

e. Organisasi Antarabangsa

Organisasi yang tertakluk kepada Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (Akta 485) boleh melantik Kakitangan Ambilan Asing daripada kalangan warganegara asing.

Kekosongan jawatan kemahiran khas tidak dikecualikan secara automatik daripada pengiklanan pada portal MYFutureJobs. Jawatan kemahiran khas merangkumi kemahiran khusus dan unik serta kompetensi strategik untuk melaksanakan tugas yang ditetapkan oleh syarikat. Syarikat boleh memohon pertimbangan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk dikecualikan daripada pengiklanan pada portal MYFutureJobs.

Syarikat berkenaan mesti melengkapkan Borang PDKK (Pegawai Dagang Kemahiran Khas) dan memberikan justifikasi terperinci dalam Borang PDKK mengenai sebab jawatan tersebut memerlukan pengecualian kemahiran khas.

Syarikat akan dikecualikan daripada pengiklanan pada portal MYFutureJobs jika jawatan itu dipertimbangkan untuk pengecualian oleh PERKESO. Jika jawatan itu didapati tidak merupakan jawatan kemahiran khas, syarikat mesti mengiklankan jawatan kosong itu pada portal MYFutureJobs selama tempoh minimum 30 hari dan menjalankan proses temu duga untuk mencari bakat tempatan. Bagi jawatan kemahiran khas, pemberitahuan status pengecualian akan dihantar kepada syarikat melalui e-mel.

Untuk sebarang pertanyaan berhubung dengan MYFutureJobs, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan PERKESO pada talian 1-300-22-8000/03-8091 5300 atau e-mel kepada papd@perkeso.gov.my.

3.2 Seksyen 60(K), Akta Kerja 1955

Kerajaan Malaysia telah mewartakan tarikh kuat kuasa pindaan Akta Kerja 1955 pada 1 Januari 2023, antaranya ialah kewajipan bagi majikan untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) sebelum menggaji pekerja asing berdasarkan peruntukan Seksyen 60(K) Akta. Pekerja asing merujuk kepada semua pekerja bukan warganegara yang bekerja (termasuk ekspatriat) seperti

yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Kerja 1955.

Oleh itu, dokumen kelulusan penggajian pekerja asing di bawah Seksyen 60(K) Akta Kerja 1955 daripada JTKSM adalah wajib sebelum memohon kepada MIDA melalui Single Window Platform untuk Surat Sokongan Pegawai Dagang dan Surat EP MIDA. Surat Kelulusan Penggajian Pekerja Asing yang dikeluarkan oleh JTKSM adalah sah untuk tempoh enam (6) bulan dan majikan perlu mendapatkan kelulusan baharu sekiranya tempoh sah laku tamat. Bermula daripada 1 Mac 2023, majikan boleh mengemukakan permohonan untuk Kelulusan Penggajian Pekerja Asing surat kelulusan daripada JTKSM melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) di bawah kategori Pegawai Dagang melalui <https://www.eppax.gov.my/eppax/>. Para majikan akan menerima surat keputusan digital daripada JTKSM dalam bentuk e-mel.

3.3 Nombor Pendaftaran ESD

Pendaftaran akaun syarikat dalam pangkalan data Jabatan Imigresen Malaysia di Sistem Dalam Talian ESD melalui <https://esd.imi.gov.my/>.

3.4 Tatacara Permohonan

Berkuat kuasa 15 Jun 2023, permohonan untuk EP, kini akan dilaksanakan sepenuhnya melalui Single Window Platform (SWP) yang dikenali sebagai Sistem Xpats Gateway. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Sistem Dalam Talian ESD di <https://esd.imi.gov.my/portal/>.

Syarikat dalam sektor perkilangan, sektor perkhidmatan terpilih dan Pejabat Perwakilan (RE) / Pejabat Wilayah (RO) dengan Status yang diluluskan dan terletak di Semenanjung Malaysia boleh memohon jawatan ekspatriat MIDA dan Surat Sokongan EP melalui Single Window Platform melalui Sistem Dalam Talian ESD di <https://esd.imi.gov.my/portal/>.

Bagi syarikat dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan terpilih yang terletak di Sabah/Sarawak; dan permohonan untuk Status RE/RO, boleh terus mengemukakan permohonan jawatan ekspatriat melalui portal InvestMalaysia di <https://investmalaysia.mida.gov.my/>.

Untuk sebarang penjelasan lanjut, sila hubungi MIDA melalui portal InvestMalaysia atau Bahagian Pelaburan Asing dan Bahagian Pengurusan Bakat Industri dan Ekspatriat, MIDA melalui e-mel swp@mida.gov.my.

4. PENGAMBILAN PEKERJA ASING

Di Malaysia, pekerja asing boleh diambil bekerja dalam sektor perkilangan, pembinaan, perladangan, pertanian, perlombongan dan kuari, perkhidmatan dan pembantu rumah.

Bagi sektor perkhidmatan, penggajian pekerja asing adalah hanya terhad kepada enam subsektor: restoran, perkhidmatan pembersihan, pengendalian kargo, kedi di

kelab golf (lelaki sahaja), borong/runcit dan hotel/pulau peranginan.

Kelulusan adalah berdasarkan merit setiap kes dan tertakluk pada syarat-syarat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa. Permohonan untuk menggaji pekerja asing hanya akan dipertimbangkan apabila usaha untuk mencari warganegara tempatan dan pemastautin tetap yang berkelayakan telah gagal.

Levi tahunan ke atas pekerja asing dikenakan seperti berikut:

Sektor yang Diluluskan	Levi Tahunan (Semenanjung) RM	Levi Tahunan (Sabah/Sarawak) RM
Perkilangan	1,850	1,010
Pembinaan	1,850	1,010
Perladangan	640	590
Pertanian	640	410
Perlombongan dan kuari	1,850	1,490
Perkhidmatan	1,850	1,490
Perkhidmatan (Pulau peranginan)	1,850	1,010
Pembantu rumah	410	410

Semua permohonan bagi pekerja asing hendaklah dikemukakan kepada Pusat Sehentian, Kementerian Sumber Manusia, kecuali permohonan bagi pembantu rumah asing hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Imigresen Malaysia.

Untuk maklumat lanjut mengenai pengambilan pekerja asing, sila lawati laman sesawang Kementerian Sumber Manusia pada pautan www.mohr.gov.my.


Untuk maklumat terperinci mengenai Kemasukan dan Pekerjaan di Malaysia, sila layari www.imi.gov.my.

BAB

V

**PENGAMBILAN KUMPULAN BAKAT
TEMPATAN DI MALAYSIA**





1. PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA

- 1.1 Kemudahan untuk Latihan Kemahiran Industri
- 1.2 Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)

2. KOS PEKERJA

3. KEMUDAHAN PENGAMBILAN PEKERJA

4. PIAWAIAN PERBURUHAN

- 4.1 Akta Kerja 1955
- 4.2 Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak
- 4.3 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991
- 4.4 Akta Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) 1969
- 4.5 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA) 1994
 - 4.5.1 *OSHA 1994*
 - 4.5.2 *Akta Kilang dan Jentera (FMA) 1967*
 - 4.5.3 *Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan)*

5. PERHUBUNGAN PERUSAHAAN

- 5.1 Kesatuan Sekerja
- 5.2 Akta Perhubungan Perusahaan 1967
- 5.3 Perhubungan dalam Pertubuhan Tanpa Kesatuan Sekerja



PENGAMBILAN KUMPULAN BAKAT TEMPATAN DI MALAYSIA

Malaysia menawarkan tenaga kerja yang rajin, berdisiplin, berpendidikan dan terlatih. Belia Malaysia yang memasuki alam pekerjaan lazimnya telah menjalani pendidikan di sekolah sekurang-kurangnya selama 11 tahun sehingga ke peringkat sekolah menengah, dan oleh itu, bakat-bakat ini mudah dilatih dengan kemahiran baharu. Di samping itu, 27% tenaga kerja mempunyai pendidikan tinggi.

Untuk memenuhi permintaan sektor pembuatan bagi pekerja terlatih secara teknikal, Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan bilangan jurutera, juruteknik dan tenaga mahir yang lain. Penekanan diberikan kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), dan industri-industri diberikan platform untuk bekerjasama dengan penyedia TVET bagi memastikan bekalan siswazah dapat memenuhi keperluan industri.

Di samping itu, Malaysia memiliki pasaran tenaga kerja yang bebas dan berdaya saing di mana hubungan majikan dan pekerja adalah mesra dan harmoni. Pihak Kerajaan sentiasa mengkaji semula undang-undang yang berkaitan dengan buruh untuk memenuhi keperluan pasaran kerja. Program-program peningkatan kemahiran dan pengambilan pekerja sentiasa tersedia untuk memastikan hubungan majikan dan pekerja yang stabil.

Kos buruh di Malaysia adalah kompetitif manakala tahap produktiviti pula kekal tinggi jika dibandingkan dengan negara perindustrian lain. Banyak program dan fasilitasi tersedia bagi peningkatan produktiviti termasuk sistem gaji berdasarkan produktiviti, automasi dan latihan kemahiran.

Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) ditubuhkan bertujuan untuk menyediakan dan melaksanakan program latihan kemahiran pra-pekerjaan (Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Kemahiran Lanjutan Malaysia (DLKM)) bagi memenuhi keperluan sektor pembuatan di Malaysia.

Kursus Jangka Pendek juga dilaksanakan melalui enam modul latihan secara interaktif dan mengikut kesesuaian

dan keperluan industri, iaitu: i) modular; ii) disesuaikan; iii) Persijilan Profesional; iv) Sistem Latihan Dual Nasional (NDTS); v) Penempatan dan Latihan; dan vi) Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (RPEL).

1. PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA

Pada masa ini, Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia mengendalikan sebanyak 32 Institusi Latihan Kemahiran, iaitu 23 Institusi Latihan Perindustrian (ITI), lapan (8) Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan Institusi Teknikal Jepun Malaysia (JMTI). ITI menawarkan program latihan kemahiran perindustrian pada peringkat asas, pertengahan dan lanjutan untuk pra-penggajian atau kemasukan kerja. Program ini merangkumi 10 bidang, iaitu: i) Pengangkutan; ii) Elektronik; iii) ICT; iv) Pembuatan; v) Elektrikal; vi) Percetakan; vii) Pekhidmatan Kejuruteraan; viii) Sivil; ix) Perkilangan; dan x) Kimpalan. Di samping itu, pihak Kementerian juga menjalankan program untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja sedia ada serta latihan untuk para pengajar di bawah Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST).

1.1 Kemudahan untuk Latihan Kemahiran Industri

Di Malaysia, sekolah-sekolah vokasional dan teknikal, politeknik dan institusi latihan perindustrian menyediakan para belia untuk pekerjaan dalam pelbagai perdagangan perindustrian. Walaupun kebanyakannya dikendalikan oleh agensi kerajaan, terdapat beberapa inisiatif swasta melengkapkan usaha kerajaan untuk menyediakan pekerja-pekerja mahir yang diperlukan oleh industri.

Selain daripada Jabatan Tenaga Manusia di Kementerian Sumber Manusia, agensi-agensinya kerajaan utama lain yang terlibat dalam latihan ialah:

- ❖ **Kementerian Pendidikan** mengendalikan lebih daripada 85 buah kolej vokasional yang menawarkan kursus-kursus teknikal dan vokasional. Lulusan sekolah daripada institusi teknikal boleh mencari pekerjaan pada peringkat kemasukan kerja atau melanjutkan pelajaran pasca menengah pada peringkat diploma di Politeknik atau peringkat sijil di kolej komuniti atau institusi latihan lain di bawah penyeliaan kementerian lain.
- ❖ **Kementerian Belia dan Sukan**, yang menyediakan latihan kemahiran perindustrian pada peringkat asas, pertengahan dan lanjutan, melalui 22 Pusat Latihan Kemahiran Belia Negara dan Pusat Latihan Kemahiran Tinggi Belia Negara. Kursus jangka pendek dan program peningkatan kemahiran turut dijalankan.
- ❖ **Majlis Amanah Rakyat (MARA)**, di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar (sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah). MARA mengendalikan lebih daripada 230 institusi latihan kemahiran di seluruh negara yang menawarkan program pada tahap asas, pertengahan, lanjutan dan profesional.

Penyesuaian Bakat Mengikut Keperluan Industri

MIDA secara berterusan berusaha memupuk kerjasama antara pihak akademik, institusi teknikal dan vokasional serta industri serantau, bagi melahirkan bakat tersedia bagi menyertai industri. Ini untuk memastikan ketersediaan bakat berkemahiran tinggi yang dilengkapi dengan pengetahuan dalam industri bagi memenuhi keperluan Industri 4.0 yang giat berkembang.

MIDA juga telah giat melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan pembangunan bakat tempatan bagi menyokong keperluan industri. Antara inisiatif tersebut adalah:

❖ Program Latihan yang Dibiayai (*Funded Training Programme*)

Bagi memastikan ketersediaan bakat kepada industri, MIDA telah bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan latihan melalui program latihan yang dibiayai bertujuan untuk mengurangkan jurang kemahiran di kalangan tenaga kerja Malaysia. Program ini juga dapat menyediakan peluang bagi warga Malaysia yang tidak mendapat pekerjaan, siswazah serta pekerja yang diberhentikan untuk memperoleh kemahiran baharu dan meningkatkan kebolehpasaran mereka. Melalui kerjasama itu, MIDA boleh memanfaatkan kepakaran penyedia perkhidmatan latihan tersebut dengan menyediakan dan menyampaikan program latihan yang relevan serta selari dengan keperluan industri.

❖ *Special Taskforce -Talent Facilitation (STF-TF)*

Inisiatif baharu telah diperkenalkan dalam mengukuhkan fasilitasi bakat MIDA melalui penubuhan pasukan petugas khas iaitu "Fasilitasi Bakat-Pasukan Petugas Khas (STF-TF)". STF-TF bertindak sebagai platform yang bertujuan untuk merapatkan jurang antara permintaan dan penawaran bakat dengan melibatkan 17 pihak berkepentingan secara aktif seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Talent Corporation (TalentCorp), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) serta wakil daripada pelbagai universiti dan institusi teknikal.

Salah satu objektif penting STF-TF adalah untuk memudahcara keperluan tenaga kerja industri dan seterusnya dapat menyokong operasi serta pertumbuhan industri dengan efisien. Ia juga berfungsi sebagai platform untuk membantu pihak akademik di dalam menerapkan kurikulum untuk kedua-dua kursus akademik dan teknikal. Melalui penyelarasan kurikulum dengan keperluan industri, ahli akademik dapat melahirkan graduan yang dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang secara langsung memenuhi keperluan industri. Usaha kerjasama ini membantu merapatkan jurang antara akademik dan industri, membina padanan yang lebih baik antara graduan dan peluang pekerjaan.

❖ Kerjasama Akademia Industri

MIDA memainkan peranan penting dalam menghubungkan industri dengan pihak akademik untuk membangunkan kemahiran yang diperlukan serta penawaran bakat melalui pertukaran maklumat di kalangan industri dan institusi pengajian tinggi. Sehubungan itu, MIDA sentiasa berhubung dengan pihak berkepentingan yang terlibat bagi memenuhi kemahiran bakat tempatan dalam industri.

❖ Program Fasilitasi Latihan Amali

Salah satu inisiatif strategik MIDA dan akademia untuk merapatkan jurang bakat adalah melalui program fasilitasi latihan amali. Melalui inisiatif ini, MIDA bekerjasama dengan industri dalam mencari bakat yang sesuai untuk latihan amali. Inisiatif ini menawarkan pengalaman praktikal yang berharga dan pendedahan kepada pelatih yang membolehkan mereka mengaplikasikan pengetahuan mereka dalam alam pekerjaan sebenar serta mendapatkan maklumat yang mendalam tentang industri pilihan mereka.

❖ Program Jangkauan Bakat Global

Menyedari akan kepentingan pelajar Malaysia di luar negara dalam memenuhi keperluan industri adalah sama dengan kepentingan bakat di dalam negara, MIDA bekerjasama dengan kementerian dan agensi berkaitan dalam menganjurkan Program Jangkauan Bakat Global. Program ini menyediakan platform bagi pelajar Malaysia di luar negara mendapatkan pandangan tentang landskap industri dan prospek pekerjaan di tanah air. Ia memberikan mereka pendedahan mengenai potensi peluang kerjaya serta membolehkan mereka merancang masa depan dan laluan kerjaya sekembalinya ke Malaysia.

❖ Program Pemudahcara *One-on-One*

MIDA juga membantu syarikat secara one-on-one untuk membantu syarikat memenuhi keperluan tenaga kerja mereka atas permintaan pihak syarikat. MIDA membantu dengan menghubungkan syarikat kepada pihak berkepentingan yang sesuai untuk mendapatkan sokongan serta kerjasama yang diperlukan. Sebagai contoh, MIDA menghubungkan syarikat dengan PERKESO untuk pencari kerja yang berpengalaman.

❖ Inisiatif lain

Dialog antara kementerian dan agensi berkaitan bersama pemain industri dijalankan secara berterusan dari semasa ke semasa untuk mendapatkan kemahiran yang diperlukan di dalam industri dan meningkatkan pengetahuan berkaitan teknologi yang berterusan kepada bakat tempatan.

1.2 Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia (HRD Corp)

Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia (HRD Corp) ditadbir oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia. Ia ditubuhkan pada 1993 sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) dan telah berkembang dengan meluas. HRD Corp memainkan peranan penting dalam menyediakan latihan dan bantuan peningkatan kemahiran kepada industri penting di Malaysia, khususnya sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Ditadbir oleh Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta PSMB 2001), HRD Corp diberi mandat untuk membangunkan tenaga kerja tempatan yang cekap dan menyumbang kepada wawasan Malaysia untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi. Pada April 2021, HRDF telah dijenamakan semula sebagai HRD Corp untuk menyelaraskan tujuannya dengan aspirasi ekonomi negara dan modal insan.

HRD Corp kekal komited untuk menggalakkan majikan yang dilindungi di bawah Akta PSMB 2001 untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja tempatan, perantis dan pelatih mereka. Usaha ini mencerminkan landskap perniagaan global yang berkembang pesat dan memenuhi aspirasi syarikat masing-masing.

Peluasan Akta PSMB 2001 (Berkuat kuasa daripada 1 Mac 2021)

Peluasan Akta PSMB 2001 telah diberi mandat oleh Kerajaan Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) di bawah Teras Strategik 5 – Bidang Fokus C: Memperkukuh Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk Penambahbaikan Kemahiran. Ini memerlukan peluasan akses kepada HRD Corp untuk semua industri.

RMK-11 telah mengenal pasti modal insan berkualiti tinggi untuk memacu ekonomi masa depan negara dan menyasarkan 35% tenaga kerja terdiri daripada pekerja mahir.

Peluasan itu dijangka meningkatkan bilangan pekerja yang layak menerima latihan di bawah HRD Corp daripada 2.5 juta pada 2020 kepada 6.1 juta pada Mac 2021.

Peluasan ini merupakan langkah penting yang diterajui oleh Kementerian ke arah pembangunan keseluruhan modal insan Malaysia; meningkatkan bilangan pekerja tempatan mahir yang responsif kepada keperluan perniagaan dengan.

KATEGORI MANDATORI	
KELAS MAJIKAN	a. Majikan yang mempunyai sepuluh atau lebih pekerja Malaysia

KATEGORI PILIHAN		
KELAS MAJIKAN	a. Majikan untuk industri yang dinyatakan dalam ruang (2) Bahagian 1 Jadual Pertama dengan lima hingga sembilan pekerja Malaysia.	b. Majikan yang mempunyai lima atau lebih tetapi kurang daripada lima ratus ribu pekerja Malaysia yang merupakan pertubuhan bukan kerajaan dan menjalankan sebarang aktiviti berkenaan dengan: <ul style="list-style-type: none"> • kesatuan buruh; • organisasi keagamaan; • politik organisasi; • kemudahan penjagaan kejururawatan termasuk rumah jagaan orang tua, rumah anak yatim kurang upaya, penyalahgunaan bahan kimia atau sebarang perkhidmatan kebajikan; atau • kerja social tanpa penginapan.
TIDAK TERMASUK		
Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, majlis tempatan, dan Badan Berkanun		

Senarai penuh sektor boleh didapati di www.hrdcorp.gov.my.

2. KOS PEKERJA

Gaji dan faedah sampingan untuk pekerja adalah berbeza mengikut industri, lokasi dan saiz pekerjaan.

Berdasarkan Tinjauan Gaji MEF untuk Eksekutif dan Bukan Eksekutif 2022, purata kenaikan gaji sebanyak 5.28% bagi Eksekutif dalam sektor perkilangan diramalkan pada 2023, iaitu lebih tinggi daripada kenaikan gaji sebenar sebanyak 5.01% pada 2022. Bagi jawatan Bukan Eksekutif dalam sektor perkilangan, purata kenaikan gaji sebanyak 5.72% diunjurkan berbanding kenaikan gaji sebenar sebanyak 5% yang diberikan pada 2022.

Dari segi pembayaran bonus, Eksekutif dalam sektor perkilangan akan diberikan bonus yang lebih tinggi pada 2023, dengan purata bonus 2.27 bulan berbanding 2.16 bulan pada 2022. Purata 2.17 bulan bonus diramalkan untuk jawatan Bukan Eksekutif dalam sektor perkilangan, yang lebih tinggi berbanding dengan 1.83 bulan diberikan pada 2022.

Jenis cuti umum yang disediakan oleh syarikat termasuk cuti tahunan, cuti umum, cuti sakit, cuti kemasukan ke hospital, cuti bersalin dan cuti belas kasihan. Dalam pindaan kepada Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022, berkuat kuasa 1 Januari 2023, pindaan yang ketara ialah peningkatan perlindungan untuk merangkumi semua pekerja, peningkatan cuti bersalin kepada 98 hari, pengenalan cuti paterniti untuk hari yang berterusan, pengurangan jam kerja kepada 45 jam seminggu, pengenalan pengaturan kerja yang fleksibel, dan peruntukan bagi anti-buruh paksa. Di sesetengah syarikat, faedah tambahan yang diberikan kepada pekerja termasuk penyediaan pakaian seragam, pengangkutan, bayaran insentif, elaun syif, insurans perubatan dan perlindungan insurans kemalangan berkumpulan. Melainkan dinyatakan secara khusus dalam perjanjian kolektif antara kesatuan dan syarikat, pembayaran bonus diberikan oleh sesetengah syarikat berdasarkan prestasi syarikat dan prestasi individu.

Perintah Gaji Minimum 2022 [P.U. (A) 140 bertarikh 27 April 2022] berkuat kuasa pada 1 Mei 2022. Dengan Perintah ini, semua majikan di sektor swasta kecuali majikan yang mempunyai pekerja kurang daripada lima, perlu mematuhi gaji minimum baharu RM1,500. Perintah ini akan dilaksanakan mulai 1 Julai 2023 bagi majikan yang mempunyai pekerja kurang daripada lima orang.

Untuk maklumat lanjut mengenai gaji dan faedah sampingan dalam sektor perkilangan di Malaysia, sila layari Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) di www.mef.org.my.

3. KEMUDAHAN PENGAMBILAN PEKERJA

Selain daripada agensi pekerjaan swasta, majikan dan pencari kerja boleh berdaftar secara percuma melalui portal MYFutureJobs (<https://www.myfuturejobs.gov.my/>) untuk mencari calon yang sesuai dan jawatan kosong yang boleh didapati di seluruh Malaysia.

Portal MYFutureJobs telah ditubuhkan pada 2019 berikutan penubuhan Akta Sistem Insurans Pekerjaan. Portal yang dimulakan dengan perkhidmatan untuk benefisiari telah meluaskan skopnya melalui mandat yang diberikan oleh Kementerian Sumber Manusia untuk bertanggungjawab ke atas fungsi Perkhidmatan Pekerjaan bagi menguruskan semua kategori pencari kerja daripada lepasan sekolah sehinggalah golongan profesional termasuk golongan rentan seperti Orang Kurang Upaya, Orang Asli dan Orang Diparol.

MYFutureJobs, portal yang dikuasakan oleh Kecerdasan Buatan dengan lebih 60 tahun penyelidikan yang disahkan tentang amalan terbaik pekerjaan, memadankan pekerjaan berdasarkan kelayakan, kemahiran, pengalaman kecekapan, gaji dan parameter padanan dua arah yang lain. Portal ini juga mampu menghasilkan kemaskini tentang hasil penempatan serta maklumat pasaran buruh yang dilaporkan di peringkat tertinggi termasuk Majlis Pekerjaan Negara, Parlimen, DOSM, Bank Negara, dan lain-lain.

Selain daripada fungsi unik MYFutureJobs, portal itu juga menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuk pengurusan kes untuk pencari kerja yang rentan, perkhidmatan pengambilan, program kebolehkeraan, program berkaitan bakat, program kemahiran semula/peningkatan kemahiran, keusahawanan dan program berkaitan tidak formal melalui pelbagai perkongsian awam dan swasta secara kolaboratif di 54 cawangannya dan 292 pusat satelit di seluruh negara. Semua perkhidmatan yang disediakan oleh MYFutureJobs adalah tanpa kos untuk kedua-dua pencari kerja dan majikan.

❖ Perkhidmatan Pengambilan

Perkhidmatan pengambilan disediakan untuk memudahkan dan membantu majikan dengan keperluan pengambilan mereka. Ini termasuk memudahkan dan menghubungkan majikan dengan bakal calon berdasarkan kekosongan jawatan yang dipaparkan di portal. Pasukan perkhidmatan pengambilan sumber PERKESO menyaring dan menyenarai pendek calon sebelum menghubungkan mereka kepada majikan dengan menganjurkan temu duga di PERKESO program harian, mingguan atau berasaskan tematik yang diadakan secara berkala di semua cawangan dan pusat satelit.

❖ Pameran Kerjaya

Selain perkhidmatan pengambilan pekerja, PERKESO juga menganjurkan pameran kerjaya berskala sederhana dan besar yang menghimpunkan semua kategori pencari kerja di bawah satu bumbung untuk bertemu majikan daripada pelbagai industri. Di pameran kerjaya ini, pencari kerja termasuk pelatih dan perantis boleh bertemu dengan kakitangan yang mengambil pekerja untuk ditemuduga atau mendapatkan lebih banyak maklumat berkaitan organisasi.

❖ Pusat Satelit MYFutureJobs

Pusat Satelit MYFutureJobs telah ditubuhkan oleh PERKESO untuk memudahkan peluang pekerjaan, khususnya di kawasan luar bandar. Sehingga kini, terdapat 292 Pusat Satelit di seluruh negara dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar (KPLB), Kementerian Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Kerajaan Tempatan, Institusi Pengajian Tinggi, dan pusat perindustrian. Pusat-pusat berfungsi sebagai pusat sehati fizikal untuk pelbagai perkhidmatan pekerjaan seperti pemprofilan, kaunseling kerjaya, dan aktiviti kebolehpasaran pekerjaan domestik.

❖ Program Pendidikan & Kebolehkeraan

Program Kebolehkeraan dan Pendidikan diadakan sebagai program yang selari dengan peralihan pencari kerja ke dunia pekerjaan. Selain daripada mendedahkan pencari kerja atau majikan kepada pelbagai inisiatif yang dianjurkan oleh PERKESO, program ini juga berterusan menampilkan pendidikan berterusan dalam pelbagai topik untuk memberikan pandangan yang lebih baik tentang pasaran kerja termasuk perkara

seperti pengangguran, ketidakpadanan, ketersediaan, topik perindustrian dan lain-lain untuk meningkatkan pemahaman tentang topik tertentu sambil meningkatkan kebolehpasaran pencari kerja yang mengambil bahagian. Program-program ini diadakan secara maya dan fizikal di premis universiti dan institusi pendidikan.

Program pendidikan juga termasuk program khusus termasuk Latihan Kesaksamaan Orang Kurang Upaya untuk melatih dan membolehkan majikan menjadi agen perubahan sambil menyokong keupayaan Orang Kurang Upaya untuk menjadi ahli masyarakat yang aktif dan produktif.

4. PIAWAIAN PERBURUHAN

Jabatan Tenaga Kerja bertanggungjawab terhadap pentadbiran undang-undang buruh untuk mengekalkan keharmonian perindustrian. Undang-undang buruh menetapkan kehendak minimum yang mesti dipatuhi oleh majikan untuk melindungi hak dan faedah para pekerja. Beberapa kelonggaran dalam operasi perniagaan dimudahkan melalui permohonan pengecualian kepada Pengarah Tenaga Kerja, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

4.1 Akta Kerja 1955

Sebagai perundangan utama rangka kerja undang-undang buruh, Akta Kerja 1955 terpakai kepada semua pekerja di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan tanpa mengira gaji mereka. Majikan boleh merangka kontrak pekerjaan, selagi kontrak ini tidak melanggar atau memberikan kurang daripada faedah minimum yang ditetapkan di bawah undang-undang. Pekerja mempunyai hak untuk membuat tuntutan kewangan melalui Mahkamah Buruh jika terdapat pertikaian antara majikan dan pekerja mengenai faedah mereka seperti gaji, tuntutan lebih masa, faedah penamatan perkhidmatan, faedah bersalin, dan lain-lain.

Beberapa obligasi majikan di bawah Akta Kerja 1955 adalah seperti berikut:

- ❖ Pindaan kepada Akta Pekerjaan 1955 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023, memerlukan majikan mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada JTKSM sebelum memohon pekerja asing termasuk ekspatriat mengikut keperluan di bawah Seksyen 60K Akta 265. Jika majikan yang melanggar Seksyen 60K, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.
- ❖ Mendaftarkan tempat kerja (Seksyen 63A) dan menyelenggara daftar buruh yang berkaitan dengan butir-butir peribadi pekerja, pembayaran gaji, dan potongan gaji.
- ❖ Setiap pekerja mestilah diberikan satu kontrak bertulis yang mengandungi terma dan syarat pekerjaan, termasuk peruntukan yang berkaitan dengan penamatan kontrak.

- ❖ Masa bekerja biasa dan peruntukan-peruntukan lain yang berkaitan dengan bilangan jam kerja.
- ❖ Hak mendapat cuti tahunan bergaji, cuti sakit, cuti hospital dan cuti umum, serta kadar bayaran kerja lebih masa.
- ❖ Peruntukan khas untuk perlindungan pekerja wanita yang berkaitan dengan kerja pada waktu malam dan faedah bersalin.
- ❖ Peruntukan khas mengenai gangguan seksual di tempat kerja.

4.2 Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak

Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) mengawal selia pentadbiran Undang-undang Buruh di negeri masing-masing. Peruntukan Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak adalah serupa dengan peruntukan Akta Kerja 1955. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa peruntukan yang berbeza dan perlu diberi perhatian.

Peruntukan tersebut adalah:

Skop

Kedua-dua Ordinan Buruh Sabah dan Sarawak meliputi individu yang telah memasuki kontrak perkhidmatan dengan majikan dan menerima gaji tidak lebih daripada RM2,500 sebulan. Selain itu, kedua-dua Ordinan ini juga meliputi mana-mana individu (tanpa mengira gaji yang diterima) yang terlibat dalam kerja buruh manual; atau dalam operasi dan penyelenggaraan mana-mana kenderaan yang digerakkan secara mekanikal untuk tujuan pengangkutan atau komersial; atau bertugas sebagai penyelia pekerja buruh manual; atau terlibat di atas mana-mana kapal yang didaftarkan di Malaysia dengan pengecualian tertentu; atau pekerja domestik.

Peruntukan Khas mengenai Penggajian Kanak-kanak dan Orang Muda

Ordinan-ordinan ini menetapkan syarat-syarat di mana seorang "kanak-kanak" dan "orang muda" boleh diambil bekerja. "Kanak-kanak" adalah individu di bawah umur 15 tahun dan "orang muda" adalah individu yang telah mencapai umur 15 tahun tetapi di bawah 18 tahun. Ordinan-ordinan ini menggunakan ketetapan yang sama seperti Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 yang digunakan di Semenanjung Malaysia.

Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin

Setiap majikan yang berhasrat untuk menggaji mana-mana "pekerja bukan pemastautin" wajib mendapatkan lesen bagi menggaji "pekerja bukan pemastautin" daripada Pengarah Buruh Sabah/Sarawak terlebih dahulu. Seorang "pekerja bukan pemastautin" ditakrifkan sebagai seseorang yang bukan hak Sabah/Sarawak seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 71 Akta Imigresen, 1959/1963.

Maklumat Berkaitan dengan Bekalan Pekerja

Ordinan Buruh (SABAH CAP.67) menghendaki majikan yang menggaji pekerja Bukan Pemastautin memaklumkan pejabat Pengarah terdekat dalam borang yang ditetapkan dalam tempoh 14 hari selepas penggajian.

Begitu juga, Ordinan Buruh (SARAWAK CAP.76) juga menghendaki majikan yang menggaji pekerja Bukan Pemastautin untuk memberikan butir-butir pekerja bukan pemastautin yang diambil bekerja oleh mereka kepada pejabat terdekat dalam bentuk yang ditentukan oleh Pengarah dalam tempoh 14 hari selepas penggajian.

4.3 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991

Caruman berkanun di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 mula berkuat kuasa dari 1 Januari 2021 seperti berikut:

Kumpulan Umur 60 Tahun dan Ke Bawah

Bahagian majikan	(a) Gaji Bulanan RM5,000 (USD1,171) dan ke bawah Kadar berkanun sebanyak 13% daripada gaji bulanan pekerja.
	(b) Gaji Bulanan Melebihi RM5,000 (USD1,171) Kadar berkanun sebanyak 12% daripada gaji bulanan pekerja.
Bahagian pekerja	Kadar berkanun sebanyak 11% daripada gaji bulanan pekerja
[Sila rujuk kepada Jadual Ketiga (Bahagian A) Akta KWSP 1991]	

Kumpulan Umur 60 – 75 Tahun

(i) Warganegara Malaysia	
Bahagian majikan	Kadar berkanun sebanyak 4% daripada gaji bulanan pekerja.
Bahagian pekerja	Kadar berkanun sebanyak 0% daripada gaji bulanan pekerja.
[Sila rujuk kepada Jadual Ketiga (Bahagian E) Akta KWSP 1991]	

(ii) Pemastautin tetap	
Bahagian majikan	(a) Gaji Bulanan RM5,000 (USD1,171) dan ke bawah Kadar berkanun sebanyak 6.5% daripada gaji bulanan pekerja
	(b) Gaji Bulanan Melebihi RM5,000 (USD1,171) Kadar berkanun sebanyak 6% daripada gaji bulanan pekerja
Bahagian pekerja	Kadar berkanun sebanyak 5.5% daripada gaji bulanan pekerja
[Sila rujuk kepada Jadual Ketiga (Bahagian C) Akta KWSP 1991]	
Semua pekerja asing dan pegawai dagang dan majikan mereka dikecualikan daripada caruman berkanun. Walau bagaimanapun, mereka boleh memilih untuk mencarum dan kadar yang terpakai adalah seperti berikut:	

Kumpulan Umur 60 Tahun dan Ke Bawah

Bahagian majikan	RM5.00 (USD1.17) setiap orang pekerja sebulan
Bahagian pekerja	11% daripada gaji bulanan pekerja
[Sila rujuk kepada Jadual Ketiga (Bahagian B) Akta KWSP 1991]	

Kumpulan Umur 60 – 75 Tahun

Bahagian majikan	RM5.00 (USD1.17) setiap orang pekerja sebulan
Bahagian pekerja	5.5% daripada gaji bulanan pekerja
[Sila rujuk kepada Jadual Ketiga (Bahagian D) Akta KWSP 1991]	

4.4 Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

PERKESO diberi mandat untuk mentadbir dan menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Peraturan Am Keselamatan Sosial Pekerja 1971, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789), Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) dan Suri Rumah ' Akta Keselamatan Sosial 2022 (Akta 838).

Pengertian Perlindungan Keselamatan Sosial PERKESO adalah berdasarkan konsep tanggungjawab bersama melalui pengumpulan sumber, perkongsian risiko dan penggantian pendapatan.

Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menyediakan dua skim keselamatan sosial untuk melindungi kebajikan pekerja dan tanggungan mereka di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 (Akta 4). Dua skim keselamatan sosial tersebut ialah:

a. Skim Bencana Pekerjaan

Skim Bencana Pekerjaan memberikan perlindungan kepada pekerja yang mengalami kemalangan pekerjaan atau mengalami penyakit yang timbul daripada dan semasa menjalankan pekerjaannya dalam sesuatu industri. Faedah-faedah yang disediakan di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan terdiri daripada Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Elaun Layanan Sentiasa, Faedah Orang Tanggungan, Faedah Pengurusan Mayat, Faedah Pemulihan dan Faedah Pendidikan.

b. Skim Ilat

Skim Ilat memberikan perlindungan 24 jam kepada pekerja daripada kehilangan upaya atau kematian yang berlaku kerana mana-mana sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaannya. Walaubagaimanapun, pekerja mestilah memenuhi syarat supaya layak mendapat pencen ilat. Faedah-faedah yang disediakan di bawah Skim Ilat ialah Pencen Ilat, Bantuan Ilat, Elaun Layanan Sentiasa, Pencen Penakat, Faedah Pengurusan Mayat, Faedah Pemulihan dan Faedah Pendidikan.

Sumbangan

Caruman kepada PERKESO adalah wajib di bawah Akta bagi majikan dan pekerja yang layak.

Skim ini dikelaskan kepada dua kategori sumbangan:

❖ Kategori Pertama

Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat. Pembayaran caruman dibuat oleh majikan dan juga pekerja. Kadar caruman di bawah kategori ini merangkumi sebanyak 1.75% daripada bahagian majikan dan 0.5% daripada gaji bulanan pekerja menurut jadual caruman.

❖ Kategori Kedua

Kadar caruman di bawah kategori ini adalah sebanyak 1.25% daripada gaji bulanan pekerja, yang perlu dibayar oleh majikan, berdasarkan jadual caruman. Semua pekerja yang telah mencapai umur 60 tahun mestilah dilindungi di bawah kategori ini untuk Skim Bencana Pekerjaan sahaja.

Kelayakan Majikan

Majikan yang menggaji seorang pekerja atau lebih seperti yang ditakrifkan di bawah Akta dikehendaki supaya mendaftar dan mencarum dengan PERKESO.

Kelayakan Pekerja

Semua pekerja yang digaji di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan dalam sektor swasta, dan kakitangan berkontrak/semantara Kerajaan Persekutuan/Negeri serta Badan Berkanun Persekutuan/Negeri, perlu didaftarkan dan dilindungi oleh PERKESO. Kadar caruman adalah dihadkan pada had maksimum gaji bulanan sebanyak RM5,000.00.

Pekerja yang dikecualikan daripada skop Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 adalah seperti berikut:

- ❖ Pekerja tetap pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri;
- ❖ Bekerja sendiri (kecuali pemandu teksi yang bekerja sendiri, individu yang menjalankan perkhidmatan yang serupa termasuk e-hailing seperti Grab dan pemandu bas yang bekerja sendiri); dan
- ❖ Milikan tunggal atau rakan kongsi dalam perkongsian.

Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789)

Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2017. Pada mulanya, skim ini memberikan perlindungan di bawah Skim Bencana Pekerjaan Sendiri kepada para pemandu teksi yang bekerja sendiri dan individu yang menyediakan perkhidmatan yang serupa termasuk pemandu e-panggilan seperti GrabCar, dan juga pemandu bas yang bekerja sendiri seperti bas berperingkat dan bas carter. Skim ini kemudiannya dilanjutkan kepada 19 lagi sektor tidak formal seperti Pengangkutan Barang atau Makanan, Pertanian, Ternakan, Perhutanan, Perikanan, Makanan, Pembinaan, Pembuatan, Penjaja, Premis Penginapan, Perniagaan Dalam Talian, Teknologi Maklumat, Pemprosesan Data, Ejen, Perkhidmatan Profesional, Perkhidmatan Sokongan, Kesenian, Perkhidmatan Isi Rumah dan Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan mulai 1 Januari 2020. Skim ini memberi perlindungan kepada orang yang diinsuranskan yang bekerja sendiri daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit dan kemalangan pekerjaan semasa menjalankan aktiviti kerja. Ia menyediakan faedah tunai kepada orang yang diinsuranskan yang bekerja sendiri dan tanggungannya sebagai tambahan kepada rawatan perubatan, pemulihan fizikal dan latihan vokasional. Tempoh perlindungan adalah 12 bulan dari tarikh dan masa caruman dibayar.

Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800)

Sistem Insurans Pekerjaan (EIS) telah dilaksanakan pada Januari 2018 untuk menyediakan bantuan kewangan segera kepada pekerja yang diinsuranskan yang kehilangan pekerjaan. Orang Yang Diinsuranskan (IP) yang memohon kepada PERKESO akan menerima bantuan pekerjaan semula daripada Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan (ESO). Sebagai sebahagian daripada usaha mencari pekerjaan mereka, IP dikehendaki mendaftar dengan MyFutureJobs, di mana mereka akan dipadankan dengan kekosongan yang sesuai. IP yang layak juga boleh

memilih untuk menghadiri latihan kemahiran semasa tempoh pengangguran atau selepas mereka bekerja semula sebagai sebahagian daripada program pasaran buruh aktif EIS.

Objektif EIS

- ❖ Memberikan bantuan kewangan segera kepada pekerja pencarum yang telah kehilangan pekerjaan.
- ❖ Membantu pekerja yang menganggur mencari pekerjaan baru melalui Program Penempatan Pekerjaan Semula.
- ❖ Meningkatkan kebolehan pekerja yang menganggur untuk diambil bekerja melalui latihan vokasional.

Perlindungan EIS

- ❖ Semua majikan dalam sektor swasta dikehendaki supaya membayar caruman bulanan untuk setiap orang pekerjaannya.
- ❖ Seorang pekerja ditakrifkan sebagai seseorang yang diambil bekerja dan bergaji di bawah sesuatu kontrak perkhidmatan atau perantisan dengan suatu majikan. Kontrak perkhidmatan atau perantisan boleh mengambil bentuk yang nyata atau tersirat dan secara lisan atau bertulis.
- ❖ Semua pekerja yang berumur 18 hingga 60 tahun dikehendaki supaya mencarum. Walau bagaimanapun, pekerja yang berumur 57 tahun dan ke atas yang tidak mempunyai caruman sebelum umur 57 tahun adalah dikecualikan.
- ❖ Kadar caruman adalah dihadkan pada had maksimum gaji yang diinsuranskan sebanyak RM5,000.

Kadar Caruman EIS

- ❖ Majikan: 0.2%
- ❖ Pekerja: 0.2%

Faedah EIS

- ❖ Elaun Mencari Pekerjaan
- ❖ Elaun Pendapatan Berkurangan
- ❖ Yuran Latihan
- ❖ Elaun Latihan
- ❖ Elaun Bekerja Semula Awal
- ❖ Program Penempatan Pekerjaan Semula
- ❖ Kaunseling Kerjaya

Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 (Akta 838)

Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) telah dilaksanakan pada 1 Disember 2022 bertujuan menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada

suri rumah daripada kecederaan rumah tangga dan ketidakсахihan semasa menguruskan rumah tangga. Caruman sebanyak RM120 hendaklah dibayar terlebih dahulu, meliputi tempoh 12 bulan berturut-turut. Sumbangan tersebut boleh dibuat untuk dan bagi pihak suri rumah, oleh suaminya, suri rumah, ahli keluarga atau mana-mana pihak ketiga.

Peluasan Perlindungan Keselamatan Sosial

- ❖ Pasangan

Bermula dari 1 Julai 2018, PERKESO telah memperluas perlindungan keselamatan sosial kepada pasangan yang bekerja dengan pasangannya dalam sesuatu perusahaan di bawah Akta 4 dan Akta 800. Dengan peluasan perlindungan keselamatan sosial ini, isteri atau suami layak yang digaji oleh pasangan masing-masing untuk bekerja bagi pasangan mereka di bawah Akta 4 dan Akta 800 akan dilindungi oleh keselamatan sosial di bawah kedua-dua Akta tersebut.

- ❖ Pekerja Asing

PERKESO juga telah memperluas perlindungannya untuk semua pekerja asing yang sah (tidak termasuk pembantu rumah) di Malaysia, mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019, dalam Skim Bencana Pekerjaan (Employment Injury atau EI) di bawah Akta 4. Kadar caruman adalah sebanyak 1.25% daripada gaji bulanan yang diinsuranskan dan hendaklah dibayar oleh majikan. Skim EI memberikan perlindungan kepada pekerja daripada kemalangan atau penyakit pekerjaan yang timbul daripada dan berlaku semasa pekerjaannya, serta kemalangan semasa berulang-alik.

Program Kembali Bekerja

Program Kembali Bekerja atau *Return-to-Work Programme* (RTW) telah dipekernalkan pada tahun 2007 sebagai pendekatan yang proaktif dalam membantu Orang Diinsuranskan PERKESO yang mengalami bencana atau penyakit pekerjaan. Pekerja yang cedera atau sakit yang telah berjaya menjalani program RTW PERKESO kini dapat terus menyara diri mereka sendiri dan keluarga mereka, serta menjadi sebahagian daripada tenaga kerja produktif negara semula, dengan itu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Pusat Rehabilitasi PERKESO (PRP)

Pusat Pemulihan PERKESO (PRP) ialah pusat pemulihan bertaraf antarabangsa yang mengintegrasikan pemulihan perubatan dan vokasional untuk membantu orang yang diinsuranskan PERKESO yang mengalami kecederaan atau penyakit pulih secara fizikal, vokasional dan psikologi sebelum akhirnya kembali bekerja produktif dan disepadukan semula secara sosial.

PRP menyediakan program pemulihan fizikal yang menggabungkan Fisioterapi, Terapi Pekerjaan, Terapi Neuro- Robotik, Terapi Deria, Pengerasan Kerja, Pemulihan Industri serta Prostetik dan Ortotik termasuk kemahiran semula yang komprehensif dan modul peningkatan kemahiran dalam program Pemulihan

Vokasional dengan tujuan membolehkan orang yang diinsuranskan berdikari dan menyambung kerja. PRP juga merupakan pusat pemulihan neuro-robotik termaju menggunakan teknologi Cybernics dari Jepun. Teknologi ini menggabungkan interaksi antara manusia, robot dan maklumat untuk merawat pesakit yang mengalami kecederaan saraf tunjang atau otak seperti lumpuh dan penyakit neurodegeneratif.

Program Saringan Kesihatan (HSP)

PERKESO telah memperkenalkan Program Saringan Kesihatan (HSP) pada tahun 2013. Di bawah program ini, PERKESO mengedarkan baucar saringan kesihatan kepada pekerja yang diinsuranskan apabila mereka mencapai umur 40 tahun. Program HSP merupakan sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan seterusnya menangani penyakit tidak berjangkit dalam kalangan pekerja.

4.5 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA) 1994

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) di bawah Kementerian Sumber Manusia bertanggungjawab untuk mentadbir dan menguatkuasakan perundangan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Aktiviti penguatkuasaan ini dikawal oleh tiga perundangan; iaitu:

- a) OSHA 1994;
- b) Akta Kilang dan Jentera 1967; dan
- c) Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) 1984.

** Nota: Pada masa ini OSHA (Pindaan) 2022 dan FMA (Pemansuhan) 2022 diwartakan pada 16 Mac 2022 dan akan dikuatkuasakan tidak lama lagi.*

4.5.1. OSHA 1994

OSHA 1994 mengawal keselamatan, kesihatan, dan kebajikan orang di tempat kerja, serta orang lain, daripada bahaya akibat daripada aktiviti pekerjaan dalam pelbagai sektor ekonomi seperti:

- ❖ perkilangan;
- ❖ perlombongan dan pengkuarian;
- ❖ pembinaan;
- ❖ pertanian, perhutanan dan perikanan;
- ❖ utiliti (gas, elektrik, air dan perkhidmatan kebersihan);
- ❖ pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi;
- ❖ perdagangan borong dan runcit;
- ❖ hotel dan restoran;

- ❖ perkhidmatan kewangan, insurans, hartanah dan perniagaan; dan
- ❖ perkhidmatan awam dan badan-badan berkanun.

Aktiviti penguatkuasaan ini dikawal oleh tiga perundangan, iaitu:

- ❖ OSHA 1994;
- ❖ Akta Kilang dan Jentera 1967; dan
- ❖ Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984.

OSHA 1994 memperuntukkan rangka kerja perundangan bagi mendorong, merangsang dan menggalakkan standard kesihatan yang tinggi dan budaya kerja yang selamat dalam kalangan semua majikan dan pekerja Malaysia, melalui pendekatan pengaturan sendiri yang dibentuk agar bersesuaian dengan industri atau organisasi tertentu.

OSHA 1994 mentakrifkan tanggungjawab majikan, pekerja, orang yang bekerja sendiri, pereka bentuk, pengilang, pengimport dan pembekal loji atau bahan. Di bawah OSHA 1994, majikan mesti melindungi, setakat yang boleh dilaksanakan, kesihatan, keselamatan dan kebajikan orang yang bekerja untuk mereka, antara kewajipan lain, termasuk yang berikut:

- ❖ Pengaturan untuk memastikan keselamatan dan kesihatan dalam penggunaan, pengendalian, penyimpanan, dan pengangkutan tumbuhan dan bahan.
- ❖ Risiko kepada kesihatan daripada penggunaan, penyimpanan, atau pengangkutan bahan mesti diminimumkan.
- ❖ Majikan mesti menyediakan maklumat, arahan, latihan, dan penyeliaan yang diperlukan untuk amalan kerja selamat.
- ❖ Penyediaan dan penyelenggaraan loji dan sistem kerja yang selamat.
- ❖ Majikan yang menggaji 40 orang atau lebih mesti menubuhkan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Fungsi utama jawatankuasa adalah untuk memastikan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan sentiasa dikaji semula; selain itu, penyiasatan perkara berkaitan keselamatan dan kesihatan dijalankan oleh jawatankuasa.
- ❖ Majikan mesti memberitahu pejabat JKKP terdekat tentang sebarang kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan, dan/atau penyakit yang telah berlaku atau mungkin berlaku di tempat kerja.
- ❖ Proses yang menggunakan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan memerlukan orang yang kompeten untuk menjalankan penilaian risiko kesihatan kimia, pemantauan peribadi, manakala doktor kesihatan

pekerjaan dikehendaki menjalankan pengawasan perubahan yang betul terhadap pekerja yang berkaitan.

Terdapatnya lapan peraturan di bawah OSHA 1994 yang dikuatkuasakan oleh DOSH, iaitu:

- 1) Peraturan Pernyataan Dasar Am Keselamatan Dan Kesihatan Majikan (Pengecualian) 1995.
- 2) Peraturan Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian 1996.
- 3) Peraturan Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan 1996.
- 4) Peraturan Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan 1997.
- 5) Peraturan Penggunaan Dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan 2000.
- 6) Peraturan Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerja dan Penyakit Pekerja 2004.
- 7) Peraturan Pengelasan, Pelabelan dan Helaian Data Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya 2013.
- 8) Peraturan-Peraturan Pendedahan Bising 2019.

Bagi memastikan semua keperluan di bawah Akta ini dipatuhi, JKKP juga memperkenalkan beberapa kecekapan di bawah undang-undang untuk membantu dan menasihati majikan supaya mematuhi kehendak Akta ini. Antara lain ialah:

- 1) Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) dan Penyelaras KKP*;
- 2) Penilai Risiko Kesihatan Kimia (CHRA);
- 3) Juruteknik Kebersihan I (HT I) dan Juruteknik Kebersihan II (HT II) ;
- 4) Penilai Kualiti Udara Dalam (IAQ);
- 5) Penguji Gas Dibenarkan (AGT) dan Penyelia Kemasukan (ES);
- 6) Penilai Risiko Kebisingan (NRA);
- 7) Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD); dan
- 8) Orang Kompeten CIMAH.

*OSHA (Pindaan) 2022

4.5.2. Akta Kilang dan Jentera (FMA) 1967

Objektif Akta Kilang dan Jentera (FMA) 1967 sebaliknya, adalah untuk menyediakan kawalan kilang mengenai perkara yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan, dan kebajikan orang, serta pendaftaran dan pemeriksaan jentera. Semua jentera yang diperakui seperti dandang, vesel tekanan tidak berapi, pengangkat penumpang, kren

perjalanan atas kepala, dan gondola mesti diluluskan dari segi keperluan reka bentuk, spesifikasi teknikal, ujian dan pemeriksaan.

Semua kilang dan jentera am mesti berdaftar dengan DOSH sebelum ia boleh dipasang dan dikendalikan di Malaysia.

Operasi, pemasangan, penyelenggaraan dan pembongkaran peralatan dan proses tertentu memerlukan perkhidmatan orang yang kompeten. Oleh itu, semasa pemasangan Mekanikal dan Elektrik (M&E) seperti kren, lif, dan perancah, perkhidmatan orang yang kompeten adalah wajib untuk memastikan pendirian selamat.

DOSH menguatkuasakan 14 peraturan di bawah FMA 1967, iaitu:

- 1) Peraturan Lif Elektrik untuk Penumpang-penumpang dan Barang-barang 1970.
- 2) Peraturan Pemagaran Jentera dan Keselamatan 1970.
- 3) Peraturan Pemberitahuan, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan 1970.
- 4) Peraturan Orang-orang Menjaga 1970.
- 5) Peraturan Orang Yang Bertanggungjawab (Pindaan) 2014.
- 6) Peraturan-Peraturan Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan 1970.
- 7) Peraturan Dandang Stim dan Pengandung Tekanan Tak Berapi 1970.
- 8) Peraturan Perakuan Kebolehan – Peperiksaan 1970.
- 9) Peraturan Pentadbiran 1970.
- 10) Peraturan Utama 1984.
- 11) Peraturan Proses Asbestos 1986.
- 12) Peraturan Kendalian Bangunan dan Kerja-kerja Binaan Kejuruteraan (Keselamatan) 1986.
- 13) Peraturan Habuk Galian 1989.
- 14) Peraturan Skim Pemeriksaan Khas (Pemeriksaan Berasaskan Risiko) 2014.

Bagi memastikan semua jentera dan keperluan di bawah Akta ini dipatuhi, JKKP juga memperkenalkan beberapa kecekapan di bawah undang-undang untuk membantu majikan mematuhi kehendak Akta ini. Antara lain ialah:

- 1) Jurutera wap;
- 2) Pemandu Dandang dan Enjin Pembakaran Dalam (ICE);
- 3) Penyelia Keselamatan Tapak (SSS);

- 4) Scaffolder;
- 5) Operator Kren;
- 6) Pengendali Lif; dan
- 7) Pengendali Mesin Angkat.

4.5.3. Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan)

Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) telah dikuatkuasakan sejak 1984. Objektif Akta ini adalah untuk mengawal keselamatan pengangkutan, penyimpanan, dan penggunaan petroleum. Skop Akta ini meliputi pengangkutan petroleum melalui jalan raya dan kereta api, air, saluran paip, serta penyimpanan dan pengendalian petroleum.

Berhubung dengan pengangkutan petroleum, dua peraturan telah digubal di bawah Akta ini:

- 1) Peraturan Pengangkutan Petroleum Melalui Talian Paip 1985
- 2) Peraturan Pengangkutan Petroleum Melalui Air 1985

Segala perkhidmatan dan urusan dengan JKPP boleh dilakukan secara atas talian di myKKP (<https://mykkp.dosh.gov.my/mykkp/>)

5. PERHUBUNGAN PERUSAHAAN

5.1 Kesatuan Sekerja

Pada umumnya, kedua-dua majikan dan pekerja mempunyai hak untuk membentuk dan menyertai kesatuan mereka sendiri untuk melindungi kepentingan mereka, dan mesti memenuhi syarat-syarat dalam mana-mana perniagaan, perdagangan, pekerjaan atau industri tertentu. Keahlian kesatuan adalah terhad dari segi geografi. Sebagai contoh, pekerja atau majikan di Semenanjung Malaysia hanya boleh menyertai kesatuan yang semua ahlinya bertempat di Semenanjung, manakala pekerja atau majikan di Sabah atau Sarawak hanya boleh menjadi ahli kesatuan yang masing-masing ditubuhkan di Sabah atau Sarawak.

Objektif utama kesatuan sekerja adalah seperti berikut:

- ❖ Pengawasan perhubungan antara pekerja dan majikan untuk tujuan menggalakkan hubungan perindustrian yang baik antara pekerja dengan majikan, memperbaiki keadaan kerja atau mempertingkatkan status ekonomi dan sosial mereka atau meningkatkan produktiviti;
- ❖ Pengawasan perhubungan antara pekerja dengan pekerja, atau antara majikan dengan majikan;
- ❖ Perwakilan pekerja atau majikan dalam pertikaian perdagangan;

- ❖ Mengurus atau mengendalikan pertikaian perdagangan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya; atau
- ❖ Penggalakan atau pengorganisasian atau pembiayaan mogok atau sekatan masuk dalam mana-mana perdagangan atau industri atau pemberian gaji atau faedah lain kepada ahli-ahlinya semasa mogok atau sekatan masuk.

Dasar dan garis panduan untuk pembentukan, fungsi, obligasi dan aktiviti kesatuan sekerja pada umumnya diperuntukkan dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 1959 di bawah bidang kuasa Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja, Kementerian Sumber Manusia.

5.2 Akta Perhubungan Perusahaan 1967

Sistem perhubungan industri di Malaysia beroperasi dalam rangka kerja undang-undang Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177). Akta ini dikuatkuasakan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (DIRM) dan ia mengawal selia perhubungan antara majikan dan pekerja mereka serta kesatuan sekerja mereka di negara ini. Akta tersebut antara lain menggariskan perkara berikut:

- ❖ Peruntukan yang menggariskan proses berkenaan dengan tuntutan pengiktirafan dan skop perwakilan kesatuan sekerja;
- ❖ Peruntukan berkenaan pemudahan perundingan kolektif yang berkesan antara kesatuan sekerja dengan majikan, dan pengikatan suatu perjanjian kolektif kemudiannya;
- ❖ Peruntukan berkenaan pencegahan dan penyelesaian pertikaian perdagangan termasuk rujukan kepada Menteri Sumber Manusia dan Mahkamah Perusahaan untuk keputusan;
- ❖ Peruntukan berkenaan tindakan perusahaan seperti piket, mogok dan sekatan masuk;
- ❖ Peruntukan berkenaan perwakilan untuk tuntutan pengembalian jawatan oleh pekerja;
- ❖ Peruntukan berkenaan pengendalian Mahkamah Perusahaan; dan
- ❖ Peruntukan berkenaan kuasa menyiasat bagi pegawai DIRM.

Di samping itu, DIRM juga menyediakan khidmat nasihat mengenai semua isu dan pertanyaan berkaitan dengan perhubungan perusahaan melalui pejabat-pejabat cawangannya yang bertempat di seluruh negara.

5.3 Perhubungan dalam Pertubuhan Tanpa Kesatuan Sekerja

Dalam sebuah pertubuhan tanpa kesatuan sekerja, amalan biasa untuk menyelesaikan pertikaian adalah

dengan pekerja yang cuba mendapatkan tebus rugi terus daripada penyelia, fomen atau majikannya. Seorang pekerja juga boleh membuat aduan dengan Kementerian Sumber Manusia, yang kemudiannya akan menjalankan siasatan.

BAB

VI

MEMAHAMI PERBANKAN, KEWANGAN DAN PERTUKARAN ASING DI MALAYSIA





1. SISTEM KEWANGAN DI MALAYSIA

- 1.1 Bank Pusat
- 1.2 Institusi Kewangan
 - 1.2.1 *Industri Kewangan Islam*
 - 1.2.2 *Institusi Kewangan Pembangunan*

2. PEMBIAYAAN SEMULA KREDIT EKSPORT-I

- 2.1 Kaedah Pembiayaan
- 2.2 Tempoh dan Margin Pembiayaan
- 2.3 Pembayaran Balik

3. PASARAN MODAL DI MALAYSIA

- 3.1 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- 3.2 Bursa Malaysia

4. PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN

- 4.1 Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA)
- 4.2 Menjalankan Perniagaan di Labuan IBFC
- 4.3 Aktiviti-Aktiviti Perniagaan Labuan IBFC

5. DASAR PERTUKARAN ASING

- 5.1 Peraturan yang terpakai bagi Bukan Pemastautin
 - 5.1.1 *Pelaburan di Malaysia*
 - 5.1.2 *Kebolehcapaian kepada pembiayaan domestik*
 - 5.1.3 *Pembayaran dan penerimaan*
 - 5.1.4 *Lindung Nilai Pertukaran Asing (FX)*
 - 5.1.5 *Akaun-akaun ringgit dan mata wang asing*
- 5.2 Peraturan yang terpakai bagi Pemastautin
 - 5.2.1 *Pelaburan dalam aset-aset mata wang asing*
 - 5.2.2 *Peminjaman dalam pesisir dan luar pesisir*
 - 5.2.3 *Pembayaran dan penerimaan*
 - 5.2.4 *Eksport Barangan*
 - 5.2.5 *Lindung Nilai FX*
 - 5.2.6 *Akaun Mata Wang Asing*



MEMAHAMI PERBANKAN, KEWANGAN DAN PERTUKARAN ASING DI MALAYSIA

Malaysia mempunyai infrastruktur kewangan yang holistik dan maju, meliputi institusi kewangan konvensional dan Islam, pasaran modal, perbankan luar pesisir, pasaran pertukaran asing dan lain-lain. Daripada syarikat multinasional hingga ke perusahaan mikro, pelabur boleh mendapatkan pelbagai jenis pembiayaan bagi perbelanjaan modal dan operasinya di Malaysia.

1. SISTEM KEWANGAN DI MALAYSIA

Pelabur boleh mempunyai keyakinan bahawa keperluan pembiayaan mereka dapat dipenuhi sepenuhnya oleh sistem kewangan Malaysia yang matang dan bersepadu, yang merangkumi pelbagai institusi untuk memenuhi keperluan ekonomi domestik yang lebih pelbagai dan rumit. Sistem kewangan ini merangkumi sistem kewangan konvensional dan sistem kewangan Islam, yang beroperasi secara seiring.

1.1 Bank Pusat

Bank Negara Malaysia (BNM) atau Bank Pusat Malaysia, telah diberikan mandat untuk menggalakan kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan. Fungsi utamanya, seperti yang termaktub di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009, adalah untuk:

- ❖ Membentuk dan melaksanakan dasar monetari di Malaysia;
- ❖ Mengeluarkan mata wang di Malaysia;
- ❖ Mengawal selia dan mengawasi institusi-institusi kewangan yang tertakluk pada undang-undang yang dikuatkuasakan oleh BNM;
- ❖ Memantau pasaran wang dan pertukaran asing;
- ❖ Menyelia sistem pembayaran;

- ❖ Menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif;
- ❖ Memegang dan mengurus rizab asing Malaysia;
- ❖ Menggalakkan aturan pentadbiran pertukaran asing negara ini; dan
- ❖ Bertindak sebagai penasihat kepada pihak Kerajaan, khususnya berkenaan dengan dasar-dasar makroekonomi.

1.2 Institusi Kewangan

Jadual berikut memberikan gambaran keseluruhan bilangan institusi kewangan di bawah bidang kuasa BNM pada akhir bulan Disember 2020:

	Jumlah	Institusi Kawalan Malaysia	Institusi Kawalan Asing
Bank Perdagangan	26	8	18
Bank Islam	16	11	5
Bank Islam Antarabangsa	2	0	2
Bank Pelaburan	11	11	0
Syarikat Insurans	36	10	26
Pengendali Takaful (Syarikat Insurans Islam)	15	11	4
Syarikat Insurans Semula	7	2	5
Pengendali Takaful Semula (Syarikat Insurans Semula Islam)	3	0	3
Institusi Kewangan Pembangunan	6	6	0


Sistem perbankan, yang terdiri daripada bank-bank perdagangan, bank-bank pelaburan dan bank-bank Islam, merupakan penggerak utama dana dan sumber utama pembiayaan yang menyokong aktiviti-aktiviti ekonomi di Malaysia. Institusi-institusi perbankan beroperasi melalui rangkaian sebanyak lebih daripada 2,201 cawangan dan 3,839 bank ejen di seluruh negara. Terdapat juga 18 bank asing di Malaysia. Sejumlah (8) lapan kumpulan perbankan Malaysia telah membentuk kehadirannya di 19

buah negara, melalui cawangan, pejabat perwakilan, anak syarikat, penyertaan ekuiti dan usaha sama di seluruh dunia, termasuk di semua negara ASEAN.

Institusi-institusi kewangan bukan bank, iaitu institusi kewangan pembangunan, syarikat insurans dan pengendali takaful, melengkapkan institusi-institusi perbankan dalam mobilisasi wang simpanan dan memenuhi keperluan kewangan ekonomi negara. Syarikat-syarikat insurans dan pengendali-pengendali takaful, yang beroperasi melalui rangkaian lebih daripada 892 pejabat dan 214,236 ejen berdaftar di seluruh negara, menyediakan penyelesaian bagi pengurusan risiko dan perancangan kewangan untuk perniagaan dan juga individu.

1.2.1 Industri Kewangan Islam

Kewangan Islam di Malaysia terus menunjukkan pertumbuhan yang kukuh, disokong oleh rangka kerja kawal selia, undang-undang dan tadbir urus Syariah yang komprehensif; pelbagai pemain industri; dan penyedia perkhidmatan profesional; serta bakat yang berkualiti tinggi. Industri ini bertujuan untuk menyumbang kepada keseluruhan sistem kewangan di Malaysia dengan merealisasikan visi pertumbuhan ekonomi yang seimbang, progresif, mampan dan inklusif dengan memajukan kewangan berasaskan nilai yang berteraskan prinsip Syariah.



Sumber: Bank Negara Malaysia


Industri perbankan Islam menyumbang 36.3%¹(RM1,316.1 bilion) daripada jumlah aset perbankan pada akhir tahun 2022. Pelbagai produk yang kompetitif dan inovatif ditawarkan oleh lebih 40 institusi kewangan (ini termasuk bank Islam, tettingkap Islam bank konvensional dan pelaburan, bank Islam antarabangsa, dan institusi kewangan pembangunan), semuanya bertujuan untuk memberikan kesan positif dan mampan kepada masyarakat, ekonomi dan alam sekitar.

Bagi sektor takaful pula, jumlah aset dana takaful merupakan bahagian pasaran sebanyak 13.4% (RM49.9 bilion) daripada jumlah sektor insurans dan takaful pada akhir tahun 2022. Kadar penembusan bagi pasaran takaful keluarga dicatat pada 20.1%, menunjukkan bahawa faedah-faedah yang disediakan oleh skim takaful semakin diterima oleh orang ramai.

¹ Termasuk Institusi Kewangan Pembangunan (DFI)

Untuk menyokong pembangunan sektor kewangan Islam di Malaysia, akaun pelaburan telah diperkenalkan menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) untuk memberi para pelanggan peluang untuk melabur dan berkongsi keuntungan daripada aktiviti pelaburan patuh Syariah. Akaun pelaburan juga memberikan peluang tambahan kepada perniagaan untuk mendapatkan pembiayaan. Pada masa ini, sebanyak tujuh bank Islam menawarkan akaun pelaburan.


Sukuk Tertunggak mengikut Domisil (2022)




Sumber: Anggaran MIFC

Pada peringkat global, Malaysia tetap merupakan pusat global terkemuka untuk pasaran kewangan Islam. Malaysia merupakan pasaran sukuk yang terbesar di dunia, dengan bahagian sebanyak 40.3% daripada sukuk global belum lunas, yang berjumlah sebanyak USD302.9 bilion pada akhir tahun 2022. Malaysia juga menyumbang 69.6% daripada jumlah terbitan sukuk korporat pada tahun 2022.

Aset Dana Islam di bawah Pengurusan (AuM) mengikut Domisil (pada akhir tahun 2022)



Bilangan Dana Islam mengikut Domisil (pada akhir tahun 2022)



Sumber: Anggaran MIFC

Dari segi pengurusan kekayaan Islam, Malaysia telah menyumbang 31.7% daripada bahagian pasaran global, dengan aset di bawah pengurusan (AuM) sebanyak USD29.2 bilion pada akhir tahun 2022. Malaysia juga menduduki tempat pertama pada peringkat global dari segi bilangan dana, menyumbang 33.5% daripada bahagian global dengan sejumlah 378 dana yang berdaftar. Pada masa ini, terdapatnya 24 buah syarikat pengurusan dana Islam dan 33 buah syarikat pengurusan dana dengan tetingkap Islam di Malaysia.

1.2.2 *Institusi Kewangan Pembangunan*

Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) di Malaysia ialah institusi kewangan khas yang ditubuhkan oleh pihak Kerajaan dengan mandat khusus untuk membangunkan dan menggalakkan sektor-sektor utama yang dianggap penting secara strategik untuk mencapai objektif pembangunan sosioekonomi keseluruhan bagi negara ini. Sektor-sektor strategik ini termasuk sektor pertanian, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), infrastruktur, maritim dan sektor-sektor yang berorientasikan eksport, serta industri-industri intensif modal dan teknologi tinggi.

Sebagai institusi khusus, DFI menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan khusus yang sesuai dengan keperluan spesifik sektor strategik yang disasarkan. Perkhidmatan sampingan dalam bentuk perkhidmatan perundingan dan nasihat juga disediakan oleh DFI untuk memupuk dan membangunkan sektor-sektor yang dikenal pasti. Oleh itu, DFI melengkapkan institusi perbankan dan bertindak sebagai saluran strategik untuk merapatkan jurang bekalan produk dan perkhidmatan kewangan kepada bidang-bidang strategik yang dikenal pasti bagi tujuan pembangunan ekonomi jangka panjang.

Pada tahun 2002, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (DFIA) telah digubal untuk menggalakkan keteguhan DFI dari segi kewangan dan operasi melalui amalan mampan dan rangka kerja kawal atur dan penyeliaan yang diperlukan, membolehkan institusi-institusi ini melaksanakan peranan yang diberikan mandat secara berhemat, cekap dan berkesan. Dengan penggabungan DFIA, BNM telah dilantik sebagai badan kawal atur dan penyelia pusat bagi DFI.

Enam DFI telah ditetapkan di bawah DFIA, seperti berikut:

- ❖ Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad atau SME Bank, atau SME Bank, yang menyediakan perkhidmatan pembiayaan dan nasihat kepada perusahaan kecil dan sederhana yang terlibat dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembinaan;
- ❖ Bank Pembangunan Malaysia Berhad, yang menyediakan pembiayaan jangka sederhana dan panjang bagi projek infrastruktur, maritim, industri-industri intensif modal dan teknologi tinggi dan sektor-sektor lain selaras dengan dasar pembangunan negara;

- ❖ Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, sebuah bank koperasi yang menggalakkan simpanan dan menyediakan perkhidmatan kewangan kepada ahli-ahli dan bukan ahli;
- ❖ Export-Import Bank of Malaysia Berhad atau EXIM Bank, yang menyediakan kemudahan kredit untuk menyokong pengeksporan dan pengimportan barangan dan projek luar negara serta menyediakan perkhidmatan insurans dan jaminan kredit eksport;
- ❖ Bank Simpanan Nasional, yang memberikan tumpuan kepada perbankan runcit dan pembiayaan persendirian, terutamanya untuk penyimpan kecil, dan menyokong agenda rangkuman kewangan inklusif dengan menyediakan perkhidmatan mikropembiayaan dan perbankan ejen; dan
- ❖ Bank Pertanian Malaysia Berhad atau Agrobank, yang menerima deposit simpanan dan menyediakan perkhidmatan pembiayaan dan nasihat untuk menyokong pembangunan sektor dan komuniti pertanian.

Dalam usaha yang berterusan untuk memperkukuh DFI, DFIA telah dipinda untuk mempertingkatkan peranan perantara institusi dalam menyokong sektor ekonomi strategik di tengah-tengah persekitaran operasi yang mencabar. Pindaan tersebut memberikan tumpuan kepada pengukuhan lanjut amalan tadbir urus korporat dan peningkatan kecekapan operasi serta keupayaan dan kemampuan DFI untuk melaksanakan peranan yang diberikan mandat dengan lebih berkesan. Pindaan DFIA diluluskan di Parlimen pada bulan Julai 2015 dan mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2016.

2. PEMBIAYAAN SEMULA KREDIT EKSPORT-I

Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR) menyediakan pembiayaan Pra-penghantaran dan pascapenghantaran jangka pendek, patuh Syariah dan konvensional, kepada pengeksporn langsung atau tidak langsung, sama ada dalam mata wang ringgit atau Dollar A.S. Pembiayaan ini tersedia untuk syarikat pengilang atau perdagangan yang diperbadankan di Malaysia yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti eksport dan perdagangan antarabangsa. Syarikat dengan barisan kredit ECR yang diatur dengan institusi kewangan yang menyertai skim ini (Bank ECR) layak mendapat dua jenis kemudahan seperti berikut:

- ❖ ECR Pra-penghantaran

Kemudahan ECR Pra-penghantaran merupakan pendahuluan pembiayaan oleh EXIM Bank untuk memudahkan pembelian/pengeksporan sebelum penghantaran eksport produk Malaysia, dan untuk menggalakkan rantaian ke belakang antara pengeksporn dan pembekal tempatan dalam industri berorientasikan eksport.

❖ ECR Pascapenghantaran

Kemudahan ECR Pascapenghantaran merupakan pendahuluan pembiayaan kepada pengeksport untuk membiayai pengeksportan atau perdagangan selepas penghantaran.

2.1 Kaedah Pembiayaan

Di bawah kemudahan ECR Pra-penghantaran, terdapat dua (2) kaedah pembiayaan yang diberikan kepada pengeksport langsung/ tidak langsung:-

a. Kaedah berdasarkan pesanan:

Bagi pengeksport langsung, pembiayaan ECR Pra-penghantaran adalah dengan kemudahan bayaran pendahuluan berdasarkan bukti pesanan eksport, manakala untuk pengeksport tidak langsung, pembiayaan ini merupakan bayaran pendahuluan berdasarkan Surat Kredit Domestik (DLC) ECR, Pesanan Belian Domestik (DPO) ECR atau Pesanan Belian Tempatan (LPO) yang dikeluarkan atas nama pengeksport.

b. Kaedah Sijil Prestasi (CP):

Bagi pengeksport langsung dan juga tidak langsung, Pra-penghantaran dibuat berdasarkan CP yang dikeluarkan oleh EXIM Bank. Had pembiayaan adalah berdasarkan had CP untuk tempoh sah selama 1 tahun.

Di bawah kemudahan ECR Pascapenghantaran, kaedah pembiayaan yang digunakan adalah melalui pembelian bil eksport dengan diskaun, yang dengannya pembiayaan diberikan apabila dokumen eksport dikemukakan kepada Bank ECR.

2.2 Tempoh dan Margin Pembiayaan

Tempoh maksimum pembiayaan di bawah ECR Pra-penghantaran dan Pascapenghantaran masing-masing adalah selama 4 bulan (120 hari) dan 6 bulan (183 hari).

Bagi kaedah berdasarkan Pesanan Pra-penghantaran, amaun pembiayaan yang layak untuk pengeksport langsung adalah sehingga 95% daripada nilai pesanan eksport, atau 95% daripada DLC ECR, DPO ECR atau LPO untuk pengeksport tidak langsung.

Untuk kaedah berdasarkan Pra-penghantaran CP, had CP ialah amaun yang layak untuk pembiayaan. Had CP diasingkan kepada tiga (3) tempoh, dan setiap tempoh adalah selama empat (4) bulan. Amaun pembiayaan layak untuk pengeksport langsung yang terlibat dalam perkilangan dan perdagangan ialah 100% daripada nilai eksport bagi tempoh 12 bulan sebelumnya. Manakala amaun pembiayaan layak untuk pengeksport tidak langsung yang terlibat dalam perkilangan dan perdagangan ialah 80% daripada nilai eksport bagi tempoh 12 bulan sebelumnya.

Di bawah kaedah Pascapenghantaran, amaun pembiayaan ialah 100% daripada nilai invoice eksport.

2.3 Pembayaran Balik

Bagi pengeksport langsung, sumber pembayaran balik untuk pembiayaan Pra-penghantaran adalah hasil eksport yang diterima daripada pembeli luar negeri/hasil pascapengiriman yang diterima daripada bank-bank ECR. Bagi pengeksport tidak langsung, sumber pembayaran balik untuk pembiayaan Prapengiriman hendaklah dibuat daripada hasil jualan tempatan yang diterima daripada pengguna ECR, syarikat Zon Perdagangan Bebas (Free Trade Zone atau FTZ)/syarikat Gudang Pengilangan Berlesen (Licensed Manufacturer Warehouse atau LMW).

Bagi pembiayaan pascapenghantaran, bayaran balik yang kena dibayar hendaklah ditunaikan apabila hasil eksport diterima, atau apabila bil Pascapenghantaran menjadi matang, yang mana lebih awal.

Untuk maklumat lanjut mengenai ECR, sila lawati pautan www.exim.com.my

3. PASARAN MODAL DI MALAYSIA

3.1 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) bertanggungjawab terhadap pengawalseliaan dan pembangunan pasaran modal Malaysia. Sebagai suatu agensi pengawalseliaan pendanaan sendiri, SC mempunyai kuasa-kuasa penyiasatan dan juga penguatkuasaan.

Matlamat SC adalah untuk menggalakkan dan mengekalkan pasaran sekuriti dan derivatif yang adil, cekap, selamat dan telus, serta memudahkan pembangunan teratur pasaran modal yang inovatif dan berdaya saing. SC komited untuk membina pelbagai pasaran modal yang relevan, cekap selaras dengan hala tuju masa depan yang ditetapkan oleh SC dalam Pelan Induk Pasaran Modalnya (CMP3). CMP3 menyediakan panduan mengenai inisiatif strategik dalam tempoh lima (5) tahun. Teras strategik memberi tumpuan kepada memangkin pertumbuhan yang kompetitif, memperkasakan pelabur untuk masa depan yang lebih baik dan membentuk ekonomi pihak berkepentingan, sambil menerapkan akauntabiliti bersama, mengutamakan kecekapan dan hasil, serta menerima teknologi.

Membangunkan Pasaran Modal Malaysia

Malaysia kini mempunyai pasaran modal yang pelbagai, termasuk pasaran ekuiti dengan lebih daripada 1,000 syarikat tersenarai, pasaran bon yang ketiga besar di Asia selepas Jepun dan Korea Selatan, pasaran modal Islam yang inovatif dan dipandang tinggi pada peringkat global, pasaran derivatif yang merupakan pusat penemuan harga terkemuka bagi minyak sawit mentah (CPO), dan salah satu industri unit amanah domestik yang terbesar di rantau ini.

Pada tahun 2022, pasaran modal Malaysia berjumlah RM3.6 trilion, bersamaan dengan dua kali saiz ekonomi domestik. Malaysia merupakan peneraju global dalam

pasaran modal Islam dengan ekuiti patuh Syariah dan sukuk belum lunas yang bernilai RM2.3 trilion. Ini terdiri daripada jumlah permodalan pasaran bagi sekuriti patuh Syariah sebanyak RM1.1 trilion dan jumlah sukuk terkumpul berjumlah RM1.2 trilion, menandakan status negara sebagai negara yang mempunyai pasaran sukuk terbesar di dunia. Jumlah AUM industri pengurusan dana meningkat kepada RM906.5 bilion pada 2022, dengan 22.7% atau RM205.9 bilion, membentuk jumlah AUM Islam.

Berdasarkan pasaran modal Islam yang terkemuka, SC telah mengetuai usaha ke arah pembangunan ekosistem pelaburan mampan dan bertanggungjawab (SRI) yang memudahkan di Malaysia. Berikutan pelancaran NaviGate SC: Siri Pembiayaan Hijau Pasaran Modal pada 2021, SC kerap memacu inisiatif kepimpinan pemikiran melalui penglibatan berucap yang dianjurkan oleh pihak berkepentingan yang berkaitan untuk mempromosikan dan meningkatkan profil Malaysia sebagai hab SRI serantau.

Pada akhir tahun 2022, 58 dana SRI yang layak telah tersedia untuk pelabur, dengan jumlah nilai aset bersih sebanyak RM7.1 bilion. Melangkah ke hadapan, kunci utama adalah untuk memajukan agenda alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dan membentuk satu set panduan Maqasid al-Shariah yang komprehensif yang memudahkan kemampanan serta hasil bertanggungjawab sosial.

Menyokong Ekonomi Sebenar

Pasaran modal Malaysia telah menyediakan pelbagai inisiatif pembiayaan untuk membolehkan pertumbuhan dan daya tahan ekonomi. Tahun 2022 telah menyaksikan jumlah dana yang diperoleh melalui terbitan bon, sukuk dan ekuiti mencecah rekod tinggi sebanyak RM179.4 bilion. Selain itu, sejak penubuhannya, saluran pengumpulan dana alternatif untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana, seperti pembiayaan khalayak ekuiti dan pembiayaan rakan sebaya telah meningkat sebanyak RM560.34 juta melalui 330 kempen dan RM3.87 bilion melalui 54,791 kempen.

SC memberikan tumpuan kepada pembangunan ekosistem pemboleh yang menyediakan ketercapaian, sambil memastikan perlindungan pelabur dan kecekapan pengantaraan. Mandat terasnya adalah untuk mengawal selia dan memastikan pertumbuhan pasaran dilaksanakan dengan objektif untuk melindungi para pelabur. Ini termasuk inisiatif untuk meningkatkan kecekapan kewangan dan pelaburan kepada kebanyakan mereka. Bagi tujuan ini, SC telah memperkenalkan jangkauan pelabur utamanya melalui program InvestSmart® dengan tujuan untuk mencipta lebih banyak lagi pelabur bermaklumat, memperkasakan mereka untuk membuat keputusan pelaburan dengan baik. Melangkah ke hadapan, usaha berterusan untuk meningkatkan rangka kerja kawal selia, menggalakkan inovasi dan mengukuhkan tadbir urus korporat akan menjadi penting dalam mengekalkan trajektori pertumbuhan ini.

Untuk maklumat lanjut, sila lawati pautan www.sc.com.my.

3.2 Bursa Malaysia

Ditubuhkan pada tahun 1976, Bursa Malaysia telah berkembang pesat menjadi salah satu bursa saham paling terkemuka di ASEAN, dengan hampir 1,000 syarikat tersenarai dan modal yang dijana merangkumi 50 aktiviti ekonomi. Kini, Bursa Malaysia berbangga menjadi tuan rumah kepada syarikat-syarikat serantau serta beberapa pemain terbesar dalam sektor berasaskan sumber asli.

Bursa Malaysia menyediakan akses lancar kepada pelbagai produk dan perkhidmatan pelaburan, dengan berkesan menghubungkan kedua-dua peserta pasaran domestik dan antarabangsa kepada pelbagai peluang untuk mencapai objektif pengumpulan dana dan pelaburan mereka. Portfolio Bursa Malaysia yang pelbagai merangkumi sekuriti, derivatif, aset luar pesisir dan Islam, serta pilihan produk pelaburan lain, termasuk Waran Berstruktur, Bon dan Sukuk Dagangan Bursa (ETBS), Dana Dagangan Bursa (ETF), dan Amanah Pelaburan Hartanah (REIT). Selain itu, ia menyediakan perkhidmatan berkaitan pertukaran seperti penyenaaraan, perdagangan, penjelasan, penyelesaian dan depository.

Sebagai salah satu destinasi pengumpulan dana pilihan ASEAN, Bursa Malaysia dengan cekap memenuhi keperluan penjana modal penerbit. Syarikat disenaraikan di Pasaran Utama untuk syarikat bermodal besar yang ditubuhkan atau di Pasaran ACE untuk syarikat baru muncul dalam pelbagai saiz. Pada 2017, Bursa Malaysia melancarkan Pasaran LEAP, pasaran yang dipacu oleh penasihat yang bertujuan untuk memberikan syarikat baru muncul, termasuk PKS, dengan akses yang lebih baik kepada pembiayaan dan keterlihatan melalui pasaran modal. Sebagai yang pertama seumpamanya di ASEAN, LEAP meletakkan Malaysia di barisan hadapan dalam inovasi pasaran modal di rantau ini.

Walaupun pasaran global ekuiti tidak menentu, pasaran ekuiti Malaysia kekal pada trajektori pertumbuhan. Sepanjang dekad yang lalu (2013 – 2022), jumlah permodalan pasaran semua Syarikat Tersenarai Awam (PLC) di Bursa Malaysia telah meningkat sebanyak 18%. Pada masa yang sama, purata nilai dagangan harian (ADV) telah menyaksikan pertumbuhan sebanyak 32% untuk tempoh yang sama.

Sejak transformasinya menjadi sebuah syarikat tersenarai awam pada 18 Mac 2005, Bursa Malaysia telah mencatatkan pelbagai pencapaian penting. Hari ini, ia diiktiraf di peringkat global kerana kepelbagaian dan inovasi yang tiada tandingannya dalam perkhidmatan perdagangan dan pelaburan patuh Syariah. Perbezaan ini adalah disebabkan usaha perintisnya, seperti pelancaran Bursa Malaysia-i, platform pelaburan sekuriti Syariah komprehensif pertama di dunia, dan Bursa Suq Al-Sila' - platform dagangan Murabahah komoditi patuh Syariah hujung-ke-hujung sulung di dunia.

Bursa Malaysia bukan sahaja cemerlang dalam sektor pasaran modal Islam, tetapi ia juga memegang penghormatan sebagai hab perdagangan niaga hadapan minyak sawit dunia. Kontrak Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah (FCPO) bursa telah lama diiktiraf dan dirujuk sebagai penanda aras harga global dalam industri minyak sawit.

Dalam langkah ke arah memperluaskan rangkaian penyelesaian patuh Syariah dan ESG, Bursa Malaysia melancarkan Bursa Karbon Bursa (BCX) patuh Syariah pertama di dunia pada Disember 2022. Langkah inovatif ini mengukuhkan lagi komitmen Bursa Malaysia untuk mempelbagaikan penawaran produknya dalam cara yang sejajar dengan trend global dan kepentingan yang semakin meningkat untuk pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab.

Peranan Bursa Malaysia dalam Memperjuangkan ESG dan Aspirasi Sifar Bersih di Malaysia

Bursa Malaysia telah lama berada di barisan hadapan dalam mempromosikan kemampanan dalam pasaran modal untuk menggalakkan amalan mampan dalam kalangan PLCnya. Ini dilakukan melalui bimbingan berterusan, advokasi dan penglibatan dalam pasaran, di samping peranannya sebagai pengawal selia barisan hadapan dan pengendali pasaran. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Bursa Malaysia telah meningkatkan usaha untuk membantu PLC menambah baik amalan ESG mereka.

Antara inisiatif utama ialah:

- ❖ Menyertai Inisiatif Bursa Saham Lestari (SSE) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 2012 untuk mengukuhkan lagi komitmennya dalam mempromosikan strategi mampan dalam kalangan penerbit dan pasaran.
- ❖ Memperkenalkan Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM) pada tahun 2014 untuk mengukur prestasi PLC yang menunjukkan amalan ESG yang baik. Indeks F4GBM versi Syariah, Indeks Syariah FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBMS), kemudiannya diperkenalkan pada 2021 untuk melengkapkan siri indeks.
- ❖ Melancarkan BursaSUSTAIN pada 2018, portal dalam talian komprehensif yang direka sebagai hab pengetahuan dan maklumat sehati mengenai tadbir urus korporat (CG) dan kemampanan. Ia bertujuan untuk menyediakan platform untuk pemegang kepentingannya mendapat akses mudah kepada maklumat terkini tentang CG dan kemampanan.
- ❖ Melancarkan dua indeks bertema ESG baharu pada 28 Ogos 2022 di bawah Siri Indeks FTSE Bursa Malaysia – (i) Indeks Pilih Karbon Rendah ESG 100 Teratas FTSE Bursa Malaysia (FBM100LC); dan (ii) FTSE Bursa Malaysia Top 100 ESG Low Carbon Select Shariah Index (FBM100LS). Penambahan ini memperluaskan tawaran penanda aras Exchange dalam ESG, karbon rendah dan ruang indeks risiko iklim untuk memenuhi

permintaan pelabur yang berkembang.

- ❖ Memperkenalkan penambahbaikan kepada Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan dalam Pasaran Utama dan Keperluan Penyenaaraian Pasaran ACE pada September 2022 untuk meningkatkan amalan kemampanan dan pendedahan penerbit tersenarai.
- ❖ Melancarkan Bursa Karbon Bursa pada 9 Disember 2022, untuk menyokong cita-cita Malaysia untuk mencapai sasaran pelepasan gas rumah hijau (GHG) bersih-sifar seawal 2050, sambil mempercepatkan pivot Korporat Malaysia ke arah ekonomi hijau dan memenuhi permintaan global untuk rantaian bekalan yang mampan.
- ❖ Mengumumkan Platform Perisikan Kelestarian Berpusat (CSI) pada 22 Mac 2023, satu usaha untuk membangunkan repositori pusat mengenai pendedahan ESG, untuk digunakan oleh PLC yang berminat dan rantaian bekalan mereka.

Bursa Malaysia kekal teguh dalam komitmennya untuk memajukan amalan ESG di kalangan PLC dan dalam pasaran melalui pelbagai pendekatan strategik.

Peserta Pasaran

a. Syarikat Broker Saham

Sehingga 31 Mei 2023, terdapat 30 syarikat broker saham termasuk lapan (8) Bank Pelaburan, menawarkan perkhidmatan urus niaga sekuriti. Bank Pelaburan memegang lesen perbankan saudagar yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA), dan lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang dikeluarkan oleh Sekuriti Suruhanjaya Malaysia. Lesen itu membolehkan mereka menawarkan pasaran modal bersepadu dan perkhidmatan kewangan termasuk kewangan korporat, perdagangan sekuriti hutang dan urusan dalam sekuriti.

b. Peserta Dagangan

Peserta Dagangan ialah syarikat yang berurusan dalam derivatif dan dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007. Pada 31 Mei 2023, 16 Peserta Dagangan dilesenkan untuk menjalankan dagangan derivatif di bawah IFSA dan lesen Perkhidmatan Pasaran Modal.

Pendidikan dan Perlindungan Pelabur

Bursa Malaysia amat mementingkan pendidikan pelabur, perlindungan dan integriti pasaran untuk memastikan bahawa pasaran modal berfungsi dengan baik, bergerak maju dan mampan. Bursa Malaysia mencapai perkara ini menyediakan pendidikan yang berterusan, dan

mengekalkan rangka kerja kawal selia yang komprehensif dan mantap untuk mentadbir pasaran dan para pesertanya secara adil dan teratur.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusannya untuk mendidik dan membantu para pelabur membuat keputusan berdasarkan maklumat mengenai pelaburan, Bursa Malaysia telah melancarkan “Akademi Bursa” pada bulan Jun 2020, suatu platform e-pembelajaran yang terutamanya menasaskan pelabur runcit pada Pasaran Sekuriti, Pasaran Derivatif dan Pasaran Modal Islam. Akademi Bursa adalah sebahagian daripada inisiatif pendidikan pelabur pelbagai segi dan jangkauan Bursa Malaysia untuk memupuk pendidikan kewangan untuk pelabur dan negara. Ia bertujuan untuk menyediakan pelabur dengan perjalanan pembelajaran holistik yang memenuhi keperluan, kepakaran dan tahap kemahiran mereka yang berbeza. Platform ini mengukuhkan inisiatif pendidikan Bursa, dan melengkapkan alatan digital lain yang tersedia untuk pelabur – seperti aplikasi Bursa Marketplace yang mempunyai data pasaran dan idea dagangan, dan aplikasi Bursa Anywhere yang memudahkan transaksi pengurusan akaun Central Depository System (CDS).

Untuk melindungi para pelabur, Bursa Malaysia telah menetapkan kaedah-kaedah yang jelas, komprehensif dan boleh diakses, yang dikaji semula dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa kaedah tersebut tetap relevan, berkesan dan ditanda aras berdasarkan standard antarabangsa pengawalseliaan pasaran. Hal ini bertujuan untuk memastikan kaedah-kaedah itu memberikan tahap perlindungan pelabur yang mencukupi, tetapi tidak mengakibatkan kos pematuhan yang membebaskan atau menghalang kemudahan menjalankan perniagaan dan pertumbuhan.

Dalam menjalankan fungsi pengawalseliaannya, Bursa Malaysia juga memberikan tumpuan yang signifikan untuk memastikan ketelusan yang mencukupi dalam pasaran, serta memperbaiki tadbir urus dan tingkah laku syarikat tersenarai dan pengantara. Bursa itu terus meningkatkan standard pendedahan serta tadbir urus korporat dan amalan kemampunan melalui (antara lain) pendekatan penyediaan dan program pendidikan bantuan. Di samping itu, pemantauan yang ketat dan langkah-langkah proaktif yang diambil oleh bahagian Pengawalseliaan Bursa Malaysia memastikan pengesanan dan pengendalian yang tepat pada masanya ke atas aktiviti korporat dan perdagangan luar aturan dan tidak wajar.

Perkara ini telah menyumbang kepada pasaran yang dikawal selia dengan baik dan disokong oleh tahap perlindungan pelabur yang mencukupi, yang dalamnya budaya kawal selia sendiri dan kualiti amalan oleh peserta pasaran terus diperkukuh, dan pasaran adalah adil, teratur dan bergerak maju.

Keteguhan pengawalseliaan pasaran telah mendapat pengiktirafan antarabangsa, dan beberapa pencapaian penting merangkumi yang berikut:

- ❖ Dalam ruang tadbir urus korporat, Malaysia mencapai tempat ke-5 dalam CG Watch 2020, kedudukan tadbir urus korporat serantau yang dikekalkan oleh Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia.
- ❖ Terdapat aliran meningkat berterusan dalam Kad Skor Tadbir Urus Korporat Malaysia- ASEAN 2021 yang diterbitkan oleh Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti (MSWG), yang menandakan komitmen berterusan ke arah penambahbaikan dalam amalan CG oleh 100 PLC Teratas. Purata Skor CG bagi 100 PLC Terbaik Malaysia ialah 104.6 mata.
- ❖ 54 PLC Malaysia telah diiktiraf sebagai penerima Anugerah Kelas Aset ASEAN di bawah Anugerah Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN (ACGS) 2021. Ini merupakan peningkatan yang memberangsangkan daripada 37 PLC Malaysia yang diiktiraf pada 2019.

Untuk maklumat lanjut mengenai Bursa Malaysia, sila lawati pautan www.bursamalaysia.com.

4. PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN

4.1 Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA)

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) ialah badan berkanun di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan, yang bertanggungjawab terhadap pembangunan dan pentadbiran Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC).

Peranan utama Labuan FSA adalah untuk melesenkan dan mengawal selia entiti berlesen yang beroperasi di Labuan IBFC, dan untuk memastikan bahawa semua entiti tersebut tetap mematuhi standard terbaik dalaman dan antarabangsa yang diterima pakai oleh bidang kuasa itu. Hal ini adalah untuk melindungi kepentingan para pelabur serta mengekalkan keteguhan persekitaran kawal selia di Labuan IBFC.

Sebagai pihak berkuasa pengawalseliaan Labuan IBFC, Labuan FSA komited untuk mengekalkan kedudukan Labuan IBFC sebagai pusat kewangan antarabangsa yang dikawal selia dengan baik dan mempunyai reputasi yang bagus, manakala promosi pusat itu dijalankan oleh Labuan IBFC Incorporated Sdn. Bhd. (Labuan IBFC Inc.), anak syarikat milik penuh Labuan FSA.

Labuan IBFC Inc. mempunyai pasukan pemasaran khusus yang bekerjasama rapat dengan pengawal selia, penggiat pasaran dan pakar industri dalam memudahkan perniagaan global yang ingin meluaskan perniagaannya di rantau Asia serta entiti di Asia yang berhasrat untuk mengembangkan perniagaannya di seluruh dunia. Matlamat utama Labuan IBFC adalah untuk memastikan kemampunan pusat itu, dengan memastikan bahawa saranan-saranan nilai utama Labuan IBFC difahami dan juga dihargai.

4.2 Menjalankan Perniagaan di Labuan IBFC

Labuan IBFC mempunyai kedudukan yang strategik di tengah-tengah Asia Pasifik dan ditempatkan sebagai laluan untuk pelaburan masuk dan keluar dari rantau ini. Sebagai bidang kuasa pesisir pertengahan (mid-shore), Labuan IBFC menawarkan, kepada pelabur dan perniagaan global, manfaat bidang kuasa yang dikawal selia dan diawasi dengan baik, yang mematuhi standard antarabangsa dan amalan terbaik. Pusat itu juga memberikan keberkecualian fiskal dan kepastian dalam persekitaran operasi yang neutral dari segi mata wang.

Disokong dengan baik oleh rangka kerja undang-undang yang diakui pada peringkat antarabangsa namun sesuai bagi perniagaan, Labuan IBFC menawarkan pelbagai jenis struktur dan penyelesaian untuk transaksi rentas sempadan dan perniagaan antarabangsa dalam bentuk konvensional, patuh Syariah dan digital.

Peranan Labuan IBFC sebagai pusat pengantaraan kewangan borong terus menarik pelabur dengan saranan pesisir pertengahannya yang pragmatik – menawarkan kemudahan menjalankan perniagaan seiring dengan standard pengawalseliaan dan penyeliaan tinggi seperti yang didapati dalam pesisir. Ditambah pula dengan kecekapan kos dalam bidang kuasa itu, Labuan IBFC merupakan pusat yang ideal untuk para pelopor perniagaan global yang mencari pertumbuhan yang inovatif di Asia.

Entiti yang diperbadankan/didaftarkan di Labuan IBFC menikmati banyak kelebihan, termasuk pewujudan hasil yang cekap dari segi kos, kemudahan insentif cukai dan capaian kepada perjanjian triti cukai dua kali yang ekstensif melalui rangkaian triti cukai dua kali Malaysia.

Di bawah rangka kerja percukaian Labuan IBFC, entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perdagangan Labuan membayar cukai setiap tahun pada kadar 3% daripada keuntungan bersihnya yang telah diaudit, tertakluk pada kehendak ekonomi. Entiti Labuan yang menjalankan aktiviti bukan perdagangan tidak dikenakan cukai. Pihak Kerajaan juga telah memberikan pelbagai pengecualian cukai untuk menarik lebih ramai pelabur bagi mewujudkan kehadiran mereka di Labuan IBFC, seperti pengecualian daripada cukai pegangan dan duti setem.

Entiti Labuan juga boleh membuat pilihan yang tidak boleh dibatalkan untuk dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 di negara ini. Hal ini akan memberikan lebih banyak kelonggaran kepada entiti Labuan untuk menstrukturkan transaksi perniagaannya dengan berkesan, dan mewujudkan keadaan percukaian yang lebih menggalakkan bagi para pelabur.

4.3 Aktiviti-Aktiviti Perniagaan Labuan IBFC

Labuan IBFC menawarkan pelbagai jenis struktur perniagaan dan penyelesaian pelaburan bagi transaksi rentas sempadan dan urusan perniagaan antarabangsa, termasuk penyelesaian berkaitan hal digital. Pusat itu

menyediakan perkhidmatan dan penyelesaian dalam bidang khusus seperti pengurusan risiko, perdagangan komoditi, pengurusan kekayaan, syarikat perniagaan antarabangsa, perkhidmatan kewangan Islam dan perkhidmatan kewangan digital.

Labuan IBFC merupakan satu-satunya bidang kuasa di Asia yang menawarkan yaysan persendirian sebagai penyelesaian pengurusan kekayaan, dan dalam kalangan sebilangan kecil bidang kuasa di dunia yang menawarkan syarikat sel terlindung (protected cell company) untuk kaptif, suatu penyelesaian swainsurans.

Untuk maklumat lanjut mengenai Labuan IBFC, sila lawati pautan www.labuanibfc.com.

5. DASAR PERTUKARAN ASING

Malaysia mengekalkan rejim dasar pertukaran asing (FEP) liberal yang membentuk sebahagian daripada set kaedah hemat BNM untuk memastikan kestabilan monetari dan kewangan. FEP melindungi kedudukan imbalan pembayaran dan nilai Ringgit Malaysia (RM) sambil menyokong daya saing ekonominya melalui kemudahan persekitaran yang lebih kondusif untuk realiti rentas sempadan aktiviti ekonomi. Butiran lanjut mengenai FEP boleh didapati di <https://www.bnm.gov.my/fep>.

5.1 Peraturan yang terpakai bagi Bukan Pemastautin

5.1.1 Pelaburan di Malaysia

Pasaran Malaysia mudah diakses oleh pelabur global, dengan pergerakan bebas aliran masuk dan keluar modal untuk pelaburan di Malaysia. Di bawah peraturan FEP yang lazim, bukan pemastautin bebas untuk:

- ❖ Melabur dalam sebarang jenis RM atau aset mata wang asing dalam bentuk pelaburan langsung atau pelaburan portfolio; dan
- ❖ Membawa pulang hasil pelupusan, keuntungan, dividen, atau apa-apa pendapatan yang timbul daripada pelaburan di Malaysia dalam mata wang asing.

5.1.2 Kebolehcapaian kepada Pembiayaan Domestik

a. Peminjaman dalam mata wang asing

- ❖ Bukan pemastautin bebas untuk meminjam sebarang jumlah mata wang asing daripada bank dalam pesisir berlesen. Hasil peminjaman boleh digunakan luar pesisir atau dalam pesisir; dan
- ❖ Bukan pemastautin juga bebas untuk menerbitkan sukuk/bon dalam jenis mata wang asing di Malaysia untuk kegunaan dalam pesisir atau luar negara.

b. Peminjaman dalam ringgit

- ❖ Bukan pemastautin (tidak termasuk institusi kewangan) bebas meminjam sebarang jumlah dalam ringgit daripada bank dalam pesisir berlesen (tidak termasuk bank Islam antarabangsa berlesen) dan pemastautin lain untuk membiayai aktiviti sektor benar di Malaysia.
- ❖ Bukan pemastautin bebas meminjam dalam RM daripada LOB:
 - dalam sebarang jumlah pembiayaan perdagangan untuk penyelesaian perdagangan barangan atau perkhidmatan dengan Pemastautin;
 - sehingga jumlah kemudahan overdraf (tidak melebihi dua (2) hari perniagaan dan tanpa pilihan peralihan)²; dan
 - sehingga RM10 juta secara agregat melalui perjanjian belian balik atau perjanjian beli balik jualan.

5.1.3 Pembayaran dan penerimaan

Bukan pemastautin boleh membuat penyelesaian dalam RM atau mata wang asing untuk perdagangan antarabangsa dalam barangan atau perkhidmatan, serta sebarang pendapatan atau perbelanjaan yang ditanggung di Malaysia dengan pemastautin, melalui LOB atau Pejabat Luar Negara yang Dilantik (AOO) mereka.

5.1.4 Lindung Nilai Pertukaran Asing (FX)

Bukan pemastautin bebas untuk melindungi nilai pendedahan FX yang timbul daripada transaksi akaun semasa dan kewangan pada akaun mereka sendiri, atau bagi pihak entiti berkaitan mereka, dengan LOB (tidak termasuk bank Islam antarabangsa berlesen) atau AOO mereka. Juga tiada sekatan untuk membatalkan atau membatalkan urus niaga hadapan untuk sebarang pelaburan asas kecuali untuk pelaburan portfolio³.

5.1.5 Akaun Ringgit dan Mata Wang Asing

Bukan pemastautin bebas membuka akaun RM atau mata wang asing dengan mana-mana LOB untuk memudahkan operasi perniagaan dan pelaburan di Malaysia. Mereka juga boleh menghantar dana dalam akaun ini secara bebas di luar negara.

² Hanya layak untuk bank kustodian Bukan Pemastautin, perbadanan broker saham, bank amanah atau depository sekuriti pusat antarabangsa yang bertindak bagi pihak pelabur Bukan Pemastautin.

³ Ini dibenarkan untuk pelabur berdaftar di bawah rangka kerja lindung nilai dinamik BNM

⁴ Peminjaman ringgit domestik bermaksud peminjaman dalam ringgit yang diperoleh oleh suatu pemastautin daripada pemastautin lain, atau mana-mana obligasi yang dianggap atau disifatkan sebagai peminjaman ringgit domestik di bawah sebarang Notis Pertukaran Asing.

5.2 Peraturan yang terpakai bagi Pemastautin

5.2.1 Pelaburan dalam aset-aset mata wang asing

- a. Pemastautin tanpa peminjaman ringgit domestik⁴ bebas untuk melakukan sebarang jumlah pelaburan dalam aset mata wang asing di dalam atau luar negara.
- b. Entiti pemastautin dengan DRB bebas untuk melaksanakan sebarang jumlah pelaburan dalam aset mata wang asing di dalam atau di luar negara menggunakan dana mata wang asing yang diperoleh daripada:
 - ❖ Di luar Malaysia kecuali hasil eksport barangan;
 - ❖ Meluluskan pinjaman dalam mata wang asing mengikut Bahagian B Notis 2 FEP; atau
 - ❖ Pinjaman dalam mata wang asing daripada LOB untuk pelaburan langsung di luar negara. Peminjaman dalam pesisir dan luar pesisir.
- c. Entiti pemastautin dengan DRB bebas untuk menjalankan pelaburan dalam aset mata wang asing di dalam atau di luar negara sehingga had berhemat sebanyak RM50 juta bersamaan secara agregat setiap tahun kalendar berdasarkan kumpulan korporat menggunakan dana mata wang asing yang diperoleh daripada:
 - ❖ Penukaran RM kepada mata wang asing;
 - ❖ Perdagangan Akaun Mata Wang Asing (FCA);
 - ❖ Pinjaman mata wang asing yang diperoleh daripada LOB untuk tujuan selain daripada pelaburan langsung di luar negara; atau
 - ❖ Pertukaran aset kewangan di Malaysia dengan aset kewangan di luar Malaysia.

5.2.2 Meminjam Dalam Pesisir dan Luar Pesisir

a. Peminjaman dalam mata wang asing

- ❖ Entiti pemastautin bebas untuk meminjam sebarang jumlah mata wang asing daripada:
 - Bank dalam pesisir berlesen;
 - Syarikat pemastautin dan bukan pemastautin dalam kumpulan entiti korporatnya;

- Pemegang saham langsung pemastautin dan bukan pemastautin; dan
 - Pemastautin lain melalui penerbitan sekuriti hutang dalam mata wang asing.
- ❖ Entiti pemastautin bebas untuk meminjam mata wang asing daripada institusi kewangan bukan pemastautin dan entiti bukan pemastautin di luar kumpulan korporatnya sehingga had berhemat sebanyak jumlah yang bersamaan dengan RM100 juta secara agregat atas dasar kumpulan korporat.

b. Peminjaman dalam ringgit (RM)

- ❖ Entiti pemastautin bebas mendapatkan peminjaman ringgit sebanyak:
- Entiti bukan pemastautin dalam kumpulan korporatnya dan pemegang saham langsung bukan pemastautin untuk membiayai aktiviti dalam sektor benar di Malaysia; atau
 - Mana-mana bukan pemastautin melalui penerbitan saham keutamaan boleh tebus untuk penggunaan di Malaysia atau sekuriti hutang korporat⁵ (tidak termasuk sekuriti hutang tak boleh niaga yang dikeluarkan kepada entiti bukan pemastautin yang tidak berkaitan atau institusi kewangan bukan pemastautin); atau
 - Sehingga RM1 juta secara agregat daripada mana-mana bukan pemastautin (tidak termasuk institusi kewangan) untuk penggunaan di Malaysia.

5.2.3 Pembayaran dan penerimaan

- a. Pemastautin boleh membuat bayaran penjelasan dalam ringgit atau mata wang asing bagi perdagangan antarabangsa barangan atau perkhidmatan, serta sebarang pendapatan yang diperoleh atau perbelanjaan yang ditanggung di Malaysia dengan bukan pemastautin.
- b. Pengeksport pemastautin boleh menyelesaikan perdagangan domestik dalam barangan atau perkhidmatan dalam mata wang asing dengan pemastautin lain yang beroperasi dalam rangkaian bekalan global, secara langsung atau melalui entiti pengantara pemastautin. Bayaran sedemikian boleh dibuat antara pembayar pemastautin dengan FCA Perdagangan penerima bayaran, dan tidak boleh diperoleh daripada penukaran ringgit.

⁵ Selaras dengan garis panduan berkaitan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

⁶ Ditakrifkan sebagai aktiviti perniagaan yang dalamnya pengimport pemastautin membeli barangan atau perkhidmatan dari luar negara untuk menyokong pengeluaran dan pengedaran barangan atau perkhidmatan oleh pengeksport pemastautin bagi aktiviti eksportnya.

⁷ Ini dibenarkan untuk pelabur berdaftar di bawah rangka kerja lindung nilai dinamik BNM.

5.2.4 Eksport Barangan

Pengeksport pemastautin hendaklah menghantar pulang semua hasil eksport barangan dalam nilai penuh kembali ke Malaysia dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh penghantaran. Pengeksport pemastautin diberi fleksibiliti untuk:

- ❖ Eksport penghantaran pulang barangan melebihi enam (6) bulan dan sehingga 24 bulan atas sebab yang dibenarkan di luar kawalan pengeksport pemastautin; dan
- ❖ Eksport bersih atau hapus kira hasil daripada urusan niaga atau sebab yang dibenarkan.

5.2.5 Lindung Nilai FX

Pemastautin bebas untuk melindungi nilai pendedahan FX yang timbul daripada transaksi akaun semasa dan kewangan pada akaun mereka sendiri, atau bagi pihak entiti berkaitan mereka, dengan LOB (tidak termasuk bank Islam antarabangsa berlesen). Juga tiada sekatan untuk melepaskan atau membatalkan urusan niaga hadapan untuk sebarang pelaburan asas kecuali pelaburan portfolio⁷.

5.2.6 Akaun Mata Wang Asing

Pemastautin bebas membuka akaun mata wang asing dengan bank tempatan berlesen dan institusi kewangan bukan pemastautin.

BAB

VII

MELINDUNGI HAK HARTA INTELEK ANDA DI MALAYSIA

REGISTER

LAW

PROPERTY

COPYRIGHT

IDEA

LICENSE

PATENT



1. **PATEN**
2. **CAP DAGANGAN**
3. **REKA BENTUK PERINDUSTRIAN**
4. **HAK CIPTA**
5. **REKA BENTUK SUSUR ATUR LITAR BERSEPADU**
6. **PETUNJUK GEOGRAFI**
7. **PENILAIAN HARTA INTELEK**
8. **PEMBIAYAAN HARTA INTELEK**
9. **PASARAN HAK HARTA INTELEK**



MELINDUNGI HAK HARTA INTELEK ANDA DI MALAYSIA

Malaysia amat mengambil berat tentang perlindungan pengetahuan proprietari dan harta intelek (IP). Sistem harta intelek di Malaysia ditadbir oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Perlindungan harta intelek di Malaysia terdiri daripada paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, hak cipta, petunjuk geografi dan reka bentuk susur atur litar bersepadu. Malaysia merupakan anggota Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO), dan penandatanganan Konvensyen Paris dan Konvensyen Berne yang mengawal hak-hak harta intelek ini.

Di samping itu, Malaysia juga merupakan penandatanganan Perjanjian mengenai Aspek Berkaitan Hak-hak Harta Intelek (TRIPS) yang ditandatangani di bawah naungan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Malaysia menyediakan perlindungan yang secukupnya kepada pelabur tempatan dan asing. Undang-undang harta intelek Malaysia adalah selaras dengan piawaian antarabangsa dan telah dikaji semula oleh Majlis TRIPS secara berkala.

1. PATEN

Akta Paten 1983 dan Peraturan-Peraturan Paten 1986 mengawal perlindungan paten di Malaysia. Pemohon boleh memfailkan permohonan paten secara langsung jika beliau berdomisil atau bermastautin di Malaysia. Permohonan asing hanya boleh difailkan melalui ejen paten berdaftar di Malaysia yang bertindak bagi pihak pemohon.

Seperti perundangan di negara lain, sesuatu reka cipta boleh dipatenkan sekiranya ianya baru, melibatkan satu langkah inventif, dan mempunyai aplikasi perindustrian. Selaras dengan TRIPS, Akta Paten menetapkan tempoh perlindungan selama 20 tahun dari tarikh pemfailan permohonan. Di bawah Akta ini, sijil inovasi utiliti memberikan tempoh perlindungan awal selama 10 tahun dari tarikh pemfailan permohonan, yang boleh diperbaharui untuk dua (2) tempoh berturut-turut selama lima (5) tahun setiap tempoh, tertakluk kepada kegunaan. Pemilik paten mempunyai hak untuk mengeksploitasi ciptaan yang dipatenkan, untuk memindahkan atau menyerahkan paten tersebut, dan untuk membuat kontrak berlesen. Walau bagaimanapun, pengecualian daripada paten, seperti lesen wajib dan import selari, juga termasuk dalam peraturan ini.

2. CAP DAGANGAN

Perlindungan cap dagangan dikawal oleh Akta Cap Dagangan 2019 dan Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 2019.

Akta ini menyediakan perlindungan bagi cap dagangan dan perkhidmatan yang berdaftar di Malaysia. Setelah didaftarkan, tiada individu atau perniagaan selain daripada pemilik atau pengguna yang diberi kuasa boleh menggunakannya. Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mereka yang menggunakannya tanpa kebenaran. Tempoh perlindungan adalah selama 10 tahun, dan boleh diperbaharui untuk setiap tempoh 10 tahun berikutnya. Pemilik cap dagangan atau perkhidmatan tersebut mempunyai hak untuk mengurus, menyerahkan, serta melesenkan penggunaannya.

Seperti paten, pemohon tempatan boleh memfailkan permohonan sendiri, manakala pemohon asing hendaklah melakukannya melalui ejen cap dagangan yang berdaftar.

3. REKA BENTUK PERINDUSTRIAN

Perlindungan reka bentuk perindustrian di Malaysia ditadbir di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 dan Peraturan-Peraturan Reka Bentuk Perindustrian 1999. Akta ini memperuntukkan bahawa hak-hak reka bentuk perindustrian berdaftar merupakan harta persendirian dan boleh diserahkan haknya dan dipindah milik melalui kuat kuasa undang-undang.

Untuk layak didaftarkan, reka bentuk perindustrian mestilah baru dan tidak merangkumi kaedah pembinaan atau reka bentuk yang ditentukan semata-mata oleh fungsi. Di samping itu, reka bentuk barangan itu mestilah tidak bergantung pada rupa suatu barangan lain yang merupakan bahagian penting barangan itu. Pemohon tempatan boleh memfailkan pendaftaran secara individu atau melalui ejen reka bentuk perindustrian berdaftar secara atas talian di <https://iponline2u.myipo.gov.my>. Walaubagaimanapun, pemohon asing perlu mendapatkan perkhidmatan ejen reka bentuk perindustrian berdaftar. Reka bentuk perindustrian berdaftar dilindungi untuk tempoh permulaan lima (5) tahun, yang boleh dilanjutkan selama empat (4) tempoh berturut-turut selama lima (5) tahun, memberikan jumlah tempoh perlindungan selama 25 tahun.

Malaysia telah meminda Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996, yang mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2013. Pindaan itu termasuk kebaharuan seluruh dunia, peningkatan tempoh perlindungan, pengenalan Sistem Jurnal Harta Intelek dan peruntukan mengenai pengewangan dan pewujudan sekuriti reka bentuk perindustrian.

4. HAK CIPTA

Akta Hak Cipta 1987 memperuntukkan perlindungan yang komprehensif untuk karya yang boleh dihasilkannya. Akta tersebut menggariskan jenis karya yang layak untuk mendapat hak cipta (termasuk perisian komputer), skop perlindungan, dan cara perlindungan diberikan. Hak cipta wujud dalam setiap karya yang layak mendapat perlindungan hak cipta yang penciptanya merupakan orang berkecuali.

Perlindungan hak cipta untuk karya sastera, muzik atau seni adalah untuk jangka masa hayat pengarangnya dan tempoh 50 tahun selepas kematiannya. Bagi rakaman bunyi, siaran dan filem pula, rakaman bunyi, siaran dan filem, perlindungan hak cipta adalah selama 50 tahun selepas karya itu mula-mula diterbitkan atau dibuat.

Akta ini juga menyediakan perlindungan kepada hak pelaku dalam persembahan langsung yang akan berterusan selama 50 tahun dari permulaan tahun kalendar berikutan tahun persembahan langsung itu diadakan atau ditetapkan dalam suatu rakaman bunyi.

Satu ciri unik Akta ini ialah kemasukan peruntukan untuk penguatkuasaannya. Pindaan terkini Akta Hak Cipta (Pindaan) 2022 yang berkuat kuasa pada 18 Mac 2022, memberikan kuasa kepada pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup untuk menguatkuasakan Akta Hak Cipta 1987 termasuk menyiasat, menangkap, memasukkan, menyita, merampas, mendakwa, memintas komunikasi dan pendedahan maklumat, menangkap untuk melindungi hak eksklusif pemegang hak dalam persekitaran fizikal dan digital.

Satu lagi ciri penting yang disediakan di bawah Akta ini termasuk pengenalan sistem pemberitahuan sukarela hak cipta bertujuan untuk menyediakan ruang kepada pemegang hak cipta dalam mendaftar dan mendapatkan pemilikan karya mereka dengan MyIPO.

Ciri unik lain termasuk peraturan Organisasi Pengurusan Kolektif (CMO), dan sistem Tribunal Hak Cipta. Akta ini juga menyediakan remedi yang lebih besar terhadap pelanggaran hak cipta untuk pemegang hak dalam menjenayahkan penciptaan, dan pembuatan peranti penstriman haram dan menyediakan hiperpautan yang menghalau ke kandungan berhak cipta yang menyalahi undang-undang.

5. REKA BENTUK SUSUN ATUR LITAR BERSEPADU

Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 memberikan perlindungan bagi reka bentuk susun atur litar bersepadu berdasarkan keaslian, hasil usaha intelek penciptanya sendiri dan hakikat bahawa reka bentuk itu dicipta secara bebas. Tiada pendaftaran diperlukan bagi reka bentuk susun atur litar bersepadu.

Tempoh perlindungan adalah selama 10 tahun dari

tarikh eksploitasi komersial, atau 15 tahun dari tarikh penciptaan sekiranya tidak dieksploitasi secara komersial. Akta ini juga membenarkan tindakan diambil oleh pemilik sekiranya hak sedemikian yang diiktiraf di bawah Akta ini telah dilanggar. Hak ini boleh dipindah milik sama ada sebahagian daripadanya atau keseluruhannya secara penyerahan hak, pelesenan, wasiat atau melalui penguatkuasaan undang-undang.

Akta ini dilaksanakan mengikut Perjanjian TRIPS untuk memberikan jaminan kepada para pelabur dalam industri barangan elektronik Malaysia dan untuk memastikan pertumbuhan teknologi di negara ini.

6. PETUNJUK GEOGRAFI

Akta Petunjuk Geografi 2022 memberikan perlindungan kepada barangan mengikut nama tempat barangan itu dikeluarkan, jika kualiti, reputasi atau ciri lain tertentu barangan itu adalah pada dasarnya boleh dianggap berpunca dari tempat asal geografinya. Perlindungan ini terpakai kepada barangan seperti wain dan minuman keras; bahan makanan dan minuman yang disediakan; pertanian, produk akuakultur dan hortikultur; dan kraftangan dan tekstil (selain kraftangan).

Pemohon tempatan boleh memfailkan pendaftaran dengan sendiri atau melalui ejen petunjuk geografi berdaftar. Walau bagaimanapun, pemohon asing perlu mendapatkan perkhidmatan ejen petunjuk geografi berdaftar. Tempoh perlindungan adalah selama 10 tahun, dan boleh diperbaharui untuk tempoh selama setiap 10 tahun selepas itu.

MyIPO juga menyediakan perkhidmatan carian dan pemfailan dalam talian untuk paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan petunjuk geografi; dan carian dalam talian untuk pemberitahuan karya yang mendapat hak cipta. Untuk maklumat lanjut mengenai perlindungan harta intelek, sila lawati pautan www.myipo.gov.my.

7. PENILAIAN HARTA INTELEK

Pelabur boleh memilih untuk menjalankan penilaian ke atas IP mereka dengan menggunakan penilai IP tempatan, yang telah dilatih dan diperakui di bawah program Latihan Penilaian Harta Intelek dengan kerjasama Institusi Perdagangan Dunia dan Universiti Berne, Switzerland.

Penilaian Harta Intelek akan membantu mengurangkan kos dan kerumitan melantik penilai IP asing untuk menyediakan penilaian bagi pembiayaan dan cagaran IP, sekali gus menjadikannya lebih mudah diakses oleh PKS dan pemilik IP dalam mendapatkan nilai IP mereka. Ini, seterusnya, akan menyumbang kepada kerancakan keseluruhan ekosistem.

8. PEMBIAYAAN IP

Sebagai sebahagian daripada strategi keseluruhan Kerajaan untuk menambah baik dan meningkatkan daya saing PKS tempatan, rangka kerja undang-undang

baharu (Rang Undang-Undang Kepentingan Keselamatan Harta Alih) akan diperkenalkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk menyediakan peruntukan bagi pendaftaran kepentingan keselamatan pada harta alih yang digunakan sebagai cagaran untuk pembiayaan.

Pada masa ini, jenis cagaran yang paling biasa diterima untuk pembiayaan ialah aset tak alih atau tetap seperti tanah atau bangunan. Walau bagaimanapun, bersama dengan faedah tambahan lain, Rang Undang-undang yang dicadangkan akan memberi lebih banyak peluang kepada perniagaan, terutamanya PKS, mendapatkan pembiayaan dengan menggunakan harta alih mereka sebagai cagaran.

Rangka kerja ini juga akan berperanan memudahkan dalam meluaskan jenis harta alih yang akan diterima sebagai cagaran, terutamanya bagi harta tidak ketara seperti hak harta intelek.

Rang undang-undang itu kini dalam peringkat draf dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada 2024.

9. PASARAN HAK IP

Sebagai sebahagian daripada teras keseluruhan untuk mengukuhkan Ekosistem IP, memastikan permintaan dan penawaran IP yang sihat adalah penting untuk menggalakkan pelaburan berterusan dalam penciptaan IP dan bentuk pengetahuan dan aset tidak ketara yang lain.

MyIPO telah membangunkan dan melancarkan platform perintis yang dipanggil Pasaran Hak IP untuk meningkatkan akses dan keterlihatan bagi pemilik IP yang ingin melesenkan dan menjual hak mereka.

Portal ini diwujudkan untuk mengatasi kesukaran yang dihadapi oleh pemilik IP dari segi membuat IP mereka diketahui dan mendapat akses kepada bakal pemegang lesen dan pembeli.

Portal ini akan ditambahbaik lagi dengan penambahan pasaran tempatan dan global.

BAB

VIII

MEMASTIKAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR





1. DASAR

2. KEPERLUAN ALAM SEKITAR

- 2.1 Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) untuk Aktiviti yang Ditetapkan
- 2.2 Penilaian Kesesuaian Tapak



MEMASTIKAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Bagi menggalakan pembangunan yang mampan dari segi kelestarian alam sekitar, Kerajaan Malaysia telah membentuk satu rangka kerja perundangan dan institusi untuk perlindungan alam sekitar. Para pelabur digalakkan untuk mengambil kira faktor-faktor alam sekitar semasa peringkat awal perancangan projek mereka. Aspek kawalan pencemaran termasuk kemungkinan pengubahsuaian dalam proses meminimumkan penghasilan sisa, melihat pencegahan pencemaran sebagai sebahagian daripada proses pengeluaran, dan memberikan tumpuan kepada pilihan kitar semula, termasuk budaya kawal selia sendiri dalam seluruh perniagaan.

Perlindungan alam sekitar diawasi oleh [Jabatan Alam Sekitar](#) (DOE) di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC). Perniagaan hendaklah merujuk kepada DOE Malaysia untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai prosedur dan panduan tentang cara untuk memastikan bahawa projeknya adalah mampan dari segi kelestarian alam sekitar.

1. DASAR

Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) telah dibentuk demi kemajuan ekonomi, sosial dan budaya yang berterusan serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia, melalui pembangunan yang mampan dari segi kelestarian alam sekitar. Objektif DASN adalah untuk mencapai:

- ❖ Alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif untuk generasi ini dan generasi akan datang;
- ❖ Pemuliharaan warisan kebudayaan dan semula jadi yang unik dan pelbagai, dengan penyertaan semua lapisan masyarakat secara berkesan; dan
- ❖ Gaya hidup, pola penggunaan dan pengeluaran yang mampan.

Terdapat lapan (8) prinsip yang disenaraikan di bawah DASN untuk menyelaraskan matlamat pembangunan ekonomi dengan kepentingan alam sekitar:

- ❖ Pengawasan Alam Sekitar;
- ❖ Pemuliharaan Ketahanan dan Kepelbagaian Alam Semula Jadi;
- ❖ Peningkatan Berterusan Kualiti Alam Sekitar;

- ❖ Penggunaan Mampan Sumber-sumber Asli;
- ❖ Membuat Keputusan Bersepadu;
- ❖ Peranan Sektor Swasta;
- ❖ Komitmen dan Kebertanggungjawapan
- ❖ Penyertaan Aktif dalam Masyarakat Antarabangsa

DASN bertujuan untuk mengintegrasikan pertimbangan alam sekitar ke dalam aktiviti pembangunan dan semua proses membuat keputusan yang berkaitan, merangsang pertumbuhan ekonomi dan pembangunan manusia jangka panjang, dan juga untuk melindungi dan memperbaiki alam sekitar. Ia melengkapkan dan mempertingkatkan dimensi alam sekitar yang terkandung dalam dasar kebangsaan yang lain, seperti dasar perhutanan dan perindustrian, dan juga mengambil perhatian tentang konvensyen antarabangsa mengenai kepentingan sejagat.

2. KEPERLUAN ALAM SEKITAR

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan sampingannya menetapkan supaya penilaian kesan alam sekitar (EIA), penilaian kesesuaian tapak, penilaian kawalan pencemaran, pemantauan dan pengawalseliaan sendiri dilaksanakan. Aktiviti-aktiviti perindustrian dikehendaki supaya mendapatkan kelulusan berikutan daripada Ketua Pengarah Alam Sekitar sebelum pelaksanaan projek:

- ❖ EIA untuk Aktiviti Yang Ditetapkan;
- ❖ Pemberitahuan bertulis untuk membina mana-mana kemudahan yang mengakibatkan sumber baru pembuangan efluen perindustrian atau efluen campuran dan sumber baru sebaran kotoran; dan
- ❖ Kebenaran Bertulis dan Lesen untuk membina, menghuni dan mengendalikan premis yang ditetapkan dan pembawa yang ditetapkan.

2.1 EIA untuk Aktiviti yang Ditetapkan

Pelabur hendaklah memeriksa terlebih dahulu sama ada EIA dikehendaki bagi aktiviti perindustrian yang dicadangkan. Satu kajian EIA biasanya membentuk kelulusan peringkat kedua yang perlu untuk memperoleh Kelulusan Projek di bawah penilaian Pihak Berkuasa Melulus. Kelulusan EIA yang diperoleh untuk sesuatu projek kemudiannya harus dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melulus melalui Pusat Sehentian, bersama dengan kehendak kelulusan lain daripada agensi teknikal yang berkaitan. Aktiviti-aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015, yang memerlukan penilaian EIA adalah seperti berikut:

JADUAL PERTAMA

1. Pertanian

- (a) Skim kemajuan tanah yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 500 hektar untuk menjadikan hutan kepada pengeluaran pertanian.
- (b) Pembangunan estet pertanian yang meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih yang melibatkan perubahan dalam jenis kegunaan pertanian.

2. Aerodrom

Peluasan aerodrom yang melibatkan landasan terbang sepanjang 1,000 meter atau lebih.

3. Saliran dan Pengairan

- (a) Pembinaan tasik buatan manusia dan pembesaran tasik bukan semula jadi dengan kawasan permukaan seluas 100 hektar atau lebih.
- (b) Skim pengairan yang meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih.

4. Perikanan

Projek akuakultur berasaskan penggunaan tanah berserta dengan pembersihan hutan paya bakau, hutan paya gambut atau hutan paya air tawar yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 50 hektar.

5. Perhutanan

- (a) Pengubahan hutan pada ketinggian 300 meter atau lebih di atas purata aras laut kepada kegunaan lain tanah yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 100 hektar.
- (b) Pembalakan, atau penebangan atau pengambilan kayu bagi maksud pengubahan hutan kepada kegunaan tanah yang lain yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 500 hektar.
- (c) Pembalakan, atau penebangan atau pengambilan kayu daripada hutan pada ketinggian kurang daripada 300 meter di atas purata aras laut yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih, di luar hutan simpan kekal.
- (d) Pengubahan kawasan —
 - (i) hutan paya bakau;
 - (ii) hutan paya gambut; atau
 - (iii) hutan paya air tawar

bagi kegunaan perindustrian, perumahan atau pertanian yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 50 hektar.

- (e) Pembangunan ladang hutan yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 500 hektar.

6. Industri

- (a) Kimia:

Keupayaan pengeluaran setiap keluaran atau gabungan keluaran sebanyak 100 tan atau lebih sehari.

- (b) Simen:

Loji pengisaran simen dengan keupayaan pengeluaran simen sebanyak 200 tan atau lebih sehari.

- (c) Kapur:

Pengeluaran kapur sebanyak 100 tan atau lebih sehari dengan menggunakan relau putar atau 50 tan atau lebih sehari dengan menggunakan relau tegak.

- (d) Petrokimia:

Keupayaan pengeluaran setiap keluaran atau gabungan keluaran kurang daripada 50 tan sehari.

- (e) Limbungan kapal:

Tanan berat muatan 5,000 tan atau lebih.

7. Penebusgunaan Tanah

Penebusgunaan kawasan pantai atau penebusgunaan tanah sepanjang tebing sungai yang melibatkan kawasan kurang daripada 50 hektar.

8. Perlombongan

- (a) Pemprosesan bijih di luar kawasan tenemen mineral, termasuk pemekatan aluminium, kuprum, emas, besi, tantalum atau elemen nadir bumi.
- (b) Perlombongan pasir di darat atau sungai atau di kawasan pantai atau di laut wilayah yang tidak melebihi 3 batu nautika yang diukur dari garis air surut, melibatkan kawasan seluas 20 hektar atau lebih.
- (c) Perlombongan pasir di kawasan pelantar benua.

9. Petroleum

- (a) Pembangunan—

(i) medan minyak;

- (ii) medan gas; atau
- (iii) medan minyak dan gas.
- (b) Pembinaan sepanjang 30 kilometer atau lebih —
 - (i) talian paip luar pantai;
 - (ii) talian paip daratan; atau
 - (iii) talian paip luar pantai dan talian paip daratan.
- (c) Pembinaan —
 - (i) kemudahan pengasingan, pemprosesan, pengendalian dan penstoran minyak;
 - (ii) kemudahan pengasingan, pemprosesan, pengendalian dan penstoran gas; atau
 - (iii) kemudahan pengasingan, pemprosesan, pengendalian dan penstoran minyak dan gas.
- (d) Pembinaan depot keluaran bagi penstoran petrol, gas atau diesel yang mempunyai keupayaan penstoran tergabung sebanyak 60,000 tong atau lebih (tidak termasuk stesen servis) dalam jarak tiga (3) kilometer dari mana-mana kawasan perdagangan, perindustrian atau kediaman.

10. Pelabuhan

- (a) Peluasan pelabuhan yang melibatkan penambahan sebanyak 50% atau lebih dalam keupayaan pengendalian setahun.
- (b) Peluasan pelabuhan perikanan yang melibatkan penambahan sebanyak 50% atau lebih dalam keupayaan pendaratan ikan setahun.

11. Penjanaan dan Pemancaran Kuasa

- (a) Pembinaan stesen janakuasa stim yang menggunakan bahan api fosil (selain arang batu) dan mempunyai keupayaan 10 megawatt atau lebih, dengan atau tanpa talian pemancar.
- (b) Pembinaan stesen janakuasa kitar padu, dengan atau tanpa talian pemancar.
- (c) Pembinaan talian pemancar di kawasan sensitif alam sekitar.

12. Pembangunan di Kawasan Pantai dan Bukit

- (a) Pembinaan bangunan atau kemudahan yang mempunyai 80 bilik atau lebih di kawasan pantai.
- (b) Pembinaan resort atau hotel peranginan bukit pada ketinggian 300 meter atau lebih di atas purata aras laut yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih.

13. Pembangunan di Kawasan Cerun

Pembangunan atau pembersihan tanah yang meliputi kawasan yang kurang daripada 50% kawasan cerun yang berkecerunan melebihi atau sama dengan 25 darjah tetapi kurang daripada 35 darjah.

14. Pengolahan dan Pelupusan Buangan

- (a) Buangan terjadual:
 - (i) Pembinaan loji pulih guna (luar tapak).
 - (ii) Pembinaan loji pengolahan air buangan (luar tapak).
 - (iii) Pembinaan kemudahan penstoran (luar tapak).
- (b) Sisa pepejal:
 - (i) Pembinaan loji pengkomposan.
 - (ii) Pembinaan loji pulih guna atau loji kitar semula.
- (c) Kumbahan:
 - (i) Pembinaan loji pengolahan kumbahan dengan 20,000 kesetaraan populasi atau lebih.
 - (ii) Kemudahan rawatan enap cemar.

15. Pengorekan

- (a) Pengorekan induk.
- (b) Pelupusan bahan buangan yang dikorek.

16. Perumahan

Pembangunan perumahan yang meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.

17. Pembangunan Estet Perindustrian

Pembangunan estet perindustrian yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih.

18. Bandar Baharu

Pembinaan bandar baharu yang terdiri daripada 2,000 unit kediaman atau lebih yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih.

19. Kuari

Pengkuarian bahan batuan.

20. Jalan

- (a) Pembinaan lebuh raya ekspres.
- (b) Pembinaan lebuh raya.

- (c) Pembinaan jalan, terowong atau jambatan yang melintasi atau bersebelahan atau berdekatan dengan kawasan sensitif alam sekitar.

21. Bekalan Air

Pemajuan air bawah tanah bagi bekalan air perindustrian, pertanian atau kawasan bandar sebanyak 4,500 meter padu atau lebih sehari.

JADUAL KEDUA

1. Pertanian

- (a) Skim kemajuan tanah yang meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih untuk menjadikan hutan kepada pengeluaran pertanian.
- (b) Kawasan baru penternakan babi yang mempunyai sebanyak 2,000 populasi babi dirian atau lebih.

2. Aerodrom

- (a) Pembinaan aerodrom baharu yang melibatkan landasan terbang sepanjang 1,000 meter atau lebih.
- (b) Pembinaan aerodrom di dalam atau bersebelahan atau berdekatan dengan mana-mana taman negeri, taman negara, taman laut negara, pulau sekeliling taman laut atau kawasan sensitif alam sekitar.

3. Saliran dan Pengairan

- (a) Pembinaan tasik buatan manusia dan pembesaran tasik bukan semula jadi dengan kawasan permukaan seluas 50 hektar atau lebih di dalam atau bersebelahan atau berdekatan dengan kawasan sensitif alam sekitar.
- (b) Mana-mana saliran kawasan tanah bencah, habitat hidupan liar atau hutan darat yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih.

4. Perikanan

Projek akuakultur berasaskan penggunaan tanah beserta dengan pembersihan hutan paya bakau, hutan paya gambut atau hutan paya air tawar yang meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.

5. Perhutanan

- (a) Pengubahan hutan pada ketinggian 300 meter atau lebih di atas purata aras laut kepada kegunaan lain tanah yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih.
- (b) Pembalakan atau pengubahan hutan kepada kegunaan tanah yang lain di dalam —
 - (i) kawasan tadahan di kolam takungan air yang digunakan bagi bekalan air perbandaran, pengairan atau penjana kuasa hidro;

- (ii) kawasan yang bersebelahan atau berdekatan dengan mana-mana taman negeri, taman negara atau taman laut negara;

- (iii) mana-mana taman negeri, taman negara atau taman laut negara; atau

- (iv) kawasan yang diwartakan sebagai hutan tadahan air di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313].

- (c) Pembalakan, atau penebangan atau pengambilan kayu dari hutan pada ketinggian 300 meter atau lebih di atas purata aras laut yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih, di luar kawasan hutan simpan kekal.

- (d) Pembalakan, atau penebangan atau pengambilan kayu yang meliputi kawasan 500 hektar atau lebih.

- (e) Pembangunan ladang hutan yang meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih.

- (f) Pengubahan kawasan —

- (i) hutan paya bakau;

- (ii) hutan paya gambut; atau

- (iii) hutan paya air tawar

bagi kegunaan perindustrian, perumahan atau pertanian yang meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.

- (g) Pembersihan kawasan hutan paya bakau, hutan paya gambut atau hutan paya air tawar di pulau yang bersebelahan dengan mana-mana taman laut negara.

6. Industri

- (a) Bukan besi:

- (i) Peleburan utama aluminium (semua saiz).

- (ii) Peleburan utama kuprum (semua saiz).

- (iii) Peleburan utama bukan besi yang lain (mengeluarkan 50 tan keluaran atau lebih sehari).

- (b) Simen:

Dengan keupayaan pengeluaran klinker sebanyak 30 tan atau lebih sejam.

- (c) Besi dan keluli:

- (i) Menggunakan bijih besi sebagai bahan mentah bagi pengeluaran 100 tan atau lebih sehari.

- (ii) Menggunakan besi sekerap sebagai bahan mentah bagi pengeluaran 200 tan atau lebih sehari.

(d) Petrokimia:

Keupayaan pengeluaran setiap keluaran atau gabungan keluaran sebanyak 50 tan atau lebih sehari.

(e) Pulpa, atau pulpa dan kertas:

Keupayaan pengeluaran 50 tan atau lebih sehari.

(f) Industri kitar semula kertas:

Keupayaan pengeluaran 50 tan atau lebih sehari.

7. Penebusgunaan Tanah

(a) Penebusgunaan kawasan pantai atau penebusgunaan tanah sepanjang tebing sungai yang melibatkan kawasan seluas 50 hektar atau lebih.

(b) Penebusgunaan kawasan pantai atau penebusgunaan tanah sepanjang tebing sungai di dalam atau bersebelahan atau berdekatan dengan kawasan sensitif alam sekitar.

(c) Penebusgunaan bagi pulau buatan manusia.

8. Perlombongan

(a) Perlombongan bahan galian dalam kawasan baharu yang melibatkan operasi berskala besar.

(b) Perlombongan bahan galian di dalam atau bersebelahan atau berdekatan dengan kawasan sensitif alam sekitar.

9. Petroleum

(a) Pembinaan loji penapisan minyak.

(b) Pembinaan loji penapisan gas.

(c) Pembinaan loji penapisan minyak dan gas.

10. Pelabuhan

(a) Pembinaan pelabuhan baharu.

(b) Pembinaan pelabuhan perikanan baharu.

11. Penjanaan dan Pemancaran Kuasa

(a) Pembinaan stesen janakuasa yang menggunakan bahan api arang batu yang mempunyai keupayaan 10 megawatt atau lebih dengan atau tanpa talian pemancar.

(b) Pembinaan stesen janakuasa yang menggunakan bahan api nuklear dengan atau tanpa talian pemancar.

12. Pembangunan di Kawasan Pantai, Taman Negara dan Taman Negeri

Pembangunan kemudahan pelancongan, kemudahan rekreasi atau kemudahan lain:

(a) di dalam mana-mana taman negara atau taman negeri; atau

(b) di mana-mana pulau dalam perairan sekeliling yang telah diwartakan sebagai taman laut atau rizab laut di bawah Akta Perikanan 1985 [Akta 317].

13. Pembangunan di Kawasan Cerun

(a) Pembangunan atau pembersihan tanah yang meliputi 50% atau lebih kawasan cerun yang berkecerunan lebih daripada atau sama dengan 25 darjah tetapi kurang daripada 35 darjah.

(b) Pembinaan jalan, terowong atau jambatan yang melintasi kawasan cerun yang berkecerunan melebihi atau sama dengan 35 darjah.

14. Pengolahan dan Pelupusan Buangan

(a) Buangan terjadual:

(i) Pembinaan loji rawatan terma.

(ii) Pembinaan loji pulih guna luar tapak bagi buangan bateri asid plumbum.

(iii) Pembinaan loji pulih guna luar tapak atau kemudahan rawatan yang mengeluarkan jumlah air buangan yang ketara yang terletak di hulu pengambilan bekalan air awam.

(iv) Pembinaan kemudahan tapak penimbunan tanah selamat.

(b) Sisa pepejal:

(i) Pembinaan loji rawatan terma.

(ii) Pembinaan kemudahan tapak penimbunan sanitari.

(iii) Pembinaan stesen pemindahan.

15. Pembinaan Empangan

(a) Pembinaan empangan atau kolam takungan air bagi maksud pengairan, tebatan banjir, kawalan pengelodakan, rekreasi, bekalan air atau apa-apa sebab lain dengan kawasan permukaan seluas 100 hektar atau lebih.

(b) Empangan dan skim kuasa hidroelektrik dengan salah satu atau kedua-dua yang berikut:

- (i) empangan yang ketinggiannya 15 meter atau lebih dan struktur sampingan yang meliputi kawasan seluas 40 hektar atau lebih;
- (ii) kolam takungan air dengan kawasan permukaan seluas 100 hektar atau lebih.

16. Pengangkutan

- (a) Pembinaan laluan atau landasan cabang baharu bagi projek pengangkutan laju massa.
- (b) Pembinaan landasan laluan atau landasan cabang baharu kereta api.

17. Bahan Radioaktif dan Buangan Radioaktif

Mana-mana aktiviti yang dinyatakan dalam Jadual ini dan Jadual Pertama yang menggunakan bahan radioaktif dan menghasilkan buangan radioaktif.

Peringkat Penyerahan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA):

- (i) Penyerahan terma rujukan untuk pengesahan (bagi aktiviti yang tergolong dalam Jadual Kedua).
- (ii) Penyerahan Laporan EIA untuk Kelulusan (bagi aktiviti yang tergolong dalam Jadual Pertama atau Jadual Kedua).

Kedua-dua dokumen mestilah disediakan oleh orang yang berkecualan (Perunding EIA yang Berdaftar dengan JAS), dan hendaklah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar serta garis panduan berkaitan lain yang diterbitkan oleh agensi lain. Garis Panduan Penilaian Kesan kepada Alam Sekitar di Malaysia 2016 telah disediakan bagi membantu pengusaha projek memahami matlamat EIA, prosedur untuk menjalankan kajian EIA dan garis panduan mengenai penyediaan laporan EIA.

2.2 Penilaian Kesesuaian Tapak

Sebelum sebuah projek perindustrian dirancang, perhatian mestilah diambil dalam memastikan lokasi tapak yang dicadangkan adalah sesuai dengan tujuannya dan apa-apa masalah alam sekitar mesti ditangani sama ada dengan reka bentuk dan/atau perancangan. Pengelakan percanggahan melalui penempatan yang betul, dan yang lebih penting, dengan pertimbangan kawalan alam sekitar dan pencegahan pencemaran adalah penting untuk kemampanan jangka panjang sesuatu aktiviti perindustrian. Perkara ini akan membantu mengurangkan kos pelaburan yang tidak diperlukan yang mungkin dikehendaki terutamanya berkenaan dengan kawalan pencemaran dan untuk meningkatkan persepsi masyarakat terhadap projek atau aktiviti tersebut.

Garis Panduan "Siting and Zoning of Industries and Residential Areas (SZIRA) 2012" dan "Environmental Essentials for the Siting of Industries in Malaysia (EESIM)

2017", yang diterbitkan oleh JAS, digunakan sebagai dokumen panduan untuk pembangun projek apabila memilih tapak yang sesuai untuk pembinaan kemudahan perkilangan atau perindustrian. Aktiviti perindustrian yang dicadangkan hendaklah ditempatkan di kawasan perindustrian dan dibangunkan dan diurus dengan langkah-langkah kawalan yang sempurna dari segi alam sekitar. Dalam mempertimbangkan kesesuaian tapak yang dicadangkan, lokasi yang berkenaan dinilai dari segi kesesuaiannya dengan pelan Struktur dan pelan Tempatan yang telah diwartakan, kegunaan tanah di sekitar, peruntukan anjakan atau zon penampakan yang ditetapkan oleh PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), keupayaan kawasan itu untuk menerima beban pencemaran tambahan dan keperluan pelupusan buangan.

BAB

IX

**MENGHUBUNGKAN PERNIAGAAN
ANDA DENGAN INFRASTRUKTUR DAN
KEMUDAHAN DI MALAYSIA**





1. TANAH PERINDUSTRIAN

1.1 Taman Perindustrian

1.2 Zon Bebas

1.2.1 Zon Komersial Bebas (*Free Commercial Zone* atau FCZ)

1.2.2 Zon Perindustrian Bebas (*Free Industrial Zone* atau FIZ)

1.3 Gudang Pengilangan Berlesen (*Licensed Manufacturing Warehouse* atau LMW)

2. BEKALAN ELEKTRIK

3. BEKALAN AIR

4. PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI

5. KEMUDAHAN KARGO UDARA

6. PELABUHAN LAUT

7. PENGANGKUTAN KARGO

7.1 Pengangkutan Kontena

7.2 Penghantaran Muatan

8. LEBUH RAYA

9. PERKHIDMATAN KERETA API

10. INFRASTRUKTUR DIGITAL



MENGHUBUNGKAN PERNIAGAAN ANDA DENGAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN DI MALAYSIA

1. TANAH PERINDUSTRIAN

1.1 Taman Perindustrian

Infrastruktur bertaraf dunia dan kemudahan menjalankan perniagaan adalah merupakan antara kriteria utama bagi pelabur sewaktu membuat keputusan pelaburan. Malaysia mempunyai lebih daripada 500 taman perindustrian yang memenuhi keperluan syarikat dalam pelbagai jenis industri, seperti industri kecil, industri halal, bioteknologi, taman eko dan industri berteknologi tinggi. Taman perindustrian ini dibangunkan untuk menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra perniagaan bagi para pelabur. Infrastruktur dan kemudahan yang sangat baik seperti akses yang mudah ke bandar-bandar utama, bekalan elektrik dan air yang mencukupi, jalur lebar kelajuan tinggi (HSBB) sehingga 16bps, talian paip gas, kemudahan logistik dan penyimpanan, keselamatan kilang, kemudahan bangunan bertingkat siap dan zon “pasang dan pakai” mudah didapati. Kemudahan ini mengurangkan kos permulaan untuk pelabur dan juga memudahkan pelaksanaan projek-projek di Malaysia.

